



## **DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

### **PENGGAL KEEMPAT**

### **MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 30 MAC 2016 (RABU)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

### **YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

- Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)
- Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)
- Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)
- Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)
- Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)
- Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)
- Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)
- Y.B. Tuan Rajiv A/l Rishyakaran (Bukit Gasing)
- Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)
- Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)
- Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)
- Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)
- Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)
- Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)
- Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)
- Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)
- Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

### **Pelapor Perbahasan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Dewan disambung semula)

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**SETIAUSAHA:** *Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum waramatullahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan urusan Mesyuarat Pertama, Penggal Keempat, Dewan Negeri Selangor yang ke-13 pada hari yang ketiga 30 Mac 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. BACAAN DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi semua. Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker, soalan 13.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN YEO BEE YIN**  
**(DAMANSARA UTAMA)**

**TAJUK: ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

13. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini rasionalisasi anak-anak syarikat Menteri Besar Incorporated (MBI)?
- b) Bilakah kerajaan akan membentangkan pindaan Enakmen MBI 1994?
- c) Adakah kerajaan berhasrat untuk menjalankan rasionalisasi dan konsolidasi anak-anak syarikat PKNS, PKPS dan Yayasan Selangor? Jika ya, apakah status? Jika tidak, kenapa?

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR:** Tuan Yang Dipertua dan Y.B. Damansara Utama, izinkan saya mengulangi kenyataan yang sebelum ini bahawa proses rasionalisasi anak-anak syarikat Menteri Besar Selangor Perbadanan ataupun MBI perlu dilakukan bagi memastikan aset-aset Kerajaan Negeri tidak lagi berada di dalam keadaan yang tidak terurus ataupun *fragmented* dan *disarrange*. Pihak pengurusan MBI masih menjalankan kerja-kerja penelitian dalam usaha untuk menggabungkan kesemua anak syarikatnya di bawah *cluster* yang khusus untuk mengelakkan

pertindihan aktiviti ekonomi di antara anak-anak syarikat. Mewujudkan dan mencipta *economy of skill* dan penciptaan nilai yang kukuh dan mampan. *Sustainable value creation* dan *corporate efficiency and responsibility* dapat ditingkatkan. Selain daripada itu pihak pengurusan MBI telah pun mengemukakan cadangan meletakkan sistem amalan tadbir urus korporat di peringkat DEIG untuk mendapatkan pandangan perundangan. Untuk makluman Dewan ini draf cadangan ini telah pun melalui proses semakan oleh Unit Perundangan MBI sebelum diserahkan kepada Kamar. Dan Kamar telah pun mengemukakan maklum balas awal dan kini sedang diteliti oleh pihak pengurusan MBI. Untuk makluman Y.B. Damansara Utama apabila pengurusan baru MBI mengambil inisiatif untuk meneliti semula enakmen MBI 1994 ianya adalah berdasarkan kepada semangat untuk memastikan perjalanan operasi MBI itu berteraskan prinsip *the best practices* yang merangkumi integriti ketelusan dan kebertanggungjawaban.

MBI mahu mewujudkan Jabatan Audit dalaman, mendapatkan firma audit luaran untuk menjalankan audit tahunan dan seterusnya membenarkan Jabatan Audit Negara menjalankan audit tahunan dan kemudiannya melanjutkan laporan audit tahunan tersebut kepada pihak Perbendaharaan Negeri dan Dewan Undangan Negeri. MBI dan anak-anak syarikatnya juga bertanggungjawab untuk memuat naikkan laporan audit tahunannya secara *online* di laman web masing-masing.

Pihak pengurusan MBI kini sedang meneliti maklum balas yang telah diberikan oleh Kamar Penasihat Undang-undang dan pihak-pihak lain untuk mewujudkan satu piawaian tadbir urus korporat yang seragam dan terpakai kepada MBI dan anak-anak syarikatnya bagi mencapai hasrat dan semangat tersebut mengikut kaedah perundangan negeri yang dibenarkan. Saya dimaklumkan baru-baru ini pada 21 Mac yang lalu pihak pengurusan MBI telah pun bertemu dengan Jawatankuasa ABAS untuk mendapatkan maklum balas dan juga memberikan pandangan-pandangan bagi menambahbaik isu urus tadbir korporat yang dimaksudkan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Memandangkan enakmen MBI yang asal yang telah diluluskan pada tahun 1994 hanya mengandungi 6 seksyen sahaja menjadikannya sebuah akta ataupun enakmen yang sangat ringkas, jadi saya ingin bertanya adakah Y.A.B. Menteri Besar bercadang segala cadangan ataupun penambahbaikan piawaian ataupun garis panduan itu akan dimasukkan dalam enakmen ini sebagai pindaan sama ada di dalam melalui penambahan seksyen ataupun diselitkan sebagai jadual dalam enakmen ini supaya enakmen ini akan menjadi lebih padat. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR:** Terima kasih Y.B Kampung Tunku. Seperti yang telah saya katakan juga dalam Dewan Yang Mulia ini dalam beberapa sesi yang lalu,

sekiranya Kerajaan Negeri ingin mengekalkan *the absolute power of the Chief Minister* ataupun Menteri Besar kita akankekalkan enakmen yang sedia ada tanpa sebarang usaha untuk menambahbaik. Pihak pengurusan baru MBI yang Alhamdulillah terdiri daripada kalangan yang profesional mengambil inisiatif ini bagi tujuan yang dimaksudkan oleh Kampung Tunku tadi supaya isu-isu integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban menjadi sebahagian daripada enakmen tersebut. Cuma apa yang sedang kita teliti daripada makluman balas Kamar ini apakah kaedah perundangan yang membolehkan kita mengamalkan *the best practices study* sama ada ada perlu kepada pindaan enakmen ataupun seperti yang saya nyatakan dalam jawapan tadi mengikut kaedah perundangan negeri yang dibenarkan pada hari ini. Jadi perkara ini sedang dalam peringkat perbincangan dengan Kamar dan juga pihak perundangan luar bagi mendapatkan maklum balas. Namun bagi saya matlamat Kerajaan Negeri dan MBI cukup jelas selaras daripada apa yang telah disarankan oleh Jawatankuasa ABAS bagi menambahbaik pengurusan MBI di masa yang akan datang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Dato' Menteri Besar. Selepas resolusi MBI adakah masih terbuka MBI dan anak-anak syarikat dan Perbadanan di bawahnya untuk mengadakan satu bentuk kerjasama *joint venture* dengan izin dengan syarikat-syarikat swasta.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR:** Y.B. Hulu Kelang, sebaik sahaja pihak MBI memperkuatkannya isu *governance* dalam pengurusan MBI sudah tentulah sebarang *commercial*, urus niaga *commercial* yang dijalankan mesti terikat dengan enakmen dan juga garis panduan dan kaedah yang akan kita putuskan nanti. Kerana tujuan yang murni ini adalah untuk memastikan pengurusan MBI mesti berpegang dan menjamin ketelusan, kebertanggungjawaban, integriti yang terbuka. Sebab itu antara perkara yang kita cadangkan supaya laporan audit ini bukan sahaja dibuat oleh audit dalaman tetapi membenarkan Jabatan Audit Negara masuk untuk menjalankan audit dan dilaporkan secara tahunan termasuk melaporkan kepada Dewan Negeri ini.

Pengalaman saya apabila mula-mula saya mengambil alih tugas ini Jabatan Audit Negara datang bertemu dengan saya dan memohon kebenaran untuk Jabatan Audit Negara masuk ke dalam MBI, kerana itu tidak berlaku sebelum ini. Jadi saya percaya dengan usaha ini *concern* dan keprihatinan Y.B Hulu Kelang dan Jawatankuasa ABAS itu merupakan teras utama bagi pengurusan MBI menjalankan sebarang urus niaga *commercial* dengan mana-mana pihak sekalipun. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Bilakah yang kita boleh expect yang dapat jawapan yang *the real answer* dari Kerajaan Negeri.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR:** Yang tadi tu *the real answer* lah Damansara Utama....

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Bukan sekarang kaji lagi *right, so*, bilakah yang kita boleh dapatkan....sama ada kita nak bentang enakmen pindaan ataupun tiada pindaan, bilakah kita boleh dapat satu jawapan.

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR:** Terima kasih Damansara Utama, yang saya nyatakan tadi pihak Kamar telah pun mengemukakan maklum balas awal kepada pihak MBI bertarikh 15 Februari 2016. Ini maklum balas awal yang diterima dari Kamar dan pihak MBI sudah pun meneliti cadangan-cadangan pihak Kamar Penasihat Undang-undang tentang meletakkan sistem amalan tadbir urus korporat di dalam MBI dan juga dalam DEIG dan cuma harapan kita supaya perkara-perkara yang dicadangkan ini dapat diteliti segera. Walau bagaimanapun, daripada awal lagi kita merasakan kita tidak boleh tergesa-gesa dalam meletakkan satu amalan yang telus dan terbuka seperti ini melainkan setelah mendapat pandangan perundangan daripada pelbagai pihak. Sebab itu kita bukan sekadar mendapat pandangan daripada Kamar Penasihat Undang-undang sahaja tetapi daripada Unit Perundangan MBI dan juga pihak luar supaya kita dapat benar-benar satu kaedah perundangan yang cukup kemas bagi memastikan hasrat yang kita nyatakan itu dapat dilaksanakan secara baik. Saya meletakkan harapan supaya perkara ini boleh disegerakan dan dimaklumkan kepada Dewan tentang apakah kaedah perundangan yang boleh dipakai bagi mencapai hasrat tersebut. Saya akan maklum kepada pihak MBI supaya perkara ini mesti disegerakan dan harapnya dalam suku tahun yang kedua ini kita dapat melihat satu kaedah yang cukup jelas bagi mencapai matlamat yang berkenaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras.

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDIN BIN OTHMAN:** Puan Speaker, soalan saya no. 14.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN  
(PAYA JARAS)**

**TAJUK: NAIK TARAF MASJID**

14. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tidak ada kelonggaran untuk mempertimbangkan kelulusan menaiktaraf surau kepada taraf masjid bagi Kampung Matang Pagar, walaupun ia merupakan keperluan setempat?
- b) Apakah syarat tanah tiga ekar merupakan syarat muktamad yang tidak boleh diberi pengecualian?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Bismillahir rahmanir rahim*, Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Yang Mulia, Paya Jaras bertanyakan berkaitan dengan naiktaraf Masjid, naiktaraf surau kepada taraf Masjid bagi Kampung Permatang Pagar. Untuk makluman bahawa masih ada lagi kelonggaran di dalam mempertimbangkan naiktaraf-naiktaraf surau kepada masjid di Negeri Selangor. Pun begitu pihak JAIS amat menyedari kekangan dalam mendapatkan keluasan tanah seperti disyaratkan melainkan jika tapak masjid tersebut dimasukkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam pelan perancangan pembangunan yang dirancang oleh pemaju.

Tiga ekar merupakan syarat ideal yang ditetapkan oleh pihak JAIS bagi membolehkan masjid yang dibina mampu memberikan keselesaan kepada para jemaah khasnya dalam menyediakan kemudahan tempat letak kereta dan kemudahan-kemudahan masjid yang lain. Namun syarat ini, bukanlah syarat muktamad yang tidak boleh diubah bagi pembinaan masjid di sesetengah tempat. Saya mengambil contoh Masjid Ali Selah Taman Seri Kembangan yang mempunyai keluasan sekadar 0.9 ekar dan Kerajaan Negeri telah meluluskan pembinaan masjid yang mana pada hari ini hampir 70% siap dan masjid ini didirikan 3 tingkat dan mempunyai kapasiti boleh menampung seramai 1500 sehingga 2000 jemaah. Pun begitu saya kira seperti mana yang saya sebutkan tadi ideal 3 ekar itu sebenarnya adalah untuk memberikan kemudahan-kemudahan lain termasuklah kemudahan tempat letak kereta dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan Ijok No.15.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK : PERLANTIKAN AHLI MAJLIS – PRESTASI KERJA AHLI MAJLIS  
YANG TIDAK MEMUASKAN MASIH TETAP DILANTIK SEMULA**

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah peraturan yang ditetapkan atau garis panduan yang mesti dipatuhi untuk pelantikan semula Ahli Majlis?
- b) Adakah jawatankuasa tertentu yang memantau pelantikan Ahli Majlis?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Ijok, pelantikan Ahli Majlis adalah berdasarkan peruntukan Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan dan kriteria telah ditetapkan di dalam pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) SPBT Bil.2/2013 di mana pemilihan Ahli Majlis PBT Negeri Selangor seperti berikut :

1. Penguasaan bahasa rasmi. Kefasihan dalam bahasa kebangsaan.
2. Pengalaman. Ahli Majlis yang mempunyai pengalaman kerja dalam bidang yang tertentu yang boleh memberi manfaat kepada Jawatankuasa berkenaan.
3. Kepakaran. Mana-mana Ahli Majlis yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan dalam sesuatu bidang disesuaikan dalam keanggotaan Jawatankuasa tersebut.
4. Latar belakang pendidikan. Mana-mana Ahli Majlis yang mempunyai latar belakang pendidikan yang tertentu disyorkan menganggotai jawatankuasa yang bersesuaian. Contohnya, Sijil, Diploma, Ijazah berlatar belakang kan kewangan sesuai menganggotai Jawatankuasa Kewangan.
5. Latar belakang Parti/NGO. Penglibatan Ahli Majlis mengikut portfolio Jawatankuasa dibahagikan dengan seimbang mengikut latar belakang parti ataupun NGO masing-masing.
6. Syarat-syarat tambahan mana-mana Ahli Majlis yang menganggotai jawatankuasa kewangan, sebut harga, jawatankuasa tender tidak boleh menganggotai jawatankuasa audit dan pengurusan korporat dan sebaliknya. UPEN akan bertindak sebagai urus setia dalam pelantikan Ahli Majlis. Pelantikan Ahli Majlis bermula dari pencalonan yang diterima oleh urus setia dari parti-parti komponen dan pertubuhan bukan kerajaan/NGO di mana calon-calon ini akan melalui tapisan-tapisan seperti tapisan SPRM, Polis dan Insolvensi. Seterusnya senarai ini akan dibawa ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk diluluskan dan disahkan sebelum watikah pelantikan kepada PBT yang berkenaan.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. Sepatutnya Ahli-ahli Majlis yang dilantik dia akan membantu ataupun memberi apa, memantapkan pentadbiran PBT, tetapi yang..

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Y.B. Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalannya saya nak tahu sama ada Kerajaan Negeri nak buat macam rancangan jangka panjang untuk mengubah cara-cara pelantikan yang ada sekarang iaitu sekarang Ahli Majlis dia bertanggungjawab kepada orang yang melantik. Bukan kepada masyarakat. Adakah rancangan untuk menggubal ataupun Ahli Majlis ini separuh dilantik dan separuh dipilih. Itu saya nak tanya, jadi mereka akan bertanggungjawab kepada masyarakat dan bukan kepada orang-orang yang melantik mereka.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Ijok. Ahli Majlis memang bertanggungjawab kepada masyarakat dan juga penduduk tempatan dan berkhidmat kepada rakyat. Itu tak ada isu tentang adakah mereka bertanggungjawab kepada orang yang melantik mereka. Saya rasa itu bukan satu isu. Kalo Y.B. ada isu tentang Ahli Majlis yang tidak menjalankan tugas mereka saya rasa Y.B. boleh membuat aduan kepada Kerajaan Negeri. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, Y.B. EXCO saya dapati masih ada terdapat kekosongan di PBT-PBT tertentu yang belum mengisi sepenuhnya Ahli-ahli Majlis. Bagaimanakah tindakan secepat mungkin yang dilakukan kerajaan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Memang ada, masih ada beberapa kekosongan di dalam Ahli Majlis ya, di dalam PBT, Kerajaan Negeri sekarang memang kita dalam usaha untuk kita membuat pelantikan dengan secepat mungkin.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan Nombor 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK: BANTUAN RUMAH KERAJAAN PRIHATIN**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah rumah bantuan kerajaan prihatin yang telah diduduki dan masih dalam pembinaan mengikut daerah?

- b) Nyatakan jumlah penerima mengikut pecahan kaum dari tahun 2013-2015?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, selaras dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor, Program Kerajaan Prihatin telah diwujudkan bertujuan untuk menjaga kebajikan dan membantu golongan miskin yang tidak mampu untuk menyediakan sendiri tempat tinggal / kediaman yang sempurna bagi memiliki sebuah kediaman yang selamat dan selesa.

Bermula dari tahun 2008 sehingga 2015, Kerajaan Negeri Selangor telah membantu golongan tersebut untuk membaik pulih dan membina baru sebuah rumah. Penerima bantuan di bawah program ini dapat dipecahkan mengikut daerah masing-masing di Negeri Selangor dengan jumlah Klang sebanyak 181 penerima, Petaling 61 penerima, Kuala Langat 200 penerima, Hulu Langat 84 penerima, Sabak Bernam 240 penerima, Kuala Selangor 259 penerima, Gombak 106 penerima, Hulu Selangor 8 penerima dan Sepang 97 penerima. Jumlah keseluruhan penerima bagi Bantuan Bina Baru dan Baik pulih dari tahun 2008 sehingga 2015 adalah sebanyak 1,316 penerima.

Manakala bagi rumah bantuan bina baru dan baik pulih yang masih dalam pembinaan mengikut daerah adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Gombak	5
2.	Hulu Langat	7
3.	Klang	11
4.	Hulu Selangor	3
5.	Petaling	7
6.	Sepang	-
7.	Sabak Bernam	12
8.	Kuala Selangor	-
9.	Kuala Langat	11
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>56</b>

Jumlah permohonan yang telah diluluskan bagi bina baru dan baik pulih rumah di bawah Program Bantuan Rumah Kerajaan Prihatin daripada tahun 2013 sehingga 2015 adalah berjumlah 372 penerima. Pecahan penerima mengikut kaum adalah masing-masing dengan Melayu sebanyak 311 penerima iaitu 83.6%, Cina sebanyak 25 penerima iaitu 6.72% dan India sebanyak 36 penerima iaitu 9.7%. Permohonan yang diterima dan diluluskan adalah berdasarkan permohonan yang disyorkan oleh Pejabat Daerah dan Tanah yang berkenaan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya apakah SOP dengan izin, pemprosesan itu sebab di kawasan saya ada yang sudah permohonan satu tahun sampai sekarang belum bina dan ada tak apa harga pembinaan untuk satu unit rumah sebab ini bersangkut paut dengan pertanyaan saya yang pertama sebab saya dimaklumkan syiling yang ditetapkan itu tidak dapat ditanggung oleh kontraktor memandangkan sekarang barang sudah ada tambahan GST 6%, jadi boleh saya tahu daripada segi penerimaan, permohonan, penyemakan, pemprosesan, turun padang sampai kelulusan, Berapa tempoh panjangnya?.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Y.B. daripada Rawang. Sebenarnya SOP ini telah banyak kali telah diberitahu dalam Dewan Yang Mulia ini. Namun begitu, permohonan adalah dibuat ke Pejabat Tanah/ Daerah berkenaan dan melalui begitu dalam masa tidak lebih daripada 2 bulan. Pejabat Tanah akan membuat siasatan dan juga akan memberi ulasan mereka melalui daripada Penghulu, Ketua Kampung yang terlibat selalunya. So, mereka akan memberi, mereka akan mengadakan satu mesyuarat bersama dengan Pejabat Tanah itu sendiri untuk membawa kepada UPEN. UPEN akan mengadakan setiap 2 bulan sekali dalam mesyuarat berkenaan STANDCO Kerajaan Prihatin, di mana kita apabila kertas itu lengkap dengan ulasan daripada Pejabat Tanah kita akan proses, kita akan lulus atau tidak kita akan membuat keputusan dalam di situ. Apabila kita membuat keputusan kita lulus, dalam masa 3 bulan Kerajaan daripada UPEN kita akan memberi geran untuk melantik kontraktor. Kontraktor akan dilantik Pejabat Tanah itu sendiri, namun begitu seperti yang dikatakan oleh Y.B. Rawang tadi syiling yang ditetapkan kini adalah RM25,000 maksima untuk 2 bilik dan RM35,000 maksima untuk 3 bilik dan juga RM20,000 untuk baik pulih. Itu adalah syiling yang ditetapkan. Memang aduan yang banyak yang telah diterima daripada khususnya di kawasan seperti Pejabat Tanah Petaling, Klang, Hulu Langat yang paling kita dapat aduan bahawa mereka tidak dapat sediakan kontraktor yang mampu membina rumah dengan harga syiling tersebut. Perkara ini telah pun dibawa berbincang bersama PWN dan kita masih lagi menunggu kertas kerja dan juga laporan yang khas daripada semua Pejabat Tanah supaya untuk menaikkan syiling tersebut, dalam keadaan tersebut masih lagi Pejabat Tanah daripada PWN telah mencadangkan kepada UPEN dan UPEN telah mencadangkan kepada Pejabat Tanah agar kontraktor, sesuatu kontraktor itu boleh dapat sehingga 10 buah, supaya dia dapat menyelesaikan pembinaan tersebut. Namun begitu, masih lagi tidak ada *no takers* in Klang dengan izin dan juga Petaling. Maka kita sedang rancang untuk menaikkan harga syiling tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Sila nyatakan jangka masa tertentu untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan Rumah Kerajaan Prihatin tadi.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Apa dia saya tak dengar tadi.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Jangka masa untuk menyelesaikan isu-isu yang telah disebutkan tadi.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Saya rasa saya telah beritahu tadi jangka masa, dia tidak ada satu jangka masa yang tetap. Tadi saya jawab jawapan yang saya berikan kepada Y.B. Rawang tadi berkenaan dengan jangka masa tersebut.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tapi sebagai EXCO *you must have a proper planning*. Jangka masa 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan atau setahun. *That's what we want*.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Y.B. Kota Damansara, saya telah memberitahu jawapan tadi dan secara jelas bahawa bagaimana pemprosesan dan berapa masa yang diambil. Bukan kita tak dapat *fixed time, just because* dengan izin kita tak dapat hanya menetapkan sesuatu tempoh dengan tanpa ulasan daripada Pejabat Tanah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Y.B. Tuan Speaker, Soalan Nombor 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(BATANG KALI)**

**TAJUK: KAJIAN PELAN INDUK PENGANGKUTAN AWAM (PIPA)**

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status terkini kajian PIPA?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memastikan PIPA berjaya?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** a) Untuk makluman Y.B. Batang Kali, Kajian Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor telah dimulakan pada Ogos 2015 dan pada Januari 2016 Kerajaan Negeri telah menerima draf Laporan Akhir Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Selanjutnya, Kerajaan Negeri telah mengadakan sesi keterlibatan (*engagement*) dengan izin, draf Laporan Akhir Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor bersama pihak ADUN, Ahli Parlimen, Ahli Majlis, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan rakyat bagi mendapatkan maklum balas dan input berkaitan pelan induk tersebut dan 4 pendengaran awam telah pun diadakan 4 buah PBT iaitu di Klang, Subang Jaya, Petaling dan Ampang. Saya sendiri telah memastikan jemputan dikeluarkan kepada semua pihak yang saya sebutkan tadi. Jadi, adalah tidak benar tuduhan mengatakan bahawa tidak ada *engagement* dengan izin yang dilakukan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Maklum balas dan input tambahan melalui sesi tersebut akan diambil kira bagi memuktamadkan Laporan Akhir pelan Induk Pengurusan Awam Negeri Selangor. Laporan akhir ini telah disiapkan dan dijadualkan dibentangkan kepada Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES) selepas sidang dewan ini.

Hasil kajian selama enam (6) bulan telah mencadangkan 12 penyelesaian bagi menangani isu kesesakan lalu lintas dan membantu rakyat meningkatkan aksesibiliti terhadap pengangkutan awam seperti berikut:

Jajaran/Justifikasi		
<b>KTM</b>		
P1	KTM Freight Line North	Serendah-Klang Liputan kawasan utara Negeri Selangor
P2	KTM Freighth Line South	Klang-KLIA-Senawang Liputan kawasan selatan Negeri Selangor
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan jajaran baru khas untuk sistem pengangkutan barang dengan jumlah perhentian yang terhad untuk pergerakan yang lebih pantas.</li> <li>• Mengasingkan laluan utama pengangkutan awam bagi membolehkan perkhidmatan kereta api sedia ada digunakan sepenuhnya secara efisien untuk pergerakan penumpang</li> </ul>	
<b>MRT</b>		
P3	MRT Circle Line 1	6 km radius dari Kuala Lumpur
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penambahbaikan kepada "MRT Circle Line" untuk kawasan Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya (MPAJ dan MBPJ).</li> </ul>	

P8	MRT Extension West	Sg. Buluh – Elmina West – West Coast Development
	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membolehkan kawasan Selangor Vision Valley (Elmina East, Elmina West, Kota Elmina Denai Alam, Bukit Lagong) menjadi sebahagian daripada pembangunan asas MRT.</li> </ul>	

LRT		
P4	LRT Extension	Dari Gombak ke Selayang ke Kepong
	Ini adalah bagi meluaskan perkhidmatan LRT dan MRT sedia ada untuk kegunaan kawasan yang terletak dalam Negeri Selangor.	
P5	LRT Bukit Lanjan	Dari Bandar Utama ke Kepong
	Ini adalah untuk membolehkan kawasan pembangunan berkepadatan tinggi di MBPJ mempunyai akses kepada perkhidmatan LRT3.	
P6	LRT Circle Line North	Dari Rawang ke Shah Alam (Wheel 2 North)
	Ini adakah untuk memberi perkhidmatan kepada sekurang-kurangnya 10 bandar baru yang terletak di kawasan Puncak Alam, Selangor Vision City, Bukit Subang, Bukit Jelutong dan Shah Alam (menghubungkan MRT1 dengan LRT3, BRT dan KTMB di Shah Alam)	
P7	LRT Circle Line 2 South	Dari Shah Alam ke Putrajaya (Wheel 2 South)
	Bagi melengkapkan jajaran P6 dengan laluan terus ke Kota Kemuning, Rimbayu sehingga ke Cyberjaya (integrasi keseluruhan koridor bahagian barat Negeri Selangor).	
P9	Sunway BRT Extension	Daripada USJ ke Puchong
	Ini adalah untuk mengintegrasikan kawasan Puchong dengan USJ dan Sunway	
P10	PJ PRT (People – Rapid – Transit)	Bandar Utama ke TTDI ke PJ KTM Station
	Ini adalah Model sistem PRT (People – Rapid – Transit) dalam bandar	
	Pemilihan jajaran sebagai alternatif untuk menggantikan Lebuh raya KIDEX	
P11	LRT Extension	Possible Link daripada Putera Height ke LRT Circle Line 2 spur line

	Ini adalah membolehkan keseluruhan koridor pengangkutan barat berintegrasi dengan LRT1 dan LRT2 di Putera Height.	
P12	LRT Circle Line 3	<i>Possible long term link-Klang to Nilai</i>
	Cadangan jangka masa panjang untuk mengintegrasikan <i>National Vision Valley (NVV)</i> di Negeri Sembilan dengan Negeri Selangor dengan menyambungkan LRT3 ke Teluk Panglima Garang, Tanjung Dua Belas, Salak Tinggi dan Sepang.	

- b) Bagi memastikan kajian ini dapat direalisasikan, Kerajaan Negeri Selangor telah mengadakan sesi perbincangan bersama pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) supaya pihak SPAD mengambil kira dan mengintegrasikan penemuan dan cadangan Pelan Induk pengangkutan Awam Negeri Selangor ke dalam pelan induk SPAD. Sebarang perancangan baru pengangkutan awam secara mikro seperti BRT oleh pihak SPAD perlu mengambil kira cadangan-cadangan dalam kajian ini.

Pelan Induk ini akan dijadikan sebagai dokumen asas kepada semua agensi kerajaan dan swasta negeri Selangor dalam perancangan pembangunan secara menyeluruh termasuk pembangunan bandar-bandar baru dan perancangan lebuh raya dan jalan baru supaya dapat memberi sumbangan terhadap cadangan-cadangan dalam kajian ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali dulu.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Terima kasih Puan Speaker. Saya melihat Kerajaan Negeri memberi penekanan yang sangat tinggi kepada jejari MRT, LRT dan juga komuter. Soalan saya, apakah ini bermakna jalan raya-jalan raya baru tidak lagi menjadi pilihan utama bagi Kerajaan Negeri terutamanya di dalam usaha kita untuk menyuraikan sistem trafik ataupun pengangkutan komersial yang banyak untuk ke lokasi-lokasi industri sekarang ataupun akan datang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, seperti yang telah dijawab di Dewan ini banyak kali oleh pihak kerajaan. Visi kerajaan adalah untuk memastikan penggunaan pengangkutan awam adalah lebih tinggi. Buat masa ini penggunaan jalan raya oleh kereta persendirian adalah terlalu tinggi, maka oleh itu kerajaan telah pun menggubal dasar ini bagi menggalakkan pengangkutan awam ini kepada nisbahnya 60:40. Dan untuk menjayakan ini satu pelan induk yang penting perlu diadakan tetapi ini tidak bererti kita tidak akan membina jalan baru. Kita membina mengikut keperluan tetapi kita akan mengutamakan penggunaan pengangkutan

awam. Oleh itu liputan *rail* ini digunakan dan sebenarnya ini adalah cadangan daripada SPAD itu sendiri iaitu menggalakkan penggunaan *rail* dan ini sejajar dengan dasar Kerajaan Persekutuan juga, cuma di Selangor kita memberikan penumpuan, memberikan penekanan. Jadi Batang Kali kita setuju dengan Kerajaan Persekutuan tu tak boleh, tak setuju pun tak boleh. Jadi, saya tak tahu lah, macam mana nak Batang Kali nak kita buat. Kita buat mengikut Dasar Kerajaan Persekutuan, itu pun dia tak setuju, tak ikut pun dia tak setuju. Mana kita nak buat ni, saya nak tanya Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Soalan....

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sama ada Jawatankuasa Pengangkutan Awam ini juga akan menyediakan ada geran tertentu sekiranya ada contohnya, kalau ada DUN yang kita mahu buat kajian tentang sistem ini sebab daripada 4 PBT yang diadakan pendengaran awam tadi, saya dapati Majlis Perbandaran Selayang belum ada lagi pendengaran awam seperti itu. Jadi, sedangkan DUN Rawang di bawah MPS dan kita sebenarnya, saya rasa adalah tiba masanya untuk kita INTERGRATE kan sistem pengangkutan awam ini. Jadi ada, tak ada geran spesifik yang kita boleh mohon untuk buat seperti ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, Tuan Speaker. ini adalah perancangan gantian terhadap Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Jadi kalau untuk kawasan MPS, Pihak Berkuasa Tempatan, MPS yang harus melakukan. Jadi ini sebenarnya sebahagian daripada tanggungjawab PBT. Sebab itu pihak MPPJ telah ambil inisiatif mereka untuk mengambil bas percuma walaupun Kerajaan Negeri ada menyediakan kepada PBT-PBT. Jadi, saya serahkan PBT untuk membuat perancangan untuk Pelan Induk Pengangkutan dalam PBT itu sendiri dan itu boleh integrasikan dengan pelan induk daripada pihak Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, tadi jawapan yang panjang lebar daripada Y.B. EXCO tadi banyak menerangkan berkenaan dengan MRT, LRT, PBT dan macam-macam lagi lah. Tetapi kebanyakannya semuanya projek-projek kerajaan Persekutuan yang saya difahamkan, tadi Y.B. EXCO beri, sebutkan juga akan berunding dengan SPAD, kementerian-kementerian yang berkaitan. Jadi apakah komitmen jangka panjang ataupun jumlah kos yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri sendiri setelah mungkin Pelan Induk ini dikeluarkan mungkin memakan belanja yang agak besar tetapi apakah komitmen lain untuk menjadikan

*ratio* 60:40 ini suatu realiti bukannya satu mimpi. Ianya merupakan satu impian tetapi bolehkah ia dicapai dan apakah komitmen dari Kerajaan Negeri dari segi sumbangan kewangan dan juga pelaburan kerajaan sendiri.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, terima kasih Tuan Speaker. Tuan Speaker, saya rasa Yang Berhormat Dengkil dia mimpi dalam Dewan ini. Dah berkali-kali kita bincangkan bas *Smart Selangorku* yang telah pun, bukan satu komitmen, sudah pun diusahakan, bajet telah pun dikeluarkan, dibelanjakan dan ditambahkan bajet. Ha itu bukan komitmen, itu lebih daripada komitmen. Kemudian kita dah, ini adalah Pelan Induk yang tidak disediakan oleh pihak Persekutuan. Pihak Persekutuan dia buat secara *piece meal*, bila tak cukup, bila ada kesesakan baru kena buat, tetapi di Selangor kita buat satu pelan induk untuk satu Selangor, 12 projek. Ha... ini bukan komitmen sahaja, kita dah keluarkan belanja, kita melantik konsultan menyediakan pelan ini. Kemudian kita belanjakan duit untuk menganjurkan *engagement* semua ini. Ini adalah usaha yang kita telah lakukan. Selebih daripada itu di luar kemampuan kita, di luar juga dari bidang kuasa, di luar bidang kuasa sebab cukai pendapatan 100% pergi ke Kerajaan Persekutuan. Kalauolah dapat 50%, bolehlah kita buat, tetapi tak ada. Jadi, itu kekangan kita. Sebab itu kita buat setakat yang mampu, setakat yang kita mampu bayar, konsultan sediakan pelan, sediakan pelan dan kita bincangkan dengan SPAD supaya sebelum kita sediakan pelan bukan selepas. Kita tanya pendapat, dapatkan semua pihak LLM, JKR daripada semua pihak kita libatkan, bincang, lepas tu baru kita sediakan pelan ini. Jadi, saya harap ini dapat menyedarkan Yang Berhormat Dengkil daripada mimpi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ucap terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan ya, banyak nanti nak bantu Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Tuan Speaker, soalan no. 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN  
(BUKIT GASING)**

**TAJUK : TRIBUNAL PENGURUSAN STRATA**

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status penubuhan tribunal pengurusan strata?
- b) Siapakah ahli lembaga tribunal yang telah dilantik?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Tuan Speaker dan terima kasih kepada Bukit Gasing yang bertanya berkenaan dengan pelaksanaan Tribunal Pengurusan Strata. Untuk makluman Bukit Gasing, Tribunal Pengurusan Strata diuruskan sepenuhnya oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri berkaitan pemberian kuasa eksekutif.

Berikut adalah merupakan maklum balas daripada pihak Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata berkaitan dengan soalan yang telah pun diajukan oleh Bukit Gasing. Tribunal Pengurusan Strata dengan ringkasan TPS ditubuhkan di bawah Pengurusan Strata 2013 Akta 757 yang telah diluluskan dan diwartakan pada Februari 2013. Akta 757 berkuat kuasa mulai 1 Jun 2015 dan TPS telah beroperasi bermula 1 Julai 2015. Tarikh permulaan kuat kuasa Akta 757 ini bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia ialah pada 1 Jun 2015 kecuali Pulau Pinang pada 12 Jun 2015, masing-masing melalui Warta PU P2312015 dan PU B2482015. Bagi Negeri Johor pelaksanaan Akta 757 adalah ditangguhkan.

Bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Labuan tarikh permulaan kuat kuasa ialah pada 1 Jun 2015 melalui Warta PU P2372015.

b) Berkaitan pelantikan Anggota Tribunal. Diperuntukkan di bawah perenggan 103 1B Akta 757 yang menyatakan bahawa:

Pelantikan Anggota hendaklah dilantik oleh Menteri daripada kalangan orang yang merupakan anggota ataupun orang yang pernah memegang jawatan dalam perkhidmatan kehakiman dan perundangan atau orang yang diterima masuk sebagai peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-undang 1976 Akta 166 Ordinan Peguam bela Sabah, Sabah Bab 2 atau Ordinan Peguambela Sarawak, Sarawak Bab 10 dan yang telah menjalankan amalan tidak kurang daripada 7 tahun.

Seramai 20 anggota tribunal telah pun dilantik di kalangan peguambela dan peguam cara dan Y.B. Menteri telah menyempurnakan Watikah Pelantikan Anggota Tribunal tersebut pada 9 Julai 2015. Senarai nama anggota tribunal yang telah pun dilantik adalah seperti berikut:

- (1) Y. Bhg. Datuk Murali a/l Menan
- (2) Y. Bhg. Dato' Reginesh Kumar a/l Krisnasamy
- (3) Y. Bhg. Dato' Roger Tan Koh Mee
- (4) Tuan Lim Eng Siang
- (5) Tuan Ahmad Marzuki bin Mokhtar
- (6) Tuan Kamaruzaman bin Haji Abdul Rahman

- (7) Tuan Teh Yok Foi
- (8) Tuan Mohd. Asfar Antun bin Abdullah @ Antun De Silva
- (9) Tuan Ng Kok Feng
- (10) Tuan Wong Fook Meng
- (11) Tuan Abdul Majid bin Mohd. Yusof
- (12) Tuan Ong Wai Leong
- (13) Tuan Colin Andre Pareira
- (14) Tuan Nazarin bin Nordin
- (15) Tuan Satesh a/l Mavachandran
- (16) Tuan Kuek Chong Yu
- (17) Tuan Oh Tet Keng
- (18) Tuan Murti a/l Supan
- (19) Tuan Rajender Singh a/l Kurdip Singh
- (20) Tuan Lo Klang Kiau

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya ke 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : WIFI SELANGORKU**

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Perkhidmatan WiFi Selangorku sering kali terputus akibat pertukaran syarikat pembekal perkhidmatan internet (ISP). Apakah punca masalah ini dan bagaimana masalah ini boleh diatasi?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Y.B. Kampung Tunku. Perkhidmatan WiFi Smart Selangor terputus akibat pertukaran syarikat pembekal perkhidmatan Internet (ISP) dan ini boleh berlaku jika tempoh kontrak perkhidmatan dengan syarikat tersebut berakhir. Untuk maklumat, sebelum ini kita ada 156 *hotspot* WiFi yang dikendalikan oleh Syarikat Extol dan pada tahun 2015, kita melantik syarikat TM untuk menyediakan 2,200 *hotspot* bagi menggantikan Syarikat Extol dan juga Syarikat Celcom sebanyak 300 *hotspot* bagi menampung kawasan-kawasan yang tidak dicapai oleh TM dengan jumlah 2,500 *hotspot*.

Setiap pembekal perkhidmatan Internet (ISP) yang dilantik akan diberi tempoh dalam jangka masa yang telah ditetapkan dalam kontrak untuk memastikan keberkesaan dan pencapaian perkhidmatan menepati ciri-ciri standard yang telah ditetapkan. Jika perkhidmatan tidak menepati standard kontrak perkhidmatan boleh ditamatkan dan

digantikan dengan syarikat pembekal perkhidmatan Internet yang lain untuk memastikan rakyat berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin bertanya kepada pihak eksekutif, apakah cara untuk mengatasi masalah perkhidmatan internet yang tergendala apabila berlakunya zaman peralihan dari sebuah kontraktor ke sebuah kontraktor yang lain. Memandangkan masalah yang dihadapi sekarang ialah apabila sebuah pembekal internat perkhidmatan internat itu ditamatkan, perkhidmatan itu akan ditamatkan dengan serta-merta tetapi kontraktor atau pembekal yang baru dilantik, yang bakal dilantik, belum dilantik, jadi dalam masa sebulan, dua bulan itu WiFi itu ada, boleh connect tetapi tak ada maklumat. Dan ini mendatangkan satu imej yang tidak baik kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Saya ingin mencadangkan adakah mungkin Kerajaan Negeri Selangor dalam kontrak itu kita masukkan klausa iaitu “sekiranya ditamatkan, perkhidmatan masih perlu diteruskan dari bulan ke bulan. Bayaran tetap akan dibuat dari bulan ke bulan sehingga kontraktor ataupun pembekal perkhidmatan *internet* yang baru dilantik”. Supaya ada kesinambungan. Itu soalan saya.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Terima kasih Kampung Tunku atas cadangan tersebut. Pihak Kerajaan Negeri akan mempertimbangkannya untuk kontrak-kontrak yang akan datang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Boleh saya tahu berapa biasanya tempoh lantikan untuk sesebuah kontraktor kalau ikut yang ditetapkan dalam perjanjian?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Saya (kerana ini soalan yang spesifik), saya akan memberi jawapan ini secara bertulis kepada Rawang.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih. Kita memakai Celcom untuk banyak *hotspot* termasuk *hotspot* di kawasan DUN Bukit Gasing. Saya mengukur kelajuannya sekitar 1MBPS. Apabila saya mengukur kelajuan U-Mobile di kawasan yang sama dapat 10MBPS. Boleh tak Kerajaan Negeri Selangor membatalkan satu kontrak eksklusif dengan Celcom dan kita ambil perkhidmatan terbaik mengikut kawasan? Di mana Maxis lebih kuat, ambillah Maxis. Di mana U-Mobile lebih kuat, ambillah U-Mobile. Di mana Celcom lebih kuat, ambillah Celcom supaya perkhidmatan terbaik boleh diberi kepada penduduk Negeri Selangor.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Kerana ini tertakluk kepada perjanjian yang telah ditandatangani. Jadi, untuk masa akan datang kita boleh mempertimbangkan bagaimana kita boleh menilai syarikat-syarikat yang memberi kelajuan terlalu secara *local* macam dicadangkan oleh Y.B. Bukit Gasing.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Berapa panjangkah kontrak yang kita sain itu?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Rawang dah tanya tadi. Saya kata saya perlu notis. Jadi saya akan jawab secara bertulis.

**TUAN SPEAKER:** Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Speaker, soalan nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: USAHA KERAJAAN NEGERI DALAM MELESTARIKAN PROJEK  
PERTANIAN DALAM KALANGAN GENERASI MUDA**

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah usaha-usaha Kerajaan Negeri dalam melestarikan projek pertanian dalam kalangan generasi muda?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Gombak yang bertanya berkaitan dengan projek pertanian dalam kalangan generasi muda.

Untuk pengetahuan Gombak Setia, Kerajaan Negeri telah merangkakan satu program khusus untuk generasi muda dalam sektor pertanian ini iaitu kita telah melancarkan Program Agro Generasi Muda Selangor, dengan ringkasannya AGROGEMS yang pada Mei 2015 tahun lepas. Ini bertujuan untuk menarik lebih ramai lagi golongan belia. Seminar telah pun kita adakan pada tahun lepas ‘Seminar AGROGEMS’ yang telah pun dihadiri mencecah 200 orang anak-anak muda dan seramai 35 orang belia yang menjalankan projek-projek pertanian telah pun mendaftar untuk bantuan dan sebagainya dan setelah dinilai daripada 35 orang yang telah pun menyatakan permohonan, 13 pengusaha daripada kalangan belia telah berjaya dipilih untuk menerima insentif bagi mengembangkan lagi projek-projek seperti sayuran, buah-buahan, fertigasi dengan peruntukan mencecah RM170,000.

Dan bagi fasa kedua, program dijangka dimulakan terus pada tahun 2016 ini dan menumpukan juga kepada golongan generasi muda yang tidak mempunyai tanah atau kawasan projek tetapi berminat dan mempunyai pengalaman serta berpengetahuan berkenaan dengan projek yang akan mereka laksanakan di atas tanah-tanah milik Kerajaan Negeri di bawah Program Ladang Smart Selangor.

Program Agro Generasi Muda Selangor pada tahun 2015 ini telah pun kita adakan mulakan dengan penganjuran Seminar Agro Generasi Muda (AGROGEMS) yang berlangsung pada 26 Mac (dua tiga hari yang lepas) bagi bertujuan menyampaikan maklumat berkenaan dengan peluang-peluang perniagaan yang boleh diceburi dalam sektor pertanian, penternakan dan perikanan serta dalam masa yang sama juga menjadikan sebagai wadah untuk mengenal pasti peserta-peserta yang benar-benar berminat dan berkelayakan untuk menyertai Program AGROGEMS 2015/2016.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian khususnya turut merangka program latihan pertanian untuk golongan belia di pusat latihan kelolaan Jabatan Pertanian Negeri Selangor. Program ini akan dilaksanakan semasa RMK11 bermula tahun 2016. Program latihan yang dirancang adalah seperti berikut :-

- a) Program Latihan Belia dan Usahawan PLKP Tanjong Karang
  - Program latihan kejenteraan dan teknologi kejuruteraan pertanian diadakan di pusat latihan yang lengkap, yang dapat memberikan pengajaran yang berterusan mengikut musim dan peringkat tanaman. Program ini akan diadakan dua sesi setiap tahun melibatkan 60 orang belia.
- b) Program Latihan Belia Tani dan Usahawan PLP Kalumpang
  - Program Pembangunan Belia Tani akan dilaksanakan satu sesi setahun. Dijangka mampu menarik minat golongan belia untuk mula mendalami dan menceburkan diri dalam bidang pertanian. Program ini bakal menyediakan pakej latihan secara menyeluruh bukan sahaja dari aspek teknikal

tanaman, bahkan melatih golongan beli ini dari aspek aktiviti ekonomi mereka, pengurusan kewangan, pentadbiran sehingga ke aspek pemasaran yang dilihat sebagai kelemahan utama golongan belia. Melalui program ini, 10 usahawan belia tani akan dibimbing dan dilahirkan setiap tahun.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih. Saya ingin bertanya kepada EXCO, memandangkan di Batu Tiga ada beberapa pihak yang sedang pun berusaha untuk menjadi usahawan tani di bawah Ladang Smart Selangor ini tidak dapat kelulusan secara langsung daripada agensi ataupun daripada kawasan-kawasan yang milik kerajaan untuk melaksanakan projek tersebut. Jadi pertanyaan saya, apakah usaha dan penglibatan pihak EXCO untuk memastikan tapak-tapak yang telah pun dikenal pasti oleh belia-belia ini dapat akhirnya dapat diberikan (apa ini) kebenaran untuk melaksanakan projek ini? Sebab kebanyakan agensi terutamanya JPS dan sebagainya menolak permohonan bilamana usaha ini telah pun dimulakan. Itu saja. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Batu Tiga. Pihak Kerajaan Negeri sebenarnya memang menggalakkan golongan belia mencebur ke bidang pertanian. Dan melihat kepada jumlah yang saya nyatakan sebanyak 13 pengusaha yang dipilih untuk dibantu adalah mereka yang telah pun mengusahakan pertanian di tanah yang telah pun mereka dapat mandat. Berbalik kepada persoalan tadi, saya rasa spesifik saya perlu melihat kepada jenis-jenis tanah dan di peringkat Kerajaan Negeri akan berusaha untuk memastikan kalau sekiranya boleh diputihkan tanah tersebut, maka kita akan cuba sebaik mungkin. Seperti saya nyatakan tadi, berkaitan dengan Program Ladang Smart Selangor itu dia ada beberapa kategori-kategori tanah termasuklah tanah rizab, begitu juga tanah kerajaan yang kita boleh melihat secara *detail* untuk kita benarkan mereka bercucuk tanam.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan. Saya rasa sebab ada sedikit

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga, soalan seterusnya.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih. Tak boleh sambung lagi? Soalan seterusnya Tuan Speaker, soalan nombor 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(BATU TIGA)**

**TAJUK: HEFORSHE**

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah ada perancangan khusus kempen ini selain perasmian yang telah dibuat tempoh hari?
- b) Apakah objektif kempen ini dan siapakah yang dipertanggungjawabkan kempen ini tercapai matlamatnya?
- c) Berapa ramaikah yang telah menandatangi deklarasi ini, nyatakan mengikut pecahan lelaki dan wanita.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Tuan Speaker, saya ingin menjawab soalan 21 bersekali dengan soalan 55 berkenaan dengan Kempen HeForShe.

Kempen HeForShe merupakan sebuah kempen solidatariti ke arah kesaksamaan gender dengan penglibatan kaum lelaki sama ada remaja mahupun dewasa sebagai *stakeholders* dan langkah *advocacy* bagi menyuarakan dan bertindak untuk mencapai kesaksamaan gender.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

Pelancaran Kempen HeForShe peringkat Negeri Selangor telah berlangsung pada 2 Februari 2016 baru-baru ini dengan dihadiri lebih 300 orang yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan dari agensi Kerajaan Negeri, jabatan Kerajaan Persekutuan, pengurusan tertinggi anak-anak syarikat Kerajaan Negeri serta Badan-Badan Berkanun Negeri.

Kempen HeForShe ini yang dilancarkan adalah bertujuan memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya golongan lelaki untuk memahami kepentingan dan untuk bersama-sama mencapai kesaksamaan gender. Selain daripada itu, kempen ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada kumpulan pengurusan tertinggi atau peringkat pembuat keputusan di setiap agensi dan jabatan untuk memahami keperluan perubahan dasar yang mesra gender dan melaksanakan pentadbiran serta dasar yang menyokong usaha mencapai kesaksamaan gender di organisasi masing-masing.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga telah memperuntukkan sejumlah RM50,000 bagi tujuan penganjuran

kempen dan juga program-program advocacy HeForShe melalui Pihak Berkuasa Tempatan. Sebanyak 3 buah program HeForShe akan dirangka pada tahun ini bagi tujuan ini.

Bagi jawapan (c), kempen ini diukur dengan bilangan *sign up* atau tandatangan komitmen HeForShe melalui laman web heforshe.org dengan mensasarkan golongan lelaki berbanding wanita. Sehingga 23 Mac 2016, seramai 1,302,116,780 orang di seluruh dunia telah menandatangani komitmen ini. Daripada jumlah itu, seramai hanya 2,276 orang rakyat Malaysia telah menandatangani iaitu seramai 1,893 orang lelaki iaitu 83% dan 330 orang wanita iaitu 14%. Manakala, 53 adalah daripada lain-lain gender. Kempen HeForShe ini baru bermula iaitu pada 2013 oleh wanita Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Dan ini adalah dan kerajaan juga baru bersama dalam pelancaran kempen ini.

Maka itu, untuk mengubah persepsi masyarakat dan memahami kesaksamaan gender merupakan satu proses yang panjang. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor mengambil langkah proaktif bagi mengubah persepsi dan menerapkan kefahaman gender dalam masyarakat melalui program-program yang dirangka oleh Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga. Maka itu, usaha ini wajar diraikan bersama dan juga wajar mendapat sokongan dan komitmen daripada semua pemimpin masyarakat dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat semua dan kita sama-sama berganding bahu untuk meneruskan dan memartabatkan kaum wanita di Negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya ucapkan tahniahlah kepada Y.B. EXCO kerana dapat melaksanakan kempen ini. Tetapi saya rasa soalan saya belum dijawab sepenuhnya ya. Di mana saya bertanyakan tentang apakah perancangan khusus di Selangor untuk kempen ini benar-benar dapat dirasai dan betul-betul ada impak di lapangan sehingga objektifnya tercapai. Jadi, soalan saya yang khusus itu tentang;

- a) Apakah perancangan khusus; dan
- b) Siapakah yang bertanggungjawab melaksanakannya itu?

Saya mohon supaya pihak EXCO benar-benar berikan jawapan yang spesifik. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Tentang siapakah yang dipertanggungjawabkan untuk kempen ini tercapai, adalah di

peringkat Pejabat Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Keluarga yang mana kita akan seperti yang saya sebut tadi, kita akan melaksanakan program melalui Pihak Berkuasa Tempatan bersama dengan mungkin Pihak PWB juga di kawasan tersebut untuk kita melaksanakan program-program kempen ini kepada sasaran (kumpulan sasaran).

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan tambahan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya nak mendapatkan penjelasan sikit daripada Y.B. EXCO tentang RM50,000 yang telah dibelanja. Yang itu adalah untuk majlis perasmian sahaja ataupun untuk semua? Apakah *breakdown* nya? Sebab soalan 55 saya tanya itu.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama. RM50,000 itu bukan peruntukan untuk majlis pelancaran. Ianya adalah diperuntukkan untuk tiga lagi program kempen-kempen yang akan kita laksanakan sepanjang tempoh 2016 ini yang mana kita akan melibatkan PBT, kita akan pilih 3 PBT untuk melaksanakan program ini.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Sorry.

**TUAN SPEAKER:** Ya, Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Sebab soalan 55 belum jawab lagi. Apakah kesannya? Sebab soalannya ialah apakah kesan kempen yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri? *The signatories (the worldwide signatories)* bukan kesan kempen yang kita buat. Berapakah yang telah *sign* akibat kempen yang kita buat (yang kita telah lancarkan)?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama, kesan kempen ini, kita sedang ke arah sedang berkempen sedang memastikan supaya ada kesedaran di kalangan masyarakat terutamanya kaum lelaki untuk bersama-sama dalam kesedaran kesaksamaan gender ini. Jadi daripada kempen ataupun *signatory* yang dilaksanakan melalui *sign up* dalam laman web HerForShe.org ini itulah yang kita lihat berapa ramaikah yang telah pun bersama-sama dalam kempen ini.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Soalan saya adalah, setakat berapa yang *sign up* dengan kempen yang kita telah lancarkan ataupun kempen perasmianya. Antara

300 yang hadir hari itu *at least 150 sign up or u know 100 sign* berapakah yang kita *sign* ataupun kita ada satu KPI apabila kita lancarkan kempen seperti berikut.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Damansara Utama. Pada hari pelancaran kempen tersebut, kita telah pun melaksanakan kita meminta kepada hadirin untuk *sign up* saya tidak mendapatkan *actual how many* berapa banyak penandatangan pada hari pelancaran hari tersebut. Tetapi saya kira pada hari tersebut sejumlah sebelum itu sebelum pelaksanaan pelancaran kita adalah sejumlah 1,943 di Malaysia. Tapi kini telah melonjak kepada 2,276 bermakna ada pertambahan lebih kurang dalam 300 orang penandatangan. Jadi saya akan mendapatkan berapa banyak yang telah pun menandatangani yang hari pelancaran tersebut dan kita akan beri kepada.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Kempen ini kalau saya lihat daripada laman web supaya untuk mempromote kaum lelaki menyokong *gender equality* dengan izin. Tetapi apa masalahnya *gender equality* di Kerajaan Selangor. Apakah hasrat Yang Berhormat EXCO untuk membetulkan masalah *gender equality* di Kerajaan Selangor yang masih lagi belum dibetulkan. Ada tak sebarang masalah yang kita kena buat satu kempen untuk mendapat banyak beribu-ribu tandatangan untuk membetulkan. *Is there any problem or are we government is gender equal?*

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Bukit Gasing. Di peringkat Kerajaan Negeri Selangor kita melaksanakan kempen ini kerana kita merasakan masih ada keperluan kepada gender yang gender yang lain selain wanita iaitu kaum lelaki untuk bersama-sama dalam melihat keperluan kesaksamaan kepada kaum wanita jadi oleh itu maka kita menjemput dalam program tersebut ataupun dalam kempen ini untuk memberikan pencerahan dan pendedahan terutamanya kepada Ketua-ketua Jabatan Kerajaan dan juga di kalangan peringkat membuat keputusan serta di pimpinan peringkat tertinggi Kerajaan Negeri agar boleh bersama-sama memahami tentang kempen kesaksamaan gender di Negeri Selangor ini dan dengan itu dapat mengubah ataupun memperbaiki ataupun melaksanakan pentadbiran yang menyokong ke arah kesaksamaan gender dalam organisasi masing-masing. Jadi kita cuba supaya dapat melaksanakan dasar yang mesra gender di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Boleh saya tambah sikit.

**TUAN SPEAKER:** Boleh.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Sebab disebut tentang peranan Kerajaan Negeri oleh Bukit Gasing. Saya ingin menegaskan tidak ada masalah dalam kepimpinan Kerajaan Negeri yang ada sekarang. Di mana kita *subscribe gender equality*. Sekarang kita 2 pimpinan tertinggi di kalangan tertinggi iaitu Pegawai Daerah Sepang dan juga Yang Dipertua Majlis Perbandaran Majlis Daerah Kuala Selangor. Saya yakin dan percaya Ahli Dewan Negeri dan Ketua-ketua Jabatan juga *subscribe* kepada *gender equality*. Program ini bertujuan untuk *create awareness* dalam masyarakat dalam *society* supaya perkara ini diterima baik secara harmoni dan kita kena menghormati peranan wanita bukan sahaja dalam hal *pronouncement* tetapi dalam tindakan dalam program-program kita dan saya percaya program ini merupakan satu proses yang berterusan untuk memastikan semua lapisan masyarakat kena memahami dan menghayati peranan wanita dan meletakkannya pada tahap yang baik dan seadilnya kerana wanita itu juga menjadi tunggak dalam pembangunan negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Tambahan satu lagi.

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Saya gembiralah apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga terlibat dalam isu ini. Tetapi saya ingin mengambil balik pandangan tentang kempen *HeForShe* ini adalah satu usaha untuk melibatkan lelaki dan lelaki ya dan juga kanak-kanak lelaki dalam kempen ini supaya mereka menjadikan agen perubahan untuk memastikan wujudnya kesejahteraan gender.

**TUAN SPEAKER:** Soalannya Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Jadi soalannya kempen ini saya tanya daripada awal lagi apakah objektif dan bagaimana untuk dicapai sedangkan tidak ada satu jawapan pun yang saya lihat ada *engagement* dengan pihak lelaki sama ada dalam konteks belia wanita *sorry* dalam konteks belia terlibat di dalam program ini untuk memastikan diangkat supaya akhirnya benda ini dapat dirasai impaknya meluas kepada pihak lelaki. Sebab saya ukur KPI untuk *HeForShe* untuk penglibatan lelaki dalam kempen ini. Itu soalan saya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Boleh saya jawab.

**TUAN SPEAKER:** Boleh.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Saya menyambut baik saranan Batu Tiga. Memang benar program *HeForShe* ini adalah inisiatif daripada *United Nation*.

Beberapa tahun yang lalu di mana isu wanita ini bukan sahaja dibahaskan oleh wanita. Isu wanita ini mesti diangkat oleh lelaki. Ini ini sebab itu saya kira saya yang membawa isu ini dalam ucapan belanjawan yang lepas menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri yang dipimpin oleh seorang lelaki untuk memberikan kesedaran awal bahawa isu-isu wanita ini jangan biarkan wanita sahaja yang perlu berjuang, lelaki mesti berjuang mempertahankan hak wanita dan mengangkat isu wanita. Itu tujuan asal yang kita bawa. Tentang program-program khusus saya bersetuju supaya program-program yang akan direncanakan ini mesti melibatkan kaum lelaki secara langsung membicarakan isu-isu wanita dan membahaskan isu-isu wanita dan kita mencari penyelesaian bersama. Itu matlamat dan program harus diteruskan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya sangat menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Terima kasih Tuan Speaker Soalan No. 22

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK  
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : ELAUN GURU KAFA**

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Adakah Kerajaan Negeri telah melaksanakan kenaikan elaun guru KAFA sebagaimana yang diumumkan dalam belanjawan yang lepas?
- b) Nyatakan secara terperinci kelayakan dan jumlah kenaikan elaun guru KAFA tersebut?
- c) Bagaimana dengan guru KAFA yang tidak menikmati kenaikan elaun tersebut?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sungai Air Tawar. Sungai Tawar bertanyakan tentang berkaitan elaun guru KAFA. Kenaikan elaun guru KAFA telah mula dibayar secara berperingkat mulai bulan Mac 2016. Kenaikan ini adalah berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan. Di bawah perkhidmatan 5 tahun jumlah kenaikan RM50, 5 hingga 10 tahun RM100, 10 hingga 15 tahun RM150 dan lebih 15 tahun RM200. Semua guru KAFA di negeri Selangor layak menikmati elaun tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Panjang

**Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ:** Peraturan 24(2), saya mengambil soalan no. 23.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDİ  
(SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : PINJAMAN PELAJARAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah permohonan, penerima dan penolakan pinjaman tersebut pada tahun 2015?
- b) Nyatakan jumlah pinjaman yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2015?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil yang mengambil soalan kepada Sungai Panjang. Jumlah permohonan penerima dan penolakan pinjaman pelajaran negeri Selangor pada tahun 2015 adalah seperti berikut:-

- Permohonan : 3,600 orang
- Bilangan penerima : 1,450 orang
- Bilangan permohonan yang ditolak : 2,015 orang
- dan baki sebanyak 135 orang yang mendapat tawaran tetapi telah menolaknya dan tidak meneruskan pengajian.

Jumlah pinjaman pelajaran yang telah diluluskan adalah sebanyak RM33.6 juta bagi pembiayaan 1,450 pelajar pada tahun 2015 sehingga tamat pengajian.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Adakah jumlah pinjaman yang diberi sekarang sehingga maksimum RM7 ribu memadai memandangkan kos sara hidup terutamanya di Negeri Selangor telah jauh meningkat 5 tahun ataupun 10 tahun yang lepas. Angka ini saya lihat masih sama daripada zaman saya di universiti 15 tahun yang lepas.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Kerajaan Negeri telah bersedia untuk mengkaji kadar tersebut tetapi kita mengekalkan jumlah yang disediakan untuk pinjaman pelajaran dan peruntukan-peruntukan pendidikan yang lain berbeza dengan Kerajaan Persekutuan yang telah memotong peruntukan untuk pengajian tinggi.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya nampak dari 5 ribu itu ada ke tolakan dekat 2 ribu lebih yang digagal untuk dapatkan. Apakah sebabnya ramai besar golongan ini ditolak. Apakah *what is the main reason* golongan ini telah ditolak?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Antara lain mereka tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah diminta oleh pihak Kerajaan Negeri dan juga mereka tidak melepassi proses temuduga yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI**  
**(KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK : RANCANGAN UNTUK MENJADIKAN SELANGOR SEBAGAI NEGERI BERTEKNOLOGI HIJAU**

24. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan untuk menjadikan Selangor negeri berteknologi hijau?
- b) Apakah Selangor bersedia untuk menghentikan pemberian beg plastik di pasar raya secara keseluruhan seperti di Pulau Pinang.
- c) Sejauh mana Kerajaan Negeri dapat mengawal pengeluaran karbon dioksida ke udara?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Kota Anggerik, Tuan Speaker. Kerajaan Negeri bersedia untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai

Negeri berteknologi Hijau melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Teknologi Hijau Negeri Selangor 2015 sehingga 2018 yang telah diluluskan pada Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 28/2015 pada 2 September 2015.

Melalui Pelan Tindakan ini, Kerajaan Negeri komited untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai Negeri Berteknologi Hijau dan terdapat 8 tindakan utama di dalam Pelan Tindakan ini yang telah dikenal pasti iaitu :

- i) Perbandaran Hijau melalui Bandar Rendah Karbon Selangor;
- ii) Perolehan Hijau Kerajaan;
- iii) Pemasangan Rangkaian Pengecas Kenderaan Elektrik (*Electric Vehicle*) Di Selangor;
- iv) Penggunaan Kereta Elektrik Sebagai Kenderaan Rasmi Kerajaan Negeri Selangor;
- v) Penggunaan Bas Elektrik Bagi 'Program Bas' Percuma di PBT;
- vi) Pemasangan Bumbung Solar Bagi Projek Perumahan Selangorku;
- vii) Bangunan Cekap Tenaga Di Bangunan Kerajaan Negeri Selangor; dan
- viii) Program Penghijauan Taman Industri.

Kesemua tindakan yang dinyatakan di atas sedang giat dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor dan Agensi berkenaan. Sebagai contohnya, bagi pelaksanaan Bandar Rendah Karbon Selangor, sehingga kini terdapat 3 PBT yang telah melaksanakan *Low Carbon City Finework (LCCF)* iaitu MPBJ, MPSJ dan juga MBSA. Pada tahun ini Kerajaan Negeri akan mempergiatkan usaha agar PBT-PBT lain akan melaksanakan LCCF melalui seminar bengkel dan latihan *hands on* yang akan dijalankan. Selain daripada itu sehingga 15 Mac 2016. Terdapat 11 buah unit pengecas sekitar Negeri Selangor dan tambahan sebanyak 37 buah unit pengecas kenderaan elektrik akan dipasang 28 lokasi dalam tempoh terdekat hasil daripada usaha sama PBT Negeri Selangor dan Greentech Malaysia. Dengan keadaan ini menjadikan Negeri Selangor sebagai negeri yang mempunyai cas kenderaan elektrik terbanyak di Malaysia. Tambahan daripada itu Kerajaan Negeri Selangor turut menyokong pelbagai program kesedaran kepada masyarakat mengenai amalan-amalan hijau yang boleh dilaksanakan dalam kehidupan seharian dan seperti amalan jimat, tenaga kitar semula, penggunaan laluan basikal dan juga laluan penjalan kaki, kompos dan kebun komuniti. Kerajaan Negeri telah melaksanakan kempen pengurangan penggunaan beg plastik dan *polystyrene*. Di Negeri Selangor sejak 2008 dengan memperkenalkan kempen Sabtu tanpa beg plastik di pusat membeli belah terutama di Negeri Selangor. Sehubungan itu satu kajian keberkesanan pelaksanaan kempen ini telah dilaksanakan pada tahun 2014 dan hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran pengguna terhadap kempen Sabtu tanpa beg plastik adalah tinggi iaitu 94%. 77% responden bersetuju agar kempen ini diteruskan dan ditambah bilangan hari pelaksanaannya.

Dengan keadaan ini Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan penambahan hari kempen tanpa beg plastik di Negeri Selangor dan kertas dasar akan dibentangkan dalam tempoh terdekat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan Bahagian C yang terakhir adalah soalan tentang pengawalan pengeluaran karbon dioksida ke udara oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sebenarnya usaha-usaha untuk mengawal pengeluaran karbon dioksida ke udara bukanlah tanggungjawab Kerajaan Negeri semata-mata. Ia memerlukan usaha daripada pelbagai pihak terutamanya Kerajaan Pusat mengenai dasar tenaga, pengangkutan, pembinaan dan juga industri yang berkesan untuk memastikan pengeluaran karbon dioksida ke udara dapat dikurangkan. Jadi Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan pengeluaran karbon ini dapat dicapai melalui pelbagai dasar termasuk tadi yang telah saya sebut teknologi hijau dan juga dasar-dasar kejiranan hijau pengekalan 30% Hutan Simpanan Kekal di Negeri Selangor dan sebagainya.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN NG SZE HAN**  
**(KINRARA)**

**TAJUK : PROJEK TERBENGKALAI**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Nyatakan jumlah projek terbengkalai yang masih belum dipulihkan di setiap PBT.
- Bilakah kerajaan akan melaksanakan konsep bina kemudian jual 10:90 di negeri ini?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Speaker, terima kasih kepada Kinrara yang bertanya berkaitan dengan projek terbengkalai yang masih lagi belum dipulihkan di setiap PBT. Bagi dan untuk makluman Yang Berhormat Kinrara jumlah projek terbengkalai di Negeri Selangor sehingga 29 Februari 2016 adalah sebanyak 115 projek yang melibatkan 25,374 unit. Statistik projek terbengkalai mengikut pecahan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti berikut:-

- |         |             |
|---------|-------------|
| 1. MBSA | - 11 projek |
| 2. MBPJ | - 3 projek  |
| 3. MPSJ | - 3 projek  |

- |          |             |
|----------|-------------|
| 4. MPAJ  | - 4 projek  |
| 5. MPK   | - 30 projek |
| 6. MPKJ  | - 12 projek |
| 7. MPS   | - 9 projek  |
| 8. MPSp  | - 7 projek  |
| 9. MDKS  | - 8 projek  |
| 10. MDHS | - 14 projek |
| 11. MDKL | - 13 projek |
| 12. MDSB | - 1 projek  |

Menjumlahkan kesemua jumlah projek terbengkalai 115.

Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mewajibkan semua pemaju di Negeri melaksanakan konsep bina kemudian jual (BKJ) ataupun konsep 10:90 memandangkan kuasa terhadap pengawalan sektor perumahan adalah di bidang kuasa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). KPkt melalui Menterinya pada tahun 2012 telah mengumumkan untuk mewajibkan pelaksanaan Konsep BKJ ini ke atas semua pemaju bermula pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, Menteri KPkt telah memutuskan Konsep BKJ bagi pemaju perumahan tidak wajib dilaksanakan pada tahun 2015. Pertimbangan ini dibuat setelah mengambil kira kenaikan harga rumah yang mungkin berlaku sekiranya dilaksanakan kelak, syarikat atau pemaju perumahan kecil-kecilan tidak mampu untuk membina rumah disebabkan setiap kos terpaksa ditanggung oleh mereka.

Kerajaan Negeri amat kesal dengan pembatalan untuk mewajibkan semua pemaju melaksanakan Konsep BKJ ini memandangkan ianya mampu mengekang berlakunya projek terbengkalai. Maka Kerajaan Negeri sentiasa menyambut baik dan amat mengalu-alukan sekiranya terdapat pemaju-pemaju yang ingin melaksanakan Konsep BKJ mahupun Konsep 10:90 bagi projek perumahan di Negeri Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan No. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(SERI SERDANG)**

**TAJUK : CARA UNTUK DILIHAT SUPAYA PBT MENJALANKAN SATU SISTEM  
YANG DINAMIK MENGATASI MASALAH GERAI-GERAI TANPA  
LESEN DENGAN CARA BERPERIKEMANUSIAAN**

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimakah cara untuk dilihat supaya PBT menjalankan satu sistem yang dinamik untuk mengatasi masalah gerai-gerai tanpa lesen dengan cara berperikemanusiaan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Seri Serdang. Peruntukan di bawah Undang-undang Kecil Penjaja 2007 di bawah Bahagian 2 Pelesenan UK 3 dilarang menjaja tanpa lesen iaitu tiada seorang pun boleh bertindak sebagai penjaja tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Berlesen di bawah UK ini. Antaranya ialah PBT telah menetapkan Dasar Penempatan Peniaga-peniaga Kecil atau Penjaja di kawasan yang dibenarkan sahaja iaitu *zoning* penjaja. Peniaga-peniaga yang bermiaga di lokasi yang tidak dibenarkan kebiasaannya adalah peniaga-peniaga yang beroperasi tanpa lesen. Peniaga-peniaga tanpa lesen yang bermiaga di bahu-bahu jalan atau lokasi-lokasi yang tidak sesuai ini tidak dipertimbangkan mengeluarkan lesen kerana akan menyebabkan kesesakan lalu lintas dan mengundang masalah kepada penduduk setempat. Walaupun begitu untuk memberi ruang kepada peniaga-peniaga mencari rezeki peniaga secara kecil-kecilan penjaja-penjaja ini digalakkan untuk memohon ditapak penjaja sementara yang disediakan oleh PBT selain memberi peluang bermiaga di pasar malam atau pagi tertakluk kepada kekosongan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan saya No. 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN GAN PEI NEI  
(RAWANG)**

**TAJUK : UNIT INTEGRITI SUK**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jenis dan bilangan kes yang telah diambil tindakan oleh Unit Integriti SUK.
- b) Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Unit Integriti bagi memastikan peningkatan keefisienan pentadbiran awam untuk mesra rakyat?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Tuan Yang Dipertua dan Yang Berhormat Rawang. Sukacita saya memaklumkan bahawa sejak penubuhan Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 1 Julai 2014 sehingga 29 Februari 2016 sebanyak 117 aduan integriti yang melibatkan penjawat awam telah diterima. Daripada jumlah tersebut sebanyak 56 aduan melibatkan kesalahan rasuah dan salah guna kuasa, 2 aduan tuntutan palsu, 6 aduan melibatkan kes tipu dan pecah amanah dan 53 aduan melibatkan kesalahan pentadbiran. Tindakan yang diambil terhadap semua aduan yang diterima termasuklah tindakan pengesahan dan pengesahan mendapatkan maklum balas daripada jabatan dan agensi yang terlibat ataupun merujuk terus kepada SPRM dan Lembaga Tatatertib yang berkenaan. Berhubung dengan kes tatatertib terdapat sebanyak 10 kes yang telah diambil tindakan oleh Unit Integriti Pejabat SUK Selangor. Daripada jumlah kes Tatatertib tersebut sebanyak 4 kes melibatkan kesalahan tidak hadir bertugas. 1 kes melibatkan kesalahan melakukan pekerjaan luar tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan. 1 kes gangguan seksual. 1 kes penyalahgunaan dadah. 1 kes membuat tuntutan palsu. 1 kes pertuduhan jenayah di Mahkamah dan 1 kes kurang cekap dalam menjalankan tugas. Berdasarkan kes Tatatertib tersebut, dua daripadanya dikenakan hukuman buang kerja. Satu kes dikenakan hukuman amaran. Satu kes dikenakan hukuman tangguh pergerakan gaji. Satu kes dirujuk ke bahagian kaunseling dan 5 lagi kes masih dalam tindakan.

Untuk makluman Yang Berhormat Rawang, Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri senantiasa berusaha untuk memastikan tadbir urus organisasi dan penginstitusian integriti dilaksanakan secara efisien. Dalam mencapai hasrat ini antara inisiatif yang diambil selaras dengan fungsi teras Unit Integriti termasuklah:-

Pertama, mewujudkan hubungan langsung dengan Unit Integriti di setiap jabatan dan agensi dalam memberikan penerangan berkenaan integriti dan dalam masa yang sama membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tata kelakuan dan etika organisasi di kalangan masing-masing.

Kedua, mengadakan kursus, seminar, bengkel dan taklimat berhubung tata kelakuan dan salah laku rasuah.

Ketiga, mengedarkan risalah berkaitan tata kelakuan dan salah laku rasuah.

Keempat, menandatangani ikrar integriti korporat dan mewujudkan inisiatif dalam membendung gejala rasuah dan

Kelima, menyediakan saluran aduan integriti yang melibatkan penjawat awam melalui email, talian telefon, faks, surat dan *walk in* di Unit Integriti yang ditubuhkan bagi memudahkan penyaluran aduan integriti sama ada dari kalangan kakitangan mahupun orang awam. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Speaker, Soalan No. 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(DENGKIL)**

**TAJUK : JAMBATAN RUNTUH SCIENCE PARK 2**

28. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah dijangkakan tarikh sebenar kerja pembinaan jambatan ini akan dapat disiapkan?
- b) Berapa peratuskah kadar kemajuan projek pembinaan semula jambatan runtuh ini sehingga kini?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Dengkil yang bertanya berkenaan jambatan runtuh Science Park 2. Untuk pengetahuan Dengkil tarikh serah tapak kepada kontraktor adalah pada 5 Ogos 2015 dan tarikh siap dijangka siap pada 1 Februari 2017 dengan tempoh kontrak selama 78 minggu dan untuk pengetahuan Dengkil, peratus kemajuan bagi projek pembinaan jambatan runtuh ini setakat 4 Mac 2016 adalah sebanyak 45% dengan peratus sebenar adalah 48%.

**TUAN SPEAKER:** Semenyih.

**Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker, Soalan No. 29.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ  
(SEMENYIH)**

**TAJUK : HUTAN SIMPAN DI SELANGOR**

29. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini keluasan hutan simpan di Selangor?
- b) Nyatakan secara terperinci keluasan hutan simpan yang telah diceroboh untuk kerja-kerja pembangunan dari 2013 – 2015?
- c) Apakah tindakan yang telah dilakukan terhadap penceroboh hutan simpan berkenaan?

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Yang Berhormat Semenyih. Tuan Speaker, sehingga 31 Disember 2015 jumlah keluasan hutan simpan kekal di negeri Selangor adalah lebih kurang 250,129 hektar iaitu meliputi 31.56% daripada keluasan negeri Selangor. Semenyih telah juga menanyakan kawasan hutan simpan yang telah diceroboh untuk kerja-kerja pembangunan sejak 2013. Saya ingin maklum kepada Yang Berhormat Semenyih bahawa tiada kawasan hutan simpan kekal yang di ceroboh bagi tujuan kerja-kerja pembangunan pada tempoh masa tersebut dan sekiranya berlaku pencerobohan pihak berkenaan akan dikenakan tindakan selaras dengan peruntukan yang terkandung di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 di bawah Seksyen 32, Seksyen 47 (1) dan Seksyen 81 (1)(g) bergantung pada jenis kesalahan yang dilakukan dan saya tidak akan sebut semua kesalahan tersebut tetapi saya akan beri secara tulisan kepada Yang Berhormat.

**TUAN SPEAKER:** Lembah Jaya.

**Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ:** Tuan Speaker, Soalan No. 30.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ  
(LEMBAH JAYA)**

**TAJUK : PUSAT TUISYEN RAKYAT SELANGOR (PTRS)**

30. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Penyertaan hanya dihadkan kepada seratus orang murid sahaja. Adakah kerajaan bercadang untuk menambah bilangan pelajar?
- b) Setelah mencecah hampir 7 tahun, apakah penambahbaikan yang telah dilaksanakan?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI NIK AHMAD:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Lembah Jaya. Penyertaan peserta Program Tuisyen Rakyat Selangor telah dihadkan kepada 100 pelajar untuk setiap DUN di atas faktor jumlah peruntukan yang sedia ada. Cadangan penambahan pelajar ini akan dikaji berdasarkan kemampuan Kerajaan Negeri.

b. Penambahbaikan yang telah dilaksanakan setelah mencecah hampir 7 tahun antaranya ialah:-

- (i) Melaksanakan pemantauan secara berkala iaitu melalui laporan bulanan yang dihantar terus kepada Kerajaan Negeri;
- (ii) Melaksanakan mesyuarat secara dwi bulanan bersama Koordinator Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor;
- (iii) Info dan pelaksanaan PTRS peringkat kawasan Dewan Negeri kini boleh diakses secara atas talian melalui laman *facebook* di *page*: Program Tuisyen Rakyat Selangor; dan
- (iv) Melaksanakan sistem pembayaran terus kepada KPMI, Guru dan premis Tuisyen di setiap kawasan Dewan Negeri bagi memastikan peruntukan digunakan sebaiknya.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Speaker, Soalan Ke 31.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(TERATAI)**

**TAJUK : PELABURAN**

31. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah diambil oleh Kerajaan Selangor untuk menarik pelabur asing?
- b) Berapakah jumlah hasil Kerajaan Selangor merupakan hasil pelaburan?

- c) Apakah insentif yang ditawarkan oleh Kerajaan Selangor untuk menarik pelabur asing

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker, saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan 104 daripada Yang Berhormat Batang Kali. Tuan Speaker, antara strategi dan langkah-langkah yang dilaksanakan bagi menarik lebih ramai pelabur datang ke Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

### 1. Pengurusan

- (i) Menyediakan pelan perancangan strategik sektor perindustrian.
- (ii) Memperkuuhkan peranan agensi penggalakan pelaburan seperti Invest Selangor bagi membantu sebagai pemudah cara pelaburan kepada para pelabur.
- (iii) Memperkasakan Unit Pelaburan di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi membantu pelabur di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.
- (iv) Memastikan Mesyuarat *Industrial Park Management Committee* (IPMC) diadakan sekerap mungkin di setiap Pihak Berkuasa Tempatan bagi menyelesaikan isu-isu pengurusan dan penyelenggaraan kawasan-kawasan industri.
- (v) Menyediakan kawasan perindustrian yang kondusif dengan membenarkan PBT menggunakan peruntukan MARRIS bagi menyelenggara kawasan-kawasan perindustrian yang sedia ada.
- (vi) Menggalakkan pembukaan kawasan-kawasan perindustrian baru dengan penglibatan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor dan pemaju swasta.
- (vii) Pihak Kerajaan Negeri menggalakkan pembukaan kawasan perindustrian baru yang berkonsepkan *Managed Industrial Park* dengan konsep *Gated and Guarded*.
- (viii) Membantu pihak industri menyelesaikan isu-isu pelaburan yang berbangkit melalui Mesyuarat Penyelaras Projek yang diadakan setiap bulan dan dipengerusikan oleh EXCO.
- (ix) Inisiatif *e-commerce* bagi membantu usahawan tempatan melebarkan pasaran produk keluaran mereka.
- (x) Invest Selangor *Talent Initiative* – menjalinkan kerjasama strategik bersama institusi pendidikan bagi membantu para pelabur mendapatkan sumber tenaga kerja mengikut kemahiran

yang diperlukan.

- (xi) Invest Selangor Advisory Network – menjalinkan kerjasama strategik dengan penyedia perkhidmatan profesional bagi memberikan perkhidmatan kepada pelabur.

Dari segi *Networking*

- (i) Meningkatkan usaha promosi di luar Negara seperti program lawatan penggalakan pelaburan. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor akan merangka program lawatan ke luar Negara sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun ke Negara yang berpotensi.
- (ii) Meningkatkan jaringan *networking* dengan kedutaan-kedutaan asing di Malaysia, Dewan-dewan Perniagaan Asing dalam dan luar Negara melalui program kunjungan hormat yang diadakan dari masa ke semasa serta pertemuan-pertemuan yang turut melibatkan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, EXCO dan Invest Selangor.
- (iii) Penyertaan wakil Kerajaan Negeri dalam misi menggalakkan pelaburan dan perdagangan anjuran MITI atau MIDA dan
- (iv) Mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan syarikat milikan asing yang ada di Selangor bagi memperkenalkan negeri Selangor kepada pelabur-pelabur di Negara mereka.

Dari segi promosi

1. Mempromosikan peluang-peluang pelaburan melalui pengiklanan dalam media cetak atau elektronik dalam dan luar negara.
2. Penyertaan dalam pameran yang bertaraf antarabangsa.
3. Pengajian Selangor International Expo yang dijadualkan pada tahun ini 20 hingga 22 Oktober 2016 bertempat di *Mines International Exhibition and Convention Centre*.

Dan dalam menggalakkan pembangunan kawasan luar bandar, Kerajaan Negeri melalui Invest Selangor sering mempromosikan kawasan-kawasan perindustrian yang dibangunkan oleh pihak anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor mahupun pihak swasta. Selain itu pihak Kerajaan Negeri juga menggalakkan penglibatan pihak swasta bagi membangunkan kawasan-kawasan industri di luar bandar, di luar kawasan Lembah Klang. Melalui pembangunan kawasan industri ini secara langsung dapat menarik pelaburan ke kawasan tersebut. Selain daripada itu,

Kerajaan Negeri Selangor juga mencadangkan beberapa daerah di Selangor untuk terlibat dalam insentif bagi kawasan kurang membangun atau *less developer area* yang diberikan oleh pihak MIDA. Objektif utama insentif diperkenalkan adalah untuk menggalakkan pembangunan ekonomi di kawasan-kawasan luar Lembah Klang adalah seperti berikut dan daerah-daerah yang dicadangkan adalah seperti berikut :

1. Daerah Sabak Bernam;
2. Daerah Kuala Selangor;
3. Daerah Hulu Selangor;
4. Daerah Gombak;
5. Daerah Hulu Langat;
6. Daerah Sepang; dan
7. Daerah Kuala Langat

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Dengan ini saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### **III. USUL**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih ke atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Dipersilakan Yang Berhormat Kampung Tunku untuk menyambung perbahasan 15 minit sahaja.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih Puan Speaker. Semalam saya telah menyebut bahawa sebagai sebahagian daripada Persekutuan Malaysia Selangor sudah tentu tidak boleh terlepas daripada iklim sosial ekonomi dunia yang semakin mencabar. Pada masa yang sama titah ucapan Duli yang Maha Mulia Sultan Selangor 2 hari yang lalu pernah menyebut tentang masalah rasuah. Sebenarnya salah satu ubat yang berkesan untuk mengatasi masalah ini adalah melalui mempertingkatkan ketelusan kerajaan. Ahli ekonomi yang terkenal Ahmed Yassin juga pernah berkata bahawa keterbukaan sesebuah negara adalah berkaitan langsung dengan kecemerlangan ekonominya. Selain menambahkan akses orang ramai terhadap maklumat kerajaan, saya telah menyatakan semalam bahawa pengisytiharan aset juga diperlukan untuk membendung masalah rasuah di Selangor. Kali terakhir praktis ini dilakukan di Selangor kalau saya tidak silap adalah pada tahun 2010. Maka saya kira sekarang sudah sampai masanya bukan sahaja untuk penjawat-penjawat ataupun pemimpin politik mengisytiharkan aset semata-mata tetapi kita perlu memastikan bahawa sistem pengisytiharan aset ini setanding piawaiannya setanding dengan negara barat untuk membuktikan komitmen kerajaan terhadap keterbukaan kita.

Puan Speaker, rakyat Selangor bangga bahawa dalam keadaan yang tidak menentu ini, rizab Kerajaan Selangor semakin meningkat. Angka yang terkini ialah RM3.4 bilion. Sememangnya dasar berjimat cermat harus dijadikan amalan kerajaan dalam pengurusan sumber kekayaannya. Saya memuji kesungguhan dan keberanian Kerajaan Selangor untuk menutup ketirisan apabila kerajaan memutuskan untuk mengurangkan perbelanjaan makan minum yang tidak diperlukan. Dasar ini mesti dirangka biarpun begitu perlu dirangka dengan lebih menyeluruh dan tidak terhad kepada perbelanjaan makan minum sahaja. Saya memerhati bahawa perbelanjaan banyak dibuat untuk membuat baju korporat, untuk membuat buku diari, untuk membuat kalendar dan sebagainya. Hanya untuk tahun ini sahaja, saya telah pun menerima banyak pemberian buku diari dan juga kalendar daripada kakitangan awam, daripada jabatan-jabatan kerajaan dan sebagainya. Bagi saya perbelanjaan ini juga boleh dikurangkan. Langkah murni ini walaupun begitu tidak boleh disalahafsirkan bahawa ekonomi Selangor bermasalah seperti pepatah berbunyi ‘Sediakan Payung Sebelum Hujan’. Sebenarnya Selangor tidak perlu melakukan ini. Yang perlu melakukan ini ialah Kerajaan Persekutuan dan mereka sedang melakukannya. Tetapi mereka melakukannya bukan kerana mereka hendak menyediakan payung sebelum hujan tetapi kerana pengurusan kewangan mereka yang berlubang-lubang, yang bermasalah. Selangor melakukannya kerana kami hendak menunjukkan bahawa kita komited terhadap pengurusan ekonomi dan kewangan yang setanding dengan dunia barat. Saya tertarik Puan Speaker, dengan tuduhan Noh Omar, Ahli Parlimen Tanjung Karang dah sebulan lalu yang menuduh bahawa Kerajaan Selangor sengaja menggagalkan projek Kerajaan Persekutuan di Selangor. Saya tidak pasti samada tuduhan ini berasas atau tidak. Saya rasa ia tidak berasas. Tetapi saya di sini, dengan rasminya, dengan tegasnya mencabar semua ADUN Barisan Nasional untuk menyenaraikan semua projek Kerajaan Persekutuan di Selangor yang disabotaj oleh Kerajaan Negeri Selangor. Kalau tidak ada senarai ini, maka tuduhan-tuduhan Noh Omar ini adalah retorik kosong. Saya telah mendengar ucapan daripada sekurang-kurangnya 2 orang ADUN semalam. Saya rasanya tidak ada sesiapa pun yang menyentuh tentang projek ataupun senarai ini.

Puan Speaker, saya tak pasti sama ada saya akan diberi masa tambahan.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Speaker, boleh

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Sekiranya....

**TUAN SPEAKER:** Tak ada masa tambahan untuk Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tak ada. Jadi saya mohon Sungai Burong duduk.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Takkkan boleh bagi ni?

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya mohon maaf...

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Nak bagi penjelasan nak tanya ni..

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya mohon maaf, saya mohon maaf. Tak apa.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Nak tanya....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Yang Berhormat Sungai Burong boleh beri senarai

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Nak buat tuduhan tetapi tak ada

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tak apa, saya, saya kata saya, saya telah kata bahawa saya tak pasti sama ada tuduhan ini berasas tidak. Saya rasa tidak berasas. Tapi apa pun sekali saya tunggu ucapan Sungai Burong senaraikanlah semua projek Kerajaan Persekutuan yang ada masalah di Selangor supaya kita boleh *pinpoint*. Kita tengok mana satu. Sama ada ia benar atau tidak. Dan supaya Kerajaan Selangor boleh memberi maklum balas di Dewan yang mulia ini. Tapi setakat sekarang belum pernah apa-apa lagi.

Puan Speaker, saya ingin merujuk kepada isu tentang pelaburan dan e-dagang. Saya berasa syabas kerana dalam usaha untuk mempelbagaikan sumber ekonomi kita, Selangor telah membuka langkah yang bagus untuk membangunkan infrastruktur e-dagang melalui SITE C. Saya kira ini adalah satu trend yang bagus. Dan ini adalah sesuatu yang kita perlu memberi perhatian sepenuhnya. Dan pada masa yang sama kita juga tidak boleh melalaikan sektor pembuatan kita. Khususnya hubungan perdagangan kita dengan rakan-rakan perdagangan tradisi seperti Taiwan, Singapura, United Kingdom dan Jerman. Di kebanyakan negara ini, sektor pembuatan masih menyumbang kepada pembangunan ekonomi mereka. Ini menunjukkan betapa pentingnya sektor pembuatan ataupun *manufacturing* kepada KDNK mereka. Sebagai contoh, jenama-jenama terkenal sedunia seperti Roll Royce, seperti Walkswagen, Mercedes Benz, Siemen, BSHF, Land Rover, Audi, Opel dan sebagainya Faber Caster masih mempunyai pangkalan ataupun pusat mereka di negara asal mereka. Dan saya lihat sebagai satu contoh, pensel yang kita pegang ini, pensel Steadler, masih ada dicetak *to made in Germany*. Ini menunjukkan *manufacturing* masih menunjukkan satu tunjang ekonomi yang tidak boleh kita lalaikan. Dengan berbekalkan teknologi yang canggih serta budaya penyelidikan yang mantap Selangor perlu mencontohi negara-negara ini untuk membangunkan industri pembuatan yang mantap dan setanding dengan mereka. Bagaimana Selangor boleh bersaing dengan mereka? Selangor tidak perlu dan tidak berupaya dengan untuk bersaing dengan mereka tetapi Selangor boleh menempatkan dirinya sebagai pusat kepada syarikat-syarikat ini untuk bertapak di

rantau Asia Tenggara dan Asia Pasifik, memandangkan sebahagian syarikat ini pernah dan sedang melabur di Negeri Selangor. Maka kita gembira apabila Syarikat UMW mendirikan kilang di Serendah untuk membekalkan komponen enjin kapal terbang untuk Roll Royce. Ramai tidak tahu bahawa Malaysia sebenarnya menghasilkan 40% daripada komponen industri aero angkasa sedunia. Sudah tentu potensi Selangor tidak hanya sekadar membuat kepuk kipas ataupun *fan case* sahaja. Invest Selangor perlu memainkan peranan yang pro-aktif dan agresif bukan setakat progresif tetapi agresif untuk merangkaikan usahawan-usahawan IKS di Malaysia dengan pelabur dari dalam dan luar negara supaya mereka boleh bekerjasama dan menghasilkan lebih banyak komponen yang diperlukan oleh syarikat-syarikat gergasi sedunia seperti Roll Royce ini. Sebagai contoh, saya difahamkan bahawa Industri Kecil dan Sederhana di Taiwan terkenal dengan pengeluar komponen kepada gergasi-gergasi pembuatan antarabangsa ini. Barubaru ini saya sempat berbincang dengan rakan-rakan saya di Kedutaan Republik China ataupun Republik Taiwan. Kedutaan China, Kedutaan Republik China ataupun Taiwan ke Malaysia. Dan mereka amat berharap supaya Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebagai Ketua Kerajaan boleh mengetuai rombongan ke Taiwan untuk menjalin hubungan perdagangan yang lebih intim antara Taiwan dengan Selangor. Dan kita maklum Taiwan bukan negara yang menandatangani TPPA. Sekiranya Malaysia sekarang pun sudah menjadi salah sebuah negara yang menandatangani TPPA, maka Taiwan boleh menggunakan pelaburan mereka di Malaysia khususnya di Selangor untuk mempertingkatkan kewujudan ataupun *present IKS-IKS Taiwan* di pentas dunia.

Puan Speaker, saya ingin menyentuh tentang kenaikan kos sara hidup dan khususnya tentang kenaikan tol di Selangor. Rakyat Selangor terus dibelenggu masalah kenaikan tol. Kumpulan Perangsang Selangor memegang saham 20% dalam Syarikat Sistem Penyuraian Trafik KL - Barat Holding Sdn. Bhd. ataupun SPRING iaitu pemegang konsesi Lebuhraya Spring. Dan kita ada seorang wakil Kerajaan Negeri Selangor iaitu Ahli Parlimen Subang dalam Lembaga Pengarah Syarikat ini. Beliau dilantik sebagai wakil KPS dalam Spring. Saya kira ini adalah satu kelebihan. Kerajaan harus mengoptimumkan kelebihan ini iaitu sekiranya terdapat sebarang kenaikan ataupun cadangan untuk menaikkan tol, perlulah keputusan ini dimaklumkan kepada Kerajaan Selangor melalui wakilnya dalam Lembaga Pengarah. Dan seboleh-bolehnya saya mencadangkan agar Kerajaan Selangor diberi kuasa. Kalau boleh kuasa veto, kalau tidak boleh seberapa banyak kuasa yang boleh supaya kita ada pengaruh dalam pembuatan keputusan ini. *We will have a say in the decision making process.* Tapi saya bertanya juga sama kah, adakah ini mungkin apabila KPS hanya pemegang saham minoriti. Barangkali tak boleh, barangkali tak boleh. Tetapi saya tidak ada jawapan. Tetapi kita perlu menggunakan sepenuhnya pegangan ekuiti ini untuk mengurangkan beban rakyat akibat kenaikan tol lebuh raya. Kita pernah menggunakan pengaruh ini dalam isu pembukaan jalan Bandar Mahkota Cheras di Lebuh Raya Cheras Kajang pada tahun 2008 di mana keadaannya sama iaitu KPS juga mempunyai pegangan saham

sebanyak 20% dalam Taliswork Corporation Berhad yang memegang 55% saham dalam Cheras sama iaitu pemegang konsesi Lebuh Raya Kajang Cheras. KPS sebagai pemegang saham minoriti juga boleh mengemukakan resolusi dalam mesyuarat agung tahunan syarikat agar semua keputusan ataupun cadangan untuk menaikkan tol pada masa depan perlulah dirujuk terlebih dahulu kepada Lembaga Pengarah sebelum dikuatkuasakan. Perkara ini adalah diperuntukkan dalam Seksyen 145 Akta Syarikat. Sebenarnya Kerajaan Selangor boleh mempertimbangkan cara ini untuk menerapkan sebarang dasar kerajaan dalam pengurusan syarikat yang dipegangnya.

Saya juga ingin menyentuh sedikit tentang bas percuma. Rakyat Selangor lega dan gembira apabila terdapat laluan bas percuma disediakan dan juga rakyat Kampung Tunku berterima kasih kepada Kerajaan Selangor dan MBPJ kerana akhirnya Bas PJ04 telah pun memasuki kawasan DUN Kampung Tunku. Pada bulan lalu saya telah mengambil kesempatan ini untuk berlegar-legar dengan bas ini dan perkhidmatannya agak memuaskan. Dari segi ketepatan masa, ia saya kena *test out* lah sistem ini tapi saya ia sangat bagus. Memang tepat masa dan saya juga mengambil kesempatan untuk menggunakan perkhidmatan bas berbayar Rapid KL. Apa yang perlu ditambah sebenarnya ialah infrastruktur yang lebih mesra OKU, yang lebih mesra pejalan kaki supaya kita boleh mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap sistem pengangkutan awam kita.

Saya juga ingin merujuk sikit kepada isu pemilikan rumah. Memang ini adalah satu impian, merupakan impian setiap rakyat Selangor. Saya memuji usaha gigih kerajaan untuk membangunkan Rumah Selangorku, untuk memenuhi keperluan rakyat terhadap rumah. Biar pun begitu saya sedikit terkilan apabila terdapat kuota kaum yang tidak seimbang dalam pengagihan Rumah Selangorku. Sebagai satu projek sosial, saya tidak menafikan bahawa memang kuota ini diperlukan untuk meraih kepelbagaian dalam sesebuah komuniti. Biarpun begitu, matlamat murni ini tidak akan kesampaian kalau ada kuota yang setinggi 80% untuk sesuatu kaum. Oleh sebab itu saya ingin menarik perhatian Lembaga Perumahan untuk mempertimbangkan semula dasar ini kerana seelok-eloknya kuota sesuatu kaum itu dihadkan agar tidak melebihi separuh supaya kita boleh membina sebuah komuniti yang betul-betul majmuk dan mencerminkan kepelbagaian masyarakat Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku, 1 minit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Tuan Speaker, semalam Syarikat Digi Telecommunications telah mengumumkan penawaran cuti bersalin selama 6 bulan kepada kakitangan wanitanya untuk meraih kepelbagaian dan mengekalkan bakat di kalangan kaum pekerja wanitanya. Maka sudah sampai masanya kerajaan merangka dasar-dasar yang lebih bermakna untuk memperkasakan kaum wanita di Negeri Selangor. Antara masalah yang dihadapi oleh kaum wanita ialah diskriminasi sama ada secara tersirat atau pun tersurat seperti gangguan seksual, ancaman

rogol, gaji yang tidak saksama, peluang naik pangkat yang kurang, bayaran yuran taska dan tadika yang melambung tinggi serta stigma kononnya produktiviti seorang ibu mengandung akan merosot. Perkara ini sering kali berlaku dan pernah berlaku di Negeri Selangor. Jadi ini adalah satu fenomena yang kita harus membendung. Maka saya menyarankan kepada Kerajaan Negeri, Pusat Wanita Berdaya yang ditubuhkan di Selangor ini tidak boleh sekadar mengadakan program-program kosmetik seperti program masak-masak dan sebagainya. Memang tidak boleh dinafikan bahawa ianya diperlukan tetapi apa yang lebih diperlukan ialah bantuan kerajaan dan peruntukan undang-undang bagi melindungi dan membantu kaum wanita.

Dalam isu pendidikan Tuan Speaker, Kerajaan telah pun membentangkan dalam belanjawan 2015, peruntukan RM5 juta sebagai Biasiswa Pasca Ijazah. Perkara ini sehingga sekarang masih belum diumumkan dan saya memohon supaya Kerajaan memberi penjelasan apa telah berlaku kepada cadangan ini? Saya juga ingin menarik perhatian terhadap cadangan untuk menaikkan elaun Ahli Majlis. Ianya perlu dilaksanakan secepat mungkin. Memang kalau kita hendak memberi perkhidmatan yang bagus kepada *tax payer*, kita perlu ingat bahawa gaji yang rendah akan menyebabkan rasuah berleluasa. Gaji atau pun elaun Ahli Majlis di Pulau Pinang telah pun dinaikkan ke RM4,000.00..... ke RM2,500.00 dan saya rasa prestasi kewangan PBT di Selangor semakin bertambah baik. Memang PBT di Selangor khususnya Majlis Bandaraya dan Perbandaran mempunyai kemampuan untuk menampung kenaikan ini. Saya juga menarik perhatian terhadap masalah kontraktor yang gagal menyiapkan.....

**TUAN SPEAKER:** *Point* terakhir ya, Kampung Tunku. *Point* terakhir.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** *Point* terakhir. Muka surat terakhir pun. Tentang kegagalan kontraktor menyiapkan kerja mereka dalam tempoh waktu yang ditetapkan. Dengan *variation order* yang semakin bertambah. Ini berlaku di kawasan saya, Mahkota Attap Enterprise, projek bermula akhir tahun 2014 sehingga sekarang masih belum disiapkan. Kos RM1.8 juta, kontraktor kelas C tetapi tidak dapat menjalankan tugasnya dengan bagus. Masalahnya agak *multi dimensional*. Saya tidak ada masa untuk menerangkan dengan selanjutnya tetapi saya memohon supaya kerajaan mempertingkatkan kualiti dan juga kompetensi Pegawai-Pegawai kita khususnya dari peringkat permulaan. Dari peringkat perangkaan *Bills of Quantity* kerana masalah berlaku apabila *Bills of Quantity* itu tidak lengkap, tidak menyeluruh, maka akan berlaku kecuaian semasa projek ini berjalan. Jadi saya memohon supaya PBT memberi perhatian kepada isu ini. Ada banyak lagi isu tetapi saya rasa saya akan, saya berharap isu-isu yang saya terangkan di atas itu diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih dan Kampung Tunku menyokong.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih, kerana memberikan saya peluang. *Bismillahir rahmanir rahim. Alhamdulillahirabbil Alamin. Wassalatu Wassala Muala Asyrafil Anbiya Iwalmursalin. Waala Alihi Wasahbihi Ajmain.*

Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Speaker kerana telah memberikan saya peluang untuk saya mengambil bahagian menjunjung kasih ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah. Pertamanya, kita bersyukur kepada Allah yang Maha Esa kerana titah Baginda, Negeri Selangor ini berkembang di peringkat serantau sebagai sebuah negeri yang maju, dinamik dan rakyatnya hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Seterusnya titah Baginda yang dipetik, Baginda mahukan negeri ini menjadi salah satu *Smart State* yang terkemuka bukan sahaja di negara kita tetapi juga di rantau dan juga di seluruh dunia. Sebagai negeri yang paling maju, Kerajaan Negeri perlu bersedia menghadapi cabaran dunia yang lebih rumit sekarang. Ini adalah satu nasihat yang cukup bermakna. Mencetuskan iltizam kepada kita semua warga Selangor untuk berusaha dengan lebih gigih lagi dan pintar menterjemahkan gagasan ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

Teras kepada *Smart Selangor* ini adalah data. Dengan kaedah perolehan data yang lebih tepat, yang betul, kerap dan disatukan pula dengan kaedah-kaedah analisa terkini, sudah pasti keputusan atau *respond* yang lebih baik dapat kita hasilkan. Jika kita punyai data, rakyat berbilang, demografi, lokasi yang memerlukan bantuan, maka lebih mudah bantuan sama ada dalam bentuk wang, mahupun makanan dapat disampaikan terus kepada golongan sasaran tersebut. Program Kerajaan Prihatin akan dapat dijayakan dan apabila tindakan kerajaan disandarkan dengan data yang berasaskan keperluan rakyat, maka rakyat akan lebih tersentuh dan dengan kesungguhan dan kedulian kerajaan yang peka dengan keperluan mereka. Dengan cara ini, jurang teras defisit di antara rakyat dan kerajaan dapat dirapatkan. Ini adalah asas pentadbiran sebuah kerajaan yang telus, penuh integriti dan efisien. Macam kita katakanlah, *there is nothing for us to hide* dan jadi kita akan menjadikan semuanya telus dan *transparent*.

Data sekiranya dapat diguna pakai, diguna luas secara percuma dapat mewujudkan peluang-peluang ekonomi yang baru. Contohnya produk yang baru yang dapat dibangunkan yang akan menepati cita rasa pengguna sekiranya data cita rasa pengguna itu dapat diperolehi. Di sini pihak kerajaan berperanan penting untuk memastikan bahawa segala infrastruktur yang diperlukan untuk membangunkan pengkalan data ini dapat dijayakan. Apabila infrastruktur ini ada, maka lebih ramai usahawan-usahawan baru dapat diwujudkan terutama mereka-mereka yang tak berupaya. Yang ada sekarang ini, kalau ikutkan kerajaan nak buatkan skim pekerjaan anjal terutama ibu-ibu tunggal dan mereka yang terpaksa duduk di rumah kerana mungkin macam semalam soalan saya, menjaga seorang anak OKU dan apabila suaminya meninggal dia tidak boleh keluar bekerja seperti orang biasa tetapi

terpaksa duduk di rumah. Kalau ada skim anjal ini, masukkan juga disekalikan juga dengan data dan ini boleh menolong mereka. Lihat sahaja kejayaan Singapura di mana penyediaan infrastruktur *internet*, *internet accessing* dengan izin, yang baik dapat mewujudkan aplikasi pengangkutan awam bukan sahaja seperti *uber*, *waze* malahan *b-line* Singapura dan juga *my-transport Singapore*.

Kita harus berbangga kerana Kerajaan Negeri telah membuat perancangan dan melaksanakan pelbagai usaha untuk kesejahteraan rakyat dengan program pengangkutan *Bas Smart Selangor*. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Teng kerana telah pergi ke Kajang tapi mungkin masukkan tempat-tempat lain lagi, saya mohon sebab saya mendapat banyak aduan bahawa tidak masuk ke tempat-tempat yang sepatutnya masuk. Boleh ditingkatkan lagi tapi sekurang-kurangnya kita berterima kasih.

Jadi prasarana tebatan banjir, skim mikro kredit dan usaha untuk pembiayaan pemilikan rumah mampu milik yang banyak diperkatakan kerana ini adalah penting, rumah mampu milik. Selain ini, Kerajaan Negeri juga berjaya memberi tumpuan kepada soal pendidikan dan pembangunan modal insan melalui peningkatan infrastruktur UNISEL termasuk program akademik *Booth Camp* untuk para graduan. Kita harus juga bangga dengan usaha memelihara alam sekitar, pengupayaan sumber manusia serta pembangunan industri terutamanya yang berteknologi tinggi seperti industri aero angkasa dengan meningkatkan daya tarikan pelabur tempatan mahupun asing. Seperti yang telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Aero angkasa ini satu yang saya kira boleh melonjak terutamanya membawa pelaburan kepada Selangor dengan lebih baik lagi. Dengan pembangunan pesat sesuai dengan keupayaan dan kebolehan kita.

Saya ingin Kerajaan Negeri terus memberikan perhatian kepada cita-cita memiliki rumah kerana rumah bukan sahaja tanda kesejahteraan tetapi menjadi istana rakyat tetapi janganlah kadangkala kita nak dapat rumah dijadikan satu isu dan dibesar-besarkan isu seperti mana yang telah berlaku sekarang ini. Yang isu 1MDB itu tak dibesar-besar pula ya, ditutup-tutup pula ya?

Apa yang kita nakkan adalah menjadi istana rakyat, membina keluarga, berteduh daripada pancaroba kehidupan yang pelbagai rencam, sesuai dengan konsep rumahku, syurgaku. Urusan permohonan rumah rakyat wajar disemak semula agar rakyat terutamanya keluarga muda dengan PTPTN lagi, dengan masalah pekerjaan, dengan pengangguran. Rakyat miskin yang masih tidak memiliki rumah dan tidak berdepan dengan kesulitan untuk memiliki rumah itu yang sebagai peringatan bersama, isu perumahan rakyat ini telah diperjuangkan oleh mantan Timbalan Perdana Menteri, mantan Ketua Pembangkang Malaysia dan kini tahanan politik saudara Anwar Ibrahim melalui skim PPRT pertama di Kuala Lumpur suatu ketika dahulu. Usaha memantapkan lagi pembangunan kampung tersusun juga mesti diberikan tumpuan sewajarnya. Mungkin Yang Amat Berhormat pada masa itu,

boleh ingat apa-apa program kampung tersusun kerana kadangkala kampung kita ada kampung tradisi tetapi tidak tersusun dan banyak prasarananya sekarang ini menghadapi masalah apabila kita ada kemodenan dalam pembangunan sekarang ini.

Ke bawah Duli juga, Baginda turut bertitah *Smart Selangor* bukan berkenaan teknologi sahaja dan infrastruktur sahaja tetapi mengenai isu paling kritikal dan keperluan harian seperti isu membanteras jenayah, pengurusan sampah dan sisa pepejal, pengangkutan, lalu lintas, perkhidmatan kerajaan, pendidikan mahupun kesihatan.

Oleh sebab program kitar semula yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan tidak meliputi Negeri Selangor, maka Kerajaan Negeri harus membuat inisiatif sendiri dengan mengambil iktibar dengan masalah yang dihadapi oleh negeri lain sebab semalam dalam Parlimen dikeluarkan apabila kita bahaskan Rang Undang-Undang bil tambahan itu ada dikeluarkan tentang kitar semula. Ini tidak meliputi Selangor kerana saya dikatakan bahawa kita tidak menandatangani Akta 672, Akta Pengurusan Sisa Pepejal. Tetapi memanglah satu masalah apabila dibangkitkan masalah walaupun ada pengurusan sisa pepejal ini apabila ada pengasingan di tempat pengutipan tetapi tidak ada tanda-tanda bila masa dan jadualnya yang sepatutnya ditekankan di laman-laman dikatakan di Negeri Johor. Jadi kalau kita di Selangor ini mempunyai program dan idea begini yang sepatutnya kita terajui dan teruskan kerana saya ingat bahawa Selangorlah yang mula-mula yang mengeluarkan arahan tidak mempunyai plastik pada hari Sabtu dan ini mendepani program-program daripada seluruh Malaysia. Jadi tahniah kepada Selangorlah. Jadi itu yang nak saya katakan bahawa kalau kita ada kitar semula ini, kempen itu adalah penting kerana sikap dan kempen yang berterusan ini kerana ramai rakyat Malaysia tidak mempunyai satu budaya untuk mengasing-asingkan dan tidak juga mempunyai iltizam untuk membuat kitar semula ini daripada peringkat rumah sampai ke peringkat kawasan dan komuniti. Jadi kita mestilah membuatkan di Selangor ini satu budaya yang sihat apabila menjadikan kitar semula ini satu budaya yang semula jadi.

Seperti di Kajang, antara isu yang paling selalu dibangkitkan adalah isu banjir. Sampaikan Sinar sebelum saya membuatkan pembetulan, mengeluarkan kata Kajang tidak berubah. Sudah berubah kalau pergi sekarang sudah berubah ya. Dikatakan isu banjir kilat yang mungkin berlaku apabila hujan lebat. Keadaan ini disebabkan oleh pembangunan bandar Kajang dari sejak awal bukan kata Kajang saya ambil alih dah banjir. Tidak macam itu, daripada dulu lagi banjir. Janganlah salahkan saya, saya cuba nak menyelesaikan masalah. Keadaan ini disebabkan pembangunan bandar Kajang yang sejak dari awal tidak dirancang dengan baik yang mengakibatkan permasalahan yang kita warisi daripada kerajaan BN lagi yang terdahulu. Walau bagaimanapun, kita tidak putus asa untuk mencari penyelesaian dalam memberikan khidmat terbaik kepada rakyat. *Insya-Allah*.

Program tebatan banjir yang telah dilaksanakan sedikit sebanyak mengurangkan permasalahan banjir di Kajang. Bagi pihak rakyat di Kajang, saya mengucapkan terima kasih atas peruntukan lebih daripada RM5 juta yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri. Ini Kerajaan Negeri ya, bukan Kerajaan Persekutuan ya. Saya tak dengar pula Noh Omar cakap apa ya. Untuk pelebaran sungai dan pelbagai projek tebatan banjir. Saya juga telah beberapa kali membuat pertemuan dan perbincangan, turun ke lapangan bersama Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) terutama pada kejadian banjir pada 28 Januari yang lepas dan saya berterima kasih kepada kakitangan MPKj yang bertungkus-lumus membersihkan bandar Kajang sehingga sampai pukul 4.00 pagi.

Tahniah juga kepada Pengarah JPS Tuan Hj Hashim dan para pegawai yang sentiasa turun padang dan saya juga berunding dengan pihak MRT dalam mencari jalan tengah untuk menyelesaikan masalah ini secara bersama. Jadi MRT tidak boleh nak cepat-cepat nak selesaikan juga terima kasih kepada Pegawai Daerah saudara Zulkifli Khalid yang sentiasa bekerjasama untuk menyelesaikan permasalahan rakyat. Oleh yang demikian, tapi ada juga masalah juga kadang kita pergi, dia kata oh ini JPS punya masalah, ini MPKj punya masalah, ini JKR punya masalah. Jadi kalau bolehlah ya perlulah ada satu usaha JPS, MPKj, JKR, Pejabat Daerah dan lain-lain Jabatan yang boleh melicinkan koordinasi selaraskan, ya terima kasih Sekinchan. Bagi mengelakkan penekanan yang keterlaluan kepada formaliti atau retoriknya ya. Dalam masa yang sama Smart Selangor ini tidak akan tercapai dengan jayanya jika rakyat sendiri tidak akan mengubah sikap misalnya membuang sampah merata-rata dan ingat sungai itu adalah tong sampah tak boleh ya, misalnya membuang sampah merata-rata, membuat binaan yang tidak wajar atas kawasan rizab sungai pun, saya masa itu YAB Menteri Besar turun dan memang jalan dan saya ingat Dusun Tua pun tahu masalah lama memang atas rizab sungai dah bina rumah jadi kita mempunyai masalah untuk menyelesaiannya, sekarang ini dah terlampau ramai dan padat tempatnya.

Dan saya masuk ke *point* lain, Baginda juga bertitah agar pengajaran daripada Ahli Sejarah besar ya Edward Gibbon dalam karya Agong nya *The Decline and Fall of The Roman Empire* menceritakan bagaimana empayar Rome ya yang begitu besar, kuat dan gemilang, runtuh dan hancur akibat budaya rasuah dan fitnah memfitnah yang berleluasa dan menjadi barah di kalangan pimpinan tertinggi akibat daripada gaya kemewahan bermewah gaya hidup kehidupan bermewah-mewah kita mesti berpada-pada kita mesti tahu bahawa itulah adalah tanggungjawab dan bukannya satu keistimewaan, ya. Oleh yang demikian, kita juga sedar bahawa pencegahan rasuah perlulah struktur semak dan imbang *check and balance* dengan izin, antara cabang-cabang kerajaan dan paling utama adalah untuk mengelakkan pemusatkan kuasa dan pengagihan sumber kepada golongan terpilih demi meraih sokongan dan mengekalkan kuasa. Macam sekarang ni pemusatkan seorang sahaja. Kalau ada apa-apa yang dikritik dan apa-apa boleh dibuang jawatan boleh buang kerja boleh dibuat macam-macam dibekukan. Persepsi rakyat mesti sentiasa dipelihara bahawa

Kerajaan Negeri dan kita semuanya bersih telus dan bebas rasuah. Adalah dicadangkan agar Kerajaan Negeri menggandakan usaha *engagement* bukan sahaja dengan pihak pelabur dan diplomatik asing tetapi diperluaskan ruang penglibatan demokrasi, *democratic participation* dengan rakyat melalui usaha tersusun, rakyat membentuk pelbagai persatuan-persatuan yang dapat mengumpulkan suara-suara rakyat dalam pembangunan negeri dengan lebih mampan. Saya mencadangkan misalnya ya ambil Kajang ya kita mencari aplikasi Air Kajang ya yang dilancarkan oleh Dato' Menteri Besar digunakan sepenuhnya untuk rakyat berkomunikasi dengan lebih efisien dengan Kerajaan Negeri memudahkan mereka menyalurkan maklumat kepada pihak PBT. Pergi ada kata ex tu apa Kajang, apa ni Kajang pulak, apa ni yang dikatakan "Air Kajang" dia masukkan app apa-apa diberikan tetapi apa yang penting juga yang saya nak sarankan adalah satunya memanglah dalam alam maya ya, sesawang go on line dengan izin tetapi satu lagi kalau kita ada juga ada persatuan-persatuan penduduk yang aktif yang boleh melihat *real time* dalam memang dalam kawasan dan juga on the ground ya dengan izin, baru kita tahu bahawa kalau, kalau ada apps ni boleh kita kata apps sahaja tetapi kalau tidak berkesan itu tidaklah boleh memberikan jawapan dan penyelesaian. Kalau berkesan kita lihat bahawa ada apps ada juga persatuan ada juga mereka yang melihat bahawa ini memberikan penyelesaian alhamdulillah kita akan teruskan. Ini menunjukkan bahawa Smart Selangor ini betul-betul berjaya.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat Kajang boleh ringkaskan.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Ok. Saya nak katakan bahawa terima kasih kepada PTRS juga Selangor ada seorang *student* daripada tu mendapat 11A, Alhamdulillah. Dan kita boleh, kita boleh panjangkan, besarkan ataupun berikan lagi banyak-banyak *student* ini tetapi yang satu yang saya nak sentuh sebelum saya akhiri bagaimana pun pada hemat saya yang paling utama dan mesti kita beri tumpuan sepenuhnya adalah perlunya kita membina kecemerlangan yang mempunyai roh kerana Baginda bertitah agar Negeri Selangor jangan terjerumus pada gejala yang disebutkan oleh seorang Professor Harvard Harry R. Lewis sebagai *Excellence without a Soul* ya kecemerlangan yang tidak yang kita nakkan kecemerlangan yang mempunyai roh ya, adalah satu tumpuan dan dengan memberi tumpuan kepada membina dan memelihara konsep Qaramah Insaniah dalam membangunkan masyarakat madani, keadilan sosial dan nilai-nilai sejagat. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Speaker, saya nak tujukan YAB ada dicadangkan oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan elemen penting dalam pembangunan roh ini atau kerohanian dengan sebagai pengimbang kepada pembangunan material kebendaan diwujudkan membangunkan satu Institut Qaramah Insaniah yang menjadi pemangkin kepada pembinaan hub pendidikan insaniah sedunia, *Insya-Allah*. Akhir sekali terima kasih Speaker sampai di sini saya akan mewakili semua warga Kajang bertekad selaras dengan titah Baginda agar kita bersatu padu dengan Kerajaan Negeri di bawah pimpinan Dato' Menteri Besar untuk

memastikan gagasan Smart Selangor menjadi kenyataan. Terima kasih. Assalamualaikum.

**TUAN SPEAKER:** Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Y.B. Speaker kerana memberi peluang kepada saya. *Bismillahir Rahmannir Rahim, assalamualaikum wabarakatuh.* Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker kerana memberi peluang untuk membahaskan ucapan menjunjung kasih ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan sempena perasmian sidang kita pada penggal keempat. Pertama saya tertarik dengan ucapan Kajang tadi, terima kasih kerana membawa semangat baru Barisan Nasional dalam dewan ini kerana baju tu dah baju Barisan Nasional, terima kasih. Tak lupa rupanya dalam BN tu, he tak apa, tak ada, tak ada.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Ni dah 20 tahun....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Maknanya dulu Ahli BNlah tu. Jangan marah Kajang. Sekinchan tak boleh campur kali ini masa tak bagi cuma nak bagi tahu Sekinchan mengenai hospital. Saya tak ada mewakili Menteri Kesihatan atau Menteri Kerja Raya, tapi saya nak bagi tahu Sekinchan nanti kalau dalam tahun ini apabila nanti hospital tu mula dibina Sekinchan, jangan kata itu kerana desakan Sekinchan, kalau tahun ini mula dibina. Ok.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tidak tapi saya mahu hospital itu dibina dan saya tak payah desak, bina sahajalah tak perlu desak....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ialah kalau dibina nanti, ok, ok, duduk-duduk, dibina bukan kerana desakan Sekinchan. Untuk makluman Dewan, kita dimaklumkan oleh pihak Kementerian Kerja Raya kontraktor sudah dilantik dan akan memulakan kerja-kerja dalam waktu terdekat jadi adillah untuk saya sampaikan berita ini.

Yang Berhormat Speaker, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai ada dua, tiga perkara yang ingin saya sentuh tetapi yang utama ini ialah mengenai industri bekalan air, saya rasa ini isu yang wajar kita sebut dan Sekinchan pun semalam panjang lebar mengenai air dan saya percaya ini perkara yang wajib kita perhatikan dan kita bahaskan supaya apa ni kegusaran Menteri Besar yang sebagaimana diterbitkan dalam akhbar ini menyebut bahawa air ini akan mula kritikal pada tahun 2017. Saya rasa amat terkilan dengan ucapan Sekinchan semalam yang majoritinya dalam industri air ini menyalahkan kerajaan Persekutuan. Kita kena lihat industri air ini secara holistik. Bagaimana peranan-peranan yang dimainkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam membantu industri air di Negeri Selangor, cukup besar. Pertama sendiri kita tengok dalam industri air ini. Pertama pembinaan Sungai Langat 2, kerajaan mengambil masa 15 tahun, EPU buat perancangan supaya industri air ini

ataupun LRA, Langat 2 ini boleh dibina dan akan mencapai tahap siapnya pada tahun 2016. Yang mana hari ini dah 9 tahun akhirnya waktu siapnya tidak dapat dicapai pada tahun 2016, 2019, tiga tahun akan datang dan kita akan menghadapi masalah air yang kritikal. Kenapa, kerana gangguan-gangguan yang dibuat terutamanya oleh Sekinchan dan juga rakan-rakan DAP beliau ini yang banyak mengganggu ini. Sampai 9 tahun kita bahas dalam Dewan ini, akhirnya ucapan terima kasih kepada Pelabuhan Klang atas inisiatif beliaulah akhirnya dimeteri dan persetujuan itu dapat dicapai dan dapat diselesaikan. Itu satu kenyataan dan realiti, 9 tahun kita habiskan masa dulu kita dah bahas saya pun bahas banyak kali dalam Dewan ini, Sungai Burung bahas, jangan politikkan air di Negeri Selangor. Kita boleh bersetuju dalam apa keadaan, saya tak benarkan dulu kalau ada masa saya beri. Air jangan dipolitikkan untuk kepentingan apa-apa pun dalam isu ini dan akhirnya, sekarang ini kita menghadapi masalah. 9 tahun kita bazirkan, kita kena terima kasih 2 Bilion Kerajaan Persekutuan bagi kepada Syarikat Air Selangor untuk membeli balik semua konsesi-konsesi. Kalau tidak ada peruntukan 2 bilion ini, mana nak cari. Sekinchan kena ingat, itu satu sumbangan besar. Tak cukup dengan itu sementara kita nak tunggu Langat 2, siap, kita ada juga program-program mitigasi air. Dalam konteks mitigasi air sahaja, saya baca di sinilah, hampir RM 606 juta diperuntukkan ataupun diberi oleh kerajaan Persekutuan sama ada berupa pinjaman ataupun kontrak terus yang dibuat untuk memperbaiki sistem bekalan air di Negeri Selangor. Saya nak ambil satu, dua yang boleh saya ulas di sini lah sebagai rekod untuk dewan kita ya. Untuk pemasangan paip baru ke Pulau Ketam sahaja kerajaan Persekutuan belanjakan RM35.7 juta, kalau nak dikira Barisan Nasional tak menang pun di Pelabuhan Klang di kawasan ini tetapi kita bagi untuk pinjaman-pinjaman untuk pengagihan semula kapasiti naik taraf air SSP 1, RM87.23 juta untuk SSP 3, RM172.65 juta, pemindahan pukal Rasa RM 37.9 juta, untuk apa ini Loji Rawatan Air Sungai Langat (ARA 2) RM48.1 juta, juga yang akhir sekali untuk apa ni, pelaksanaan Program Mitigasi Fasa Tambahan bagi mengurangkan risiko berlakunya krisis air bekalan air di Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya RM49.1 juta. Pinjaman diberi kepada Kerajaan Negeri Selangor tanpa faedah.

Ini kita nak tahu. Duduk dulu saya tak benarkan. Maknanya ini sumbangan-sumbangan Kerajaan Persekutuan yang hampir RM606 juta, selain daripada sumbangan-sumbangan ataupun yang diberi kepada apa ini konsesi air sebelum ini. Yang ini satu kenyataan yang kita tidak boleh disangkal yang hari ini

**Y.B DATO TENG CHANG KHIM:** Yang Berhormat, itu cukai pendapatan orang Selangor kita ambil balik sahaja.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Yang Berhormat kena tahu ini sumbangan Kerajaan Persekutuan yang mesti diakui oleh dewan ini.

**Y.B DATO; TENG CHANG KHIM:** Duit rakyat mana boleh, itu duit kita ambil balik.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh bagi *rules*...

**Y.B PUAN YEO BEE YIN:** Sepatutnya adalah, sepatutnya....

**TUAN SPEAKER:** Baiklah ini masa untuk Permatang bahas, kalau sapa nak mencelah kena dapatkan kebenaran Permatang.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Sungai Pinang...

**TUAN SPEAKER:** Teruskan Permatang masa sedang berjalan

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya, Sungai Pinang, kalau nak kira duit rakyat, apa yang Kerajaan Negeri belanja untuk peruntukan 2016 juga, duit rakyat bukan duit DAP tau.

**Y.B DATO; TENG CHANG KHIM:** Ya setuju duit rakyat sebab itu kita tak *claim* kredit.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ini kuasa Kerajaan Persekutuan yang bagi...

**TUAN SPEAKER:** Permatang, kalau tak nak *engagement* jangan tanya soalan pada Sungai Pinang , teruskan Permatang.

**Y.B DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ok, saya teruskan, kesan daripada kelewatan itu hari ini, 951 projek yang tidak dapat diberikan sokongan oleh bekalan air kerana apa? kerana kekurangan bekalan air dan daripada 951 ini datangnya lebih kurang 644 projek di negeri Selangor. Bayangkan berapa banyak kerugian, Yang Berhormat sebagai EXCO Industri ataupun yang menjalankan Portfolio Pelaburan, kita tahu. Ini kenyataan. Banyak syarikat-syarikat, saya sendiri pernah hadir meja bulat dengan pemain-pemain industri, mereka sendiri tidak ada keyakinan kalau industri air tidak diselesaikan. Ini masalah dia, dan ini kenyataan sebenar. Saya juga nak bertanya saya bukan nak kritik secara melulu mengenai pembinaan Labuan Dagang RM800 juta. Ini saya ingat perlu diberi penjelasan dan saya tak mahu kritik secara melulu. Saya melihat kepada laporan yang dibuat oleh SPAN, dalam laporan SPAN menyatakan bahawa kajian menyeluruh melihat bahawa penggunaan ataupun kadar air sungai yang ada di Negeri Selangor mencukupi untuk 34 buah loji yang sedia ada. Ok, saya nak bertanya, persoalan saya ialah RM800 juta yang diumumkan oleh YAB Dato' Menteri Besar dalam Bajet yang lepas seolah-olah projek ini timbul tiba-tiba.

Persoalan saya yang pertama, di mana kajian yang dibuat, di mana sungai ataupun Loji Labuan Dagang dan juga Loji Semenyih akan dapat bekalan air mentah. Saya tengok titah ucapan Tuanku ada sebut, Tuanku sebut, "Beta berkenan menitahkan

supaya Lembaga Urus Air Selangor mengurus sumber air Negeri Selangor secara holistik ke arah kesejahteraan sejagat. Ini penting memastikan sumber air mentah yang mencukupi di semua empangan memastikan bekalan air bersih dan kegunaan rumah dan industri tidak tergendala.

Apakah Menteri Besar sudah dapat nasihat daripada LUAS memastikan kedua-dua loji yang dibina ini akan mendapat sumber air mentah yang mencukupi. Saya sebut ini kerana.....

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Saya meminta mencelahi sebagai pengerusi *you* sebagai pengerusi *I help you now* sebab ini fakta yang salah

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nanti Yang Berhormat

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Fakta yang salah. Air mentah adalah bukan dari loji rawatan air. Itu air terawat.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah Damansara Utama tolong duduk. Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Karang ada isu mengenai Jawatankuasa boleh sebut. Yang Berhormat saya hendak beritahu buktinya Sg. Langat dan Sg. Semenyih dah kurang air mentah. Sebab itulah Loji Langat dan Loji Batu 11 Cheras kerap ditutup. Kerana apa kerana masalah ammonia datangnya ammonia kerana dua (2) sebab. Pertama (1) ammonia datang kerana pelepasan ammonia oleh syarikat-syarikat ataupun industri itu satu kenyataan. Yang kedua apabila berlaku penurunan kadar air sungai maka ammonia akan menjadi satu isu yang besar. Jadi kalau misalan kata saya hendak mengambil contoh tadi kalau Loji Langat dan Batu 11 Cheras sendiri menghadapi masalah bekalan air mentah bagaimana hendak bina lagi dua (2) Labuan Dagang dan juga Semenyih. Sebab sumbernya daripada sumber yang sama. Saya hendak beri contoh lain juga kenapa Loji Jelutong tidak diaktifkan melalui yang dapat sepatutnya yang dapat bekalan daripada Sungai Damansara. Pun tidak dapat diaktifkan kerana masalah bekalan air mentah. Jadi soalan saya ya, kenapa RM800 juta dibelanjakan untuk bina lebuh raya *sorry* bukan lebuh raya membina kedua-dua loji ini di mana sumber air mentah. Saya hendak tanya adakah LUAS sudah memberi kajian ini yang dalam apa yang sebenar dan nasib yang sebenar kepada Kerajaan Negeri kita tak nak nanti bila bina sahaja dua (2) ini air tidak cukup sebagaimana terpaksa ditutup pada setiap waktu dan akhirnya ini menjadi satu (1) projek gajah putih. RM800 juta ini siapa yang akan dapat kroni ke dapat atau siapa yang akan dapat. Saya hendak soalkan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya hendak mencelahlah

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Bagi sekejap

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Bagi masa kerana Sekinchan dah mari kali ini disebut nama Sekinchan

**TUAN SPEAKER :** Saya tidak benarkan masa tambahan ya Permatang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Maaf. Saya minta maaf. Kalau bagi saya bagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Sebut nama Sekinchan...Sekinchan...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ini realiti...minta maaf Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Jadi ini saya kena pembetulan benda. Fakta yang tidak betul kita kena perbetulkan. Kerajaan dipersalahkan.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Y.B. Tuan Speaker nanti kerajaan gulung...biar kerajaan gulung

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tolong sekejap...kena bagi

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya tidak benar. RM800 juta

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kena bagi sebut nama Sekinchan kira...kira banyak kali dah... Jadi kenalah bagi...bagi...bagi...bagi barulah adil

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya ada dua tiga perkara. Duduk dulu duduk..duduk dulu. Ok.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tak bagi sebab tadi dipersalahkan Kerajaan Negeri kononnya kita melewatkam. Hakikatnya ialah, ia, kita mempertahankan hak rakyat kalau kerana perjanjian itu ditandatangani.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sekinchan duduklah orang tak bagilah

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi Permatang dua minit tambahan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Ha dua minit boleh.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh, saya bagi.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya. Oleh kerana Sekinchan. Terima kasih Tuan Speaker. Oleh kerana Sekinchan disebut berkali-kali dalam bahas ini oleh Permatang saya fakta yang dikemukakan oleh Permatang itu tidak betul makna

menyalahkan bahawa Kerajaan Negeri yang melambat-lambatkan. Kenapa Kerajaan Negeri hendak nak lawan Kerajaan Persekutuan dan konsesi sebab puncanya satu (1) kerana Kerajaan Persekutuan dan kerajaan dulu telah menandatangani satu (1) perjanjian 30 tahun yang berat sebelah yang menyebelahi konsesi dan tidak menyebelahi....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Dah cukup...sabarlah...dah cukup-cukup..

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Oleh itu kita kena lawan kita kena mempertahankan rakyat jadi..

**Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Itu dah emosional itu bukan

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Pengerusi

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya kena fakta Permatang...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasihlah Sekinchan kalau hendak mempertahankan rakyat kononnya Kerajaan Persekutuan dulu bagi Puncak Niaga dekat SYABAS untuk kroni. Saya hendak tanya Y.A.B. dulu tuduh bila dibagi konon konsesi dapat untung berbilion-bilion berjuta-juta alasannya. Alasannya kita boleh tengok tarif. Sekarang ini bila Kerajaan Negeri dah ambil alih sektor air ini kepada syarikat Pengurusan Air Selangor. Kenapa tarif tidak diturunkan apabila Kerajaan Negeri ambil alih?. Yang dikatakan berbilion berjuta untung konsesi itu ambillah sebahagian sahaja kecil kepada syarikat air Selangor yang lebih itu turunkan tarif. Saya cabar kalau boleh turunkan *wa'imah* satu (1) sen pun tarif diturunkan. Buktikan bahawa pensекторan air ini bila ambil balik air ini kepada anak syarikat Kerajaan Negeri, maka manfaat kita dapat kurangkan kos dan kita bagi tarif rendah kepada rakyat negeri. Itu fakta

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Minta mencelah.

**Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI:** Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Nanti ada masa boleh balas

**TUAN SPEAKER:** Permatang kita minta Menteri Besar jawab nanti. Permatang tak nak bangkitkan isu kawasan DUN Permatang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ada lepas ni

**TUAN SPEAKER:** Sudah cukup masa

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ini saya hendak minta Y.B. Tuan Speaker. RM800 juta ini mesti dibuat kajian. EPU mengambil 15 tahun nak pelan Langat 2. Saya tak nampak berapa lama Menteri Besar dapat masa dapat boleh bina RM800 juta LRA saya tak tahu lah RM800 juta ini sepatutnya boleh dibuat untuk membangunkan yang lain pembinaan yang lain. Boleh buat Rumah Mampu Milik kepada rakyat Negeri Selangor. Beribu-ribu dapat dan kolam renang. Nanti dulu saya tak benarkan... Yang Berhormat duduk, duduk saya tak benarkan... Tuan Speaker tolong bagi duduk

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Bagi air percuma... air percuma kepada rakyat 8 tahun

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan duduk dulu. Peraturan Tetap...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Peraturan Tetap...

**TUAN SPEAKER:** Mana satu..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kena duduk dulu ya..ha ya ha.. peraturan tetap

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Speaker sini bukan sana. Sana bekas Speaker. ....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Kena duduk...duduk kan ha.. Tuan Speaker dah perintah duduk kan hah ya 36. Ya dia tidak duduk Tuan Speaker susahnya saya

**TUAN SPEAKER :** Permatang, Permatang, duduk dulu Permatang...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Hah..36. Seorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. Sangkaan jahat di mana saya jelaskan dulu ya. Sangkaan jahat adalah bahawa ada kroni-kroni RM800 juta tidak ada kajian. Sebenarnya Kerajaan Negeri ini sangkaan jahat.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Ini berhujah Tuan Speaker. Tuan Speaker buat keputusan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Sangkaan jahat belum lagi saya jelaskan dulu di mana

**TUAN SPEAKER :** Permatang...Permatang duduk dulu...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Sangkaan jahat di mana sangkaan jahatnya bahawa ada kroni-kroni yang terlibat. Sangkaan jahatnya ada bahawa ini tak ada kajian sebenarnya ada kajian kerana sumber air itu kita tidak dapat sumber air kita bergantung pada....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan speaker, ini ulasan ini. Saya tidak benarkan. Saya bantah, ini hujah....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ada kolam di situ kita buat loji rawatan itu je tak faham...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Ini Sg. Pinang mengambil kesempatan ini....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Bila ada taklimat dia tak datang...dia tak datang dia cakap sembarang itu sangkaan jahat. Sangkaan jahat ...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker tolong buat keputusan...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Kena tarik balik sangkaan jahat tersebut. Dia tidak tahu kita guna HORAS kita gunakan kolam air. Dia tidak faham dia hanya tahu sungai itu sahaja kita pakai kolam...kolam lombong...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker tolong bagi...ini bahas ni...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya cuma terangkan di mana....

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker...

**TUAN SPEAKER:** Sg. Pinang.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tuan Speaker ini bukan penjelasan bukan lagi ini.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam tolong duduk dulu. Permatang masa tidak cukup Untuk Permatang, terus kepada jangan bangkitkan isu lagi isu yang tak ada fakta biar Menteri Besar jawab nanti.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Itu fakta Tuan Speaker. Saya hendak tanya bila kajian hendak dibuat dan sebagainya itu sahaja saya hendak tanya. Bukan masalah kroni tak kroni Ok. Saya hendak minta satu Tuan Speaker ini sikit mengenai kawasan saya ini saya hendak minta kepada Kerajaan Negeri berhubung dengan satu..saya pergilah air ini saya ingat Sekinchan dah habis dah. Nanti kalau bahas yang lain. Saya juga mengenai tanah TOL ya. TOL ini Y.B. Speaker, saya hendak minta supaya ada, saya telah bangkitkan dalam Dewan perkara ini juga berkali-kali mengenai Kampung Nelayan Baru Pasir Penambang.

Saya sudah berkali-kali memohon kepada Kerajaan Negeri pertama saya memohon diberi pemilikan kepada kawasan ini. Yang kedua kalau tidak diberi pemilikan diberi TOL. Baru-baru ini mereka dapat tawaran Tol sebahagian daripadanya ada saya terima di sini salinannya seramai 33 orang. Cuma saya hendak mohon kepada Kerajaan Negeri yang pertama (1) TOL yang diberikan pada kali ini kadarnya mendasarkan kadar semasa bukan kadar seperti mana dahulu RM80.00, RM100.00 atau RM120.00. Jadi, apabila kadar semasa saya lihat setiap orang kena membayar dengan kadar berdasarkan dengan kadar yang begitu tinggi. Yang kedua juga mereka dikenakan syarat kedua kena memberi 2 tahun deposit. Maknanya saya mengambil contoh seorang peserta ini contohlah mereka mendapat kadar bayaran setahun dia kenakan RM1,020.00 itu kadar TOL. Kemudian kena lagi 2 bulan, 2 tahun, deposit kena lagi RM4,000 lebih. Kemudian ada lagi ketiga denda 40 tahun kerana menduduki atau 30 tahun beberapa tahun yang sama menduduki. Jadi akhirnya seseorang kena membayar RM11,000. Jadi saya hendak memohon kepada YAB Menteri Besar dan Kerajaan Negeri memandangkan kawasan ini majoriti pekerjaannya nelayan bergantung pada sara nelayan dan juga mendapat bantuan RM100.00 daripada Kerajaan Persekutuan. Jadi mereka sangat susah rumah tak dapat jadi saya hendak memohon. Yang pertama (1) kalau boleh berilah kepada mereka RM11,000, RM12,000. Saya hendak memohon dengan rendah hati kepada Kerajaan Negeri pertimbangkan untuk kesemua 45 lot ini kepada diberikan pemilikan sebab mereka ini hendak duduk lama di sana. Saya yakin kalau dikecilkan kawasan itu dimasukkan rizab sungai pun perlu dikecilkan kalau untuk kediaman pun saya fikir mereka bersetuju dengan syarat mereka diberi kebenaran untuk diberi pemilikan kepada nelayan-nelayan kepada mereka majoritinya baik sekarang tak bayar sebab tempohnya sampai April. Jadi saya mereka banyaknya bimbang dan minta saya dalam Dewan ini minta saya keprihatinan Menteri Besar dan kerajaan untuk mempertimbangkan mengenai permohonan daripada kawasan Permatang ini dan akhirnya Tuan Speaker sebelum saya menutup ucapan saya ini fasal isu tanah sikit mengenai Sekinchan dulu lancang sangat dulu cakap fasal sapu tanah, 1Malaysia atau ST1M. Ke main seronok lagi belasan Barisan Nasional kita dulu dapat tanah adil pasaran harga semasa waktu itu tak kira RM1, RM2 itu dasar kerajaan dahulu...dasar kerajaan dahulu..duduk...duduk. saya tak benarkan saya nak gulungkan tak ada masa lagi. ST1M, sapu tanah sedap saja cakap tapi kita dapat tanah waktu itu berdasarkan faktanya ialah premium pada waktu itu. Tapi saya hendak beri tahu Sekinchan..

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sikit mencelah.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Janganlah mencelah dulu. Nanti lepas ini saya bagi...saya bagi. Tapi saya hendak beritahu kepada Sekinchan.

**TUAN SPEAKER:** Saya beri masa tambahan adalah untuk isu di DUN Permatang. Tetapi kalau hanya sekadar untuk cakap politik saya hendak beri ADUN lain bahas.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tuan Speaker saya hendak *lending* Saya hendak beritahu Sekinchan lebih teruk daripada itu bukan STIM lagi teruk..teruk lagi STOM..STOM lagi teruk inilah gelagak yang dibuat oleh rakan-rakan Sekinchan ini STOM ini sapu tanah orang miskin ataupun STOM di Pulau Pinang itu yang berlaku oleh Ketua Menteri dan rakan-rakan beliau. Terima kasih Tuan Speaker. Saya menjunjung kasih ucapan titah Tuanku. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Serdang Tuan Speaker...Selat Klang

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih, Tuan Speaker. *Bismillahir rahmanir rahim.* Saya mengambil bahagian dalam ucapan menjunjung kasih titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Di mana terkejut apabila Tuanku Sultan menimbulkan isu berkaitan memberi, menjual Darjah Kebesaran pihak individu yang tidak diiktiraf oleh Tuanku Sultan daripada Istana atau Kerajaan Negeri Selangor. Ini adalah satu perkara yang tidak dapat diterima dan tidak boleh kita terima sama sekali mana hak Sultan dicabul, disalahgunakan dan hak Baginda perlu dipertahankan di Dewan Yang Mulia ini. Oleh itu, saya menyokong pindaan enakmen lambang-lambang dan nama-nama bagi mencegah salah guna. Dan walau bagaimanapun saya ingin menegaskan walaupun bahawa saya menyokong kita mempertahankan hak Tuanku yang kita mempertahankan...

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang, Rang Undang-Undang belum lagi dibentangkan untuk perbahasan. jangan mendahului perkara tersebut. Nanti boleh bahas semasa Rang Undang-Undang itu dibahaskan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya sentuh sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Sentuh secara bahas sahaja dalam ucapannya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Dengan itu saya ingin mengingatkan bahawa hak asasi rakyat jelata juga perlu dilindungi. Dan keduanya saya ingin mengesakan bahawa apa yang disebutkan dalam ucapan Tuanku adalah mengelak daripada sebarang ekstrem dalam Agama Islam. Dan Islam adalah agama sejahtera yang menekankan perihal pentingnya menghayati prinsip-prinsip keadilan, Ehsan, kesederhanaan dan toleransi. Dan bagi saya perlu dijelaskan dalam Dewan Yang Mulia ini kenapa wujudkan penekanan prinsip keadilan, Ehsan, sederhana dan toleransi. Dan 4 sifat prinsip ini hanya dapat ditegakkan apabila keadilan itu diwujudkan satu suasana yang membolehkan rakyat merasa penglibatan pentadbiran negara. Dan Pakatan Rakyat telah berjaya dalam konteks ini di mana dengan meraih ekonomi Negeri Selangor dengan berbagai-bagai program. Meraih ekonomi, meraih maklumat, meraih pendekatan-pendekatan sejarah, ia boleh rakyat merasa pendekatan kerajaan eksklusif peduli. Ini satu perkara yang patut kita

sanjung dan ihsan yang saya tekankan adalah apabila kita dapat melahirkan insan yang kamil dengan pendekatan sederhana yang terbaik yang hinggalah toleransi menjadi satu asas yang penting dalam kehidupan rakyat Selangor yang mana Islam itu adalah rahmat kepada sekalian alam, *rahmatilamin* yang ditegaskan dengan satu pendekatan yang Islam yang ramah bukan yang marah. Jadi Islam yang ramah itu ialah Islam yang ramah-tamah yang mendampingi, mendekatkan, menghubungkan semua pihak di antara satu sama lain dan tidak merupakan Islam yang marah, menyusahkan dan menjadikan orang rasa terganggu dan tergugat dan oleh sebab itu kekhuatiran Tuanku Sultan dalam titah Baginda untuk memastikan dalam pentadbir Kerajaan Negeri Selangor tidak wujud fahaman radikal, ajaran sesat dan gerakan militan. Saya ingin menegaskan bahawa isu yang berkaitan dengan fahaman radikal, ajaran sesat dan gerakan militan ini wujud hanya apabila dia diwujudkan di iklim dan suasana yang mana rakyat rasa terkongkong. Agama adalah kebebasan, *la iqrafiddin*, iaitu menegaskan kebebasan dalam kepercayaan. Kepercayaan ini mewujudkan satu keyakinan bahawa dia ada peranan dalam membawa kebaikan, *alribbi wataqwa*, kebaikan dan takwa kepada Allah SWT dan kebajikan kepada sekalian masyarakat. Dengan itu, kefahaman radikal ini hanya wujud apabila mana kongkongan. Kongkongan ini akan berlaku apabila mana ada institusi-institusi yang memporak-perandakan keadilan dan kesaksamaan di dalam sebuah masyarakat sivil. Oleh sebab itu saya ingin menegaskan bahawa walaupun Kerajaan Negeri mementingkan peraturan, undang-undang, enakmen, keteraturan dan kepatuhan kepada undang-undang tetapi perlu diwujudkan suatu suasana pentadbiran yang menghidupkan suasana *civil society*. Suasana masyarakat madani kerana masyarakat madani akan berasa teruja dan ingin terlibat mengambil pengetahuan dalam peraturan-peraturan yang dijalankan dalam sebuah masyarakat. Dan dengan itu saya menyeru bahawa sebagaimana yang merupakan sebagai salah satu penekanan di dalam Kerajaan Negeri Selangor tentang membanteras ajaran sesat di mana tempat saya Hulu Kelang, Kampung Kemensah memang merupakan suatu tempat yang terkenal dari dulu hingga sekarang adanya elemen-elemen tentang ajaran sesat tetapi *engagement*, kita menyeru pihak yang berkuasa JAIS dan agensi-agensi yang berkaitan hendaklah mendekati dengan pendekatan *engagement*, mendekati mereka dengan pendekatan dakwah, mendekati mereka dengan pendekatan yang membolehkan satu dialog, satu perbincangan bukan satu pendekatan merisik, menghantar *special branch*, mendapat laporan dan membuat satu keputusan satu pihak dan perkara ini telah saya bangkitkan dalam sidang Dewan dua kali sebelum ini di mana aduan-aduan yang menyatakan mereka tidak pernah dipanggil, telah dituduh dan terus diwartakan tindakan mereka sebagai satu ajaran sesat. Jadi ini satu perkara yang ingin saya ingatkan agar suasana ini tidak menjadikan satu suasana yang lebih ekstrem tapi lebih radikal, yang menjadikan unsur-unsur yang tidak kita mahu wujud di Negeri Selangor iaitu kefahaman yang dikatakan berasal dari fahaman sesat tetapi berpindah, bertukar menjadi ajaran yang ekstrem, yang ganas, yang bertindak khianat dan curang kepada rakyat Selangor. Dan sebagai penutup kepada ucapan saya yang ringkas ini saya ingin menegaskan bahawa dalam ucapan ini terkandung intisari dan intipati dan keinginan Tuanku

menjadikan Selangor sebuah negeri yang makmur, yang maju, yang lestari bangun ekonominya, sejahtera alam sekitarnya dan dengan itu saya mengalui-alukan pendekatan untuk menjadikan manusia sebagai khalifah Allah sebagai dasar pemeliharaan alam sekitar (ayat Al-Quran) “janganlah kamu fasadkan, rosakkan dunia dan bumi yang telah dielokkan oleh Allah SWT”. Ini adalah dasar yang baik, dasar penjagaan alam sekitar yang sekiranya dapat diterjemahkan akan menjadikan Selangor negeri yang cukup baik dari segi pemeliharaan alam sekitarnya dan saya ingin menegaskan bahawa pilihan Tuanku untuk menjadikan Batu Caves sebagai bukit batu kapur sebagai warisan geologi adalah satu tindakan yang cadangan yang cukup baik dan dengan itu saya ingin mengingatkan juga sebelum ini Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan satu komitmen untuk membangunkan Bukit Tabuh dan Permatang Kuartz sebagai Warisan Nasional dan Warisan Antarabangsa (*International Heritage*) dengan izin dan saya menyeru kedua tempat ini juga diberi keutamaan dan diberi rangka kerja agar dapat dipercepatkan pelaksanaannya. Dalam masa yang sama juga pertemuan penduduk Taman Melawati dengan Menteri Besar agar satu komitmen dapat diberikan pada Bukit Taman Melawati iaitu Gerakan Save Taman Melawati Hill diadakan *engagement* agar penduduk berasa berpuas hati bahawa Kerajaan Negeri Selangor memberikan perhatian yang baik terhadap penjagaan alam sekitar yang berkaitan dengan keselamatan mereka. Sebagai penutup ingin saya tegaskan bahawa pembasmian kemiskinan adalah sebagai satu daripada walaupun tidak disebut spesifik dalam ucapan titah Tuanku tetapi menegaskan bahawa intisari dan intipati Program Pembasmian Kemiskinan hendaklah dilaksanakan. Saya faham bahawa antara pendekatan yang dilakukan Kerajaan Negeri Selangor adalah pendekatan yang berkhidmat dan berbakti dengan semua rakyat tanpa mengira kaum dan bangsa tidak merupakan *race centric approach* dengan izin. Walau bagaimanapun, saya berdepan dengan masalah beberapa aduan yang berterusan di sesuatu komuniti masyarakat India yang masih merasakan bahawa beberapa hak mereka pembelaan terhadap mereka tidak dilakukan dengan begitu baik mungkin oleh Kerajaan Negeri Selangor dan perkara ini telah dinyatakan sebagai cadangan untuk mewujudkan sebuah *Endowment Board* (Lembaga *Endowment*) masyarakat Hindu yang mana perkara ini memang saya dapati tidak dapat diputuskan oleh Sidang Dewan kerana ia melibatkan kuasa Kerajaan Persekutuan tapi saya menyeru agar kegelisahan mereka ini diberikan satu layanan, santunan yang sewajarnya oleh kerajaan, oleh EXCO, dan seboleh-bolehnya kalau mampu ada masa yang wajar oleh Dato' Menteri Besar agar satu *engagement* yang wajar yang berterusan yang boleh memutuskan kepada satu resolusi bahawa apa yang boleh dan apa yang tidak boleh dalam kuasa negeri dalam mewujudkan satu *Endowment Board* pada masyarakat Hindu di Negeri Selangor. Terima kasih saya menyokong Usul ini.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Speaker, Selat Kelang.

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Terima kasih Speaker. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Selamat Sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi ruang untuk turut serta dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Selat Kelang mengucapkan terima kasih dan menjunjung setinggi-tinggi kasih atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

Pertama, Selangor sebagai *benchmark*. Selat Klang bersyukur dan turut berbangga atas hasrat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk memastikan Negeri Selangor menjadi penanda aras kepada kemunculan rantau ini sebagai Pemimpin Peradaban Dunia Islam. Implikasinya sudah tentulah kerajaan Selangor mesti bekerja keras untuk menjadi negeri yang aman dan makmur yang terus maju dan sentiasa dipelihara Allah kerana berjaya mendapat keampunan dan keberkatan daripada Allah SWT. Ini sejarah Selangor menjadi ke arah (bahasa Arab) dengan izin seperti yang direkodkan dalam Surah Sabak ayat 15. Ini diambil daripada surah Sabak ya. Gambarannya ialah rakyat Selangor adalah Selangor yang bertuah dan dengan izin, *knowledgeable and cultured* berhati luhur, berakhlik mulia, produktif dan bersikap positif dan saling membantu, bantu-membantu ke arah kebaikan, *fastibitulkhairat*. Rakyat yang terpimpin oleh pemimpin yang sedar diri mereka dalam radar pemantauan pencipta dan bersedia dan berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing. *Insya-Allah*. Urusan rakyat dengan jabatan dan agensi kerajaan adalah yang cekap dan berkesan sesuai dengan slogan Smart Selangor yang peduli rakyat. Ini adalah sasaran urus tadbir yang baik yang dipimpin oleh yang beriman dan bertakwa. Sudah tentu semua memerlukan politik matang dan sejahtera yang mampu bertindak kerangka besar agenda pembangunan Selangor yang mampan dan terus berkembang maju. Duli Yang Maha Mulia Tuanku juga menekankan agar kekayaan tidak berlegar di kalangan orang-orang yang tertentu sahaja. Untuk mencapai target Selangor yang maju sudah tentu perancangan pembangunan dan perhatian Kerajaan Negeri jangan hanya tertumpu kepada kawasan bandar semata-mata. Harus diingat walaupun hasil cukai daripada kawasan luar bandar mungkin tak seberapa, mereka juga menyumbang kepada kesejahteraan negeri dengan cara dan aspek yang lain seperti tenaga manusia, keseimbangan kehijauan negeri dan sudah tentu dengan irungan doa mereka. Golongan di kawasan antara bandar dan luar bandar atau pinggiran bandar ini lazimnya menjadi golongan yang tersepit di antara dua dunia yang berlainan. PBT tidak mahu mengiktirafkan mereka sebagai kawasan yang perlu diberi perkhidmatan, mereka pula berebut perhatian mengenai keperluan infrastruktur dan kemudahan awam daripada Pejabat Daerah amalan biasa peruntukan pembangunan daripada Pejabat Daerah tersangat minima dan selalunya ditumpukan kepada kawasan yang jelas di luar bandar. Bukan yang samar-samar, maknanya tidak ada yang nak servis di antara kawasan pinggiran bandar ini. Malangnya bagi kawasan kampung pinggiran bandar seperti Kampung Delek dan Sungai Udang di Selat Kelang yang mempunyai taman dalam kampung maka prasarana seperti jalan dan taman permainan diservis oleh MPK dalam kampung tersebut dalam taman di dalam kampung tersebut tetapi bukan di luar taman.

Fenomena ini mencetus salah faham dan tidak puas hati bagi penduduk melihat penyelenggaraan tidak seimbang di kejiranan yang sama. Satu kampung taman dalam kampung. Taman dalam kampung, infra dijaga, di luar daripada taman tidak dijaga, tapi lalu jalan yang sama. Dalam usaha menyelesaikan masalah kepadatan penduduk di kawasan bandar, perhatian kerajaan membangunkan isu infrastruktur dan kemudahan awam akan menggalakkan penduduk pinggiran bandar yang kerja di bandar terus tinggal di dalam kampung tidak lari, tidak migrasi ke dalam bandar, tidak *influx* ke dalam kota. Maka saya menyeru kepada pihak Kerajaan Negeri yang peduli rakyat untuk membangun prasarana serta kemudahan awam yang sempurna di dalam kampung pinggiran bandar ini khususnya bagi pusat aktiviti komuniti seperti padang dan dewan orang ramai yang boleh digunakan dengan selesa dan selamat. Itu ciri-ciri Smart Selangor bukan sahaja di bandar tetapi di luar bandar. Saya memberikan satu contoh yang telah dihadapi oleh Selat Kelang. Perpindahan mangsa ribut di kawasan Delek Kiri bulan lepas menimbulkan isu ketara di mana dewan orang ramai yang uzur dan tidak mesra pelanggan menyulitkan penggunaan premis kerajaan itu apabila bencana berlaku dan memerlukan pemindahan mangsa. Kadang-kadang ada keadaan yang melibatkan OKU, orang sakit serta kanak-kanak yang sangat terkesan dengan bilik air dan tandas yang uzur dan di paras yang tinggi di mana mereka duduk di lantai nak bilik air tandas tu di atas, tak ada apa, tak ada, tidak sama *level*. Jadi saya mohon Kerajaan Negeri memperuntukkan wang yang secukupnya untuk setiap kampung menyediakan prasarana asas yang diperlukan oleh setiap kampung. Rakyat Kampung Delek sudah lama memohonkan peruntukan bagi membina semula sebuah rumah uzur yang digunakan untuk kegiatan wanita, Pasukan Bomba Sukarelawan sebelah Balai JKK Kampung Delek. *Point* kedua saya Kelestarian Pembangunan *Green Selangor*. Dulli Yang Mulia...

**TUAN SPEAKER:** Selat Klang kena *straight to the point* ya.

**Y.B. PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI:** Ok. Berkenaan aktiviti menghijaukan Selangor dan menekankan peri pentingnya mengekalkan kehijauan alam sekitar dan mengingatkan tanggungjawab sebagai Khalifah Allah menjaga bumi seperti yang disebutkan di dalam Surah Al Rom ayat 41, “*Telah nampak kerrosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia supaya Allah rasakan kepada mereka agar mereka kembali ke jalan yang benar.*” Sungai Klang masih kotor, air Sungai Klang asalnya bersih, yang mengotorkannya adalah tangan manusia. Selat Kelang mahu tahu apakah tindakan kerajaan terhadap kilang-kilang yang mengeluarkan cecair kotor dan lebih dahsyat cecair yang mengandungi kimia akhirnya mengalir ke sungai. Bukankah ini menyebabkan kehidupan dalam air mahupun unggas serta manusia yang makan hasil sungai dan laut yang tercemar dengan metal berat atau *heavy metals* yang boleh mengakibatkan kanser dan sebagainya. Selat Klang juga mahu tahu adakah kilang-kilang yang menggunakan air yang banyak yang dibekalkan oleh SYABAS menjadi punca utama pencemaran air sungai dan laut di Negeri Selangor ini.

Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat Sekalian, semua sedia maklum sungai adalah satu jenis sumber alam yang sangat berharga contoh Sungai Klang yang panjang mencecah 120 kilometer sepatutnya menjadi pembekal air kepada rakyat negeri Selangor dan ianya kalau ikut sejarah menjadi pencetus pembangunan pesat di Lembah Klang dan sepatutnya sekiranya air iaitu bersih dipelihara dengan baik dan aktiviti seperti *boat ride*, *boat taxi*, *regatta* dan Pusat Pelancongan Rekreasi Keluarga dan sebagainya yang menarik boleh dihasilkan. Jadi ini boleh memberikan manfaat kepada Kerajaan jadi saya nak tahu daripada Kerajaan bilakah agarnya program Pembersihan Sungai Klang Pembangunan Sungai Klang ini akan dimulakan?

Duli Yang Maha Mulia juga telah menegaskan baginda mahu sumber air sungai pengaliran pantai dan alam persekitaran berada dalam keadaan yang terpelihara dan mampan bagi menyokong dan pembangunan sosial ekonomi negeri. Selat Klang mengucapkan setinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri kerana bersungguh mengekalkan hutan simpan melebihi 30% dan sebahagiannya adalah di sekitar Pulau Ketam. Penguatkuasaan ke atas pencerobohan hutan mestilah serius tiada kompromi.

Duli Yang Maha Mulia juga menyentuh fenomena baru tentang perubahan suhu dan iklim dunia. Saya berpendapat Kerajaan Negeri perlu proaktif dalam memainkan peranan memula dengan bulatan pengaruh sendiri seperti lampu-lampu besar, *floods light*, lampu limpah di padang kompleks mana-mana premis sukan perlulah dipadamkan sekiranya tidak digunakan. Kalau kita lihat daripada kapal terbang di waktu malam kita akan melihat nyalaan lampu terang benderang di sana sini di Selangor terutama Lembah Klang. Kita perlu ambil pelajaran Kempen *Earth Hour* yang dimulakan Sydney, Australia pada 2007 di mana kempen mengguna pengguna lampu mungkin memadam semua lampu yang tidak kritikal untuk satu jam menyelamatkan elektrik dan juga dilihat apa yang telah berjaya dilebarkan di seluruh dunia termasuk di Malaysia ia sedikit sebanyak boleh membantu mengawalkan *global warming* ataupun *climate change*. Ketiga Pulau Ketam asset bernilai negeri satu-satunya Pulau yang aslinya di Selangor yang didiami penduduk adalah Pulau Ketam. Maksudnya Pulau yang asli bermaksud pulau tulen yang seluruh tanah di keliling air. Maka keunikan ini sepatutnya sudah lama mencuri tumpuan Kerajaan Negeri untuk membangunkannya sebagai pusat Pelancongan yang ada daya tarikan asli tersendiri. Jutaan penduduk di Lembah Klang mengalami kehidupan penuh tekanan kerana budaya *rat race* dengan izin bersekali dengan pencemaran udara dan masa terhad dengan keluarga. Masa bersama keluarga yang berkualiti menjadikan kehidupan nelayan tradisi yang sederhana dan menghirup udara nyaman dan menikmati makan laut yang segar boleh mencetuskan ukiran memori indah bersama keluarga. Poem saya ialah Kerajaan Negeri belum meneroka potensi pulau ini. Berpuluhan-puluhan sangkar ikan besar boleh menjadi tambah nilai kepada aktiviti pelancongan *homestay* dan beberapa hotel kecil pun sudah wujud kerana ada permintaan. Untuk makluman pihak Kerajaan Negeri *Malaysian Nature Society* juga

mengatakan Pulau Ketam adalah laluan penghijrahan burung merentasi benua dan boleh menarik para *bird watchers*. Saya ingin menarik perhatian Kerajaan Negeri bahawa *Malaysian Nature Society* bersama sebuah Syarikat Antarabangsa telah memulakan langkah bersama Sekolah dan JKPK Pulau Ketam dalam gotong-royong dan kempen kebersihan berterusan dan pendidikan kepentingan menjaga alam sekitar. *Malaysian Nature Society* juga mempromosikan kempen mereka menjaga Eco-System dan Habitat kehidupan darat dan air supaya tidak pupus. *Insya-Allah* pada 14 hingga 15 April pihak tentera laut di Raja Malaysia juga telah komited mengadakan aktiviti kemasyarakatan sempena Pra Sambutan Hari TLDM di Pulau Ketam. Saya faham Kerajaan Negeri cuba mewujudkan ciri-ciri *lively city* di kawasan bandar dan telah mencurahkan pelaburan besar untuk tujuan itu, saya setuju. Apa yang Selat Klang mahu utarakan ialah hakikat suasana asli di Pulau Ketam adalah jauh berbeza dan pengalaman tidak serupa. Justeru saya memohon pihak Kerajaan Negeri bersetuju memulakan projek perintis pakej pelancongan keluarga dengan kerjasama pelbagai jabatan dan agensi kerajaan terutama Standco Pelancongan dan kampung baru Tourism Selangor, UPEN, GLC dan Syarikat pengendali sampah. Baru-baru ini saya tersilap *google* Pulau Ketam. Apa yang memeranjatkan saya ialah terunjur tajuk yang berbunyi Pulau Ketam dengan izin *Potential Eco-System Nuclear In Singapore Sunday May 26 2013 Professor Teh Keng Soon, Econservanist a well known Architect in Singapore with Architect Tenggara has plan to restore Pulau Ketam to its natural nature. The Pulau Ketam project is envisaged to a public Private Social Enterprise that is open to individual and societies joining it. It has fund initial call support from Nature Societies Singapore, National Universitiy of Singapore in particular the alumni committee member of MSC Environmental Programme and the Singapore power boat Association through its charity programme.* Saya terperanjat kenapa Singapura pula *is able* fasal Pulau Ketam, rupa-rupanya Pulau Ketam ini adalah Pulau di Singapura. Jadi maka sewajarnya Kerajaan Malaysia mudah di mudahcarakan oleh Kerajaan Selangor perlu memulakan pelan jangka panjang dan ini selari dengan saranan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor kerana *this is a great asset for Kerajaan Negeri*.

*Last point* Tuan Speaker, bebas rasuah dan berintegriti rakyat Selangor yang bermaruah. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor telah mengajak kita semua mengambil pelajaran daripada sejarah khususnya keruntuhan Empayar Gergasi Rome kerana rasuah budaya rasuah dan fitnah memfitnah. Kerajaan Selangor perlu mencegah penyakit tamadun yang berpunca daripada rasuah, salah guna kuasa dan pengaruh hawa nafsu, politik malang mengoptimakan kemampuan insan punca sebagai pemutus dasar dan penjawat awam yang melaksanakan polisi bertindak secara profesional dan tidak tenggelam dalam kemelut kompleks yang boleh menggugatkan urus tadbir menjaga keselamatan umat. Saya berharap persoalan integriti bukan hanya di permukaan sahaja tetapi menjadi nilai dan darah daging kerangka kerajaan dan swasta dan pemimpin serta rakyat di Negeri Selangor. Selat Klang mencadangkan agar nilai-nilai murni ini dijadikan tajuk utama rujukan yang mesti diulang-ulang agar sebat. Selat Klang mengesyorkan tajuk yang berkenaan

dengan integriti rasuah kebertanggungjawaban dimasukkan ke dalam senarai tajuk khutbah yang boleh dipecahkan beberapa siri kepada syaranan yang bugar dan mudah difaham dan dipraktikkan. Hanya insan yang terbangun dan spiritual akalnya yang mampu mengawal diri daripada penghawa nafsu dan syarikat yang mendorong insan anggotanya ke arah kemusnahan dan kerosakan sama ada diri, keluarga, rakan dan masyarakat. Syaranan topik ini juga boleh dicadangkan kepada semua pimpinan bangsa dan agama tanpa mengira ideologi politik sebagai salah satu usaha politik sejahtera. Langkah-langkah yang mengamalkan kerangkuman ini akan menghasilkan budaya warga Selangor yang berintegriti tinggi boleh dipercayai dan layak dijadikan khalifah Allah inilah golongan insan yang akan meloncatkan negeri Selangor ke tahap yang melayak menjadi status penanda aras tamadun Insya-Allah Selat Klang menyokong Usul, terima kasih junjung kasih Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Bukit Gasing untuk mengambil bahagian dalam debat ini. Saya amat berterima kasih dan mengalu-alukan usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat Negeri Selangor dalam kesusahan untuk membantu meningkatkan kualiti kehidupan rakyat Negeri Selangor dan daripada DUN Bukit Gasing kami ingin membawa beberapa isu untuk perhatian demi untuk menambah baik lagi kualiti kehidupan kami. Dan isu pertama yang ingin saya membawa ialah isu jalan raya di Petaling Jaya dan saya jangka isu ini juga bermasalah di tempat-tempat lain di Negeri Selangor. Banyak jalan raya di Petaling Jaya ada agak teruk, jalan-jalan utama seperti Jalan Universiti, Jalan Gasing, Jalan Templer, Jalan Semangat dan selainnya telah dirosakkan kerana terdapat banyak kerja utiliti yang berlangsung dalam 2 tahun yang lepas dan akan berterusan 2 tahun lagi yang akan datang. Projek terbesar yang mengganggu jalan-jalan ini ialah Projek Jabatan Pembetungan Negara yang membuat projek paip pembetungan untuk memodenkan sistem pembetungan itu dialu-alukan hasrat projek itu dialu-alukan tetapi masalahnya lepas mereka menampal jalan raya tidak dibaiki dengan betul dan kita lihat masalah ini bukan sahaja masalah di satu dua tempat tetapi di hampir semua jalan utama Petaling Jaya yang dikorek. Saya pada hari ini ingin menyeru pertama JPP yang membuat bayaran kepada kontraktor, janganlah bayar kontraktor sehingga mereka membuat pemberian jalan raya yang sempurna tetapi banyak surat yang saya tulis kepada JPP kepada Kerajaan Persekutuan nampaknya tidak ada perubahan masih lagi *attitude* yang sama oleh kontraktor-kontraktor lantikan mereka. Jadi hari ini saya membawa kepada Dewan ini ...

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh celah sedikit? Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Okay, saya bagi peluang walaupun Permatang tadi tak bagi peluang.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih Bukit Gasing. Dalam peraturan yang baru yang saya kalau tak salah baru sahaja perkenalkan bahawa mana-mana Syarikat Utiliti yang membuat pemotongan jalan untuk tujuan utiliti tidak lagi dibenarkan untuk buat semula ini dan mesti diserah kepada JKR untuk pastikan JKR lah syarikat sebenarnya agensi yang berautoritilah untuk kembalikan semula kualiti jalan itu, bolehlah kita cadang kepada JKR.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ah, itu mungkin untuk jalan JKR Persekutuan tetapi itu bukan hakikatnya untuk jalan PBT. So jalan PBT selepas mereka buat mereka yang tampal balik tetapi malangnya kualiti yang mereka tampal balik sangat teruk dan ini diakui oleh Pengarah JPP sendiri selepas aduan dia sendiri turun Oktober tahun lepas tetapi lagi tak ada perubahan. Kalau kontraktor ini diberhentikan bayaran dia tentunya dia akan baiki kesemuanya.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Boleh sedikit sahaja tambah Bukit Gasing?

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Okay.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Saya ingat kalau melibatkan jalan negeri atau pun jalan PBT saya ingat kita mintalah PBT buat satu *rolling* bahawa semua jalan-jalan selepas diberi kebenaran di bawah JKR Negeri pula

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ah itulah nak cakapnya. Tak sabar.....Jadi pada hari ini Kerajaan Negeri mesti proaktif deposit-deposit daripada Syarikat-syarikat Utiliti ini kita mesti ada kontraktor *standby*, apabila mereka tampal dan buka balik jalan kalau tidak sempurna kontraktor kita kena terus masuk menggunakan deposit daripada Syarikat tersebut untuk menampal balik. Saya ucapkan terima kasih selepas banyak perhatian diberi kepada isu *potholes* tahun lepas dan sebelumnya sekarang saya boleh kata di DUN Bukit Gasing susah nak cari satu *potholes*. Banyaknya sudah ditampal kalau saya laporkan kepada Jabatan Kejuruteraan MBPJ cepat dia akan tampal biasanya keesokan harinya dia sudah ditampal jarang nak jumpa satu *potholes* tetapi jalan raya yang tidak rata ini cukup banyak hampir semua jalan raya ini tidak terata, dia naik turun, naik turun. Ini kita bukan membawa satu *bullock cart* kita tidak naik kuda di Petaling Jaya, kita nak bawa kereta dengan selesa dan kereta mewah tak apalah, dia ada *suspension* yang bagus kereta Proton Saga, Myvi, Kancil, motosikal merekalah yang menderita dengan jalan raya yang teruk ini, jadi tolonglah saya berharap Kerajaan Negeri memberi satu arahan kepada semua PBT, bukan sahaja MBPJ supaya melaksanakan kerja membaiki jalan raya serta-merta jika kontraktor utiliti tidak membaiki jalan dengan sempurna. Satu contoh ialah Jalan 17/1A di turap baru-baru ini dengan peruntukan MARRIS, sorry 17/1 diturap baru-baru peruntukan MARRIS selepas itu turap dengan peruntukan MARRIS dikorek oleh IWK untuk buat kerja paip

ia di tampal dengan teruk sekarang jalan ini sangat teruk dan kerja MARRIS yang kita belanjakan jalan ini membazir. Jadi pakailah deposit mereka, mereka dah letak deposit mereka tidak buat kerja dengan betul ini. Ah....

**TUAN SPEAKER:** Bukit Gasing boleh berhenti sebentar, jam telah menunjukkan pukul 1.00 maka saya tangguhkan sesi Dewan sehingga 2.30 petang.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER:** Assalamualaikum dan selamat petang. Dewan disambung semula, silakan Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISYAKARAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Seterusnya saya ingin memasuki isu kedua saya ialah berkenaan dengan penguatkuasaan. Tuan Speaker, undang-undang adalah satu perkara yang bagus jika dia bersama-sama dengan penguatkuasaan yang konsisten. Apabila kita ada undang-undang yang keras tetapi tidak ada penguatkuasaan hasilnya tidak ada. Contoh, di kawasan DUN Bukit Gasing adalah seperti perniagaan di dalam lot perumahan. Banyak banglo sudah ditukar kepada premis perniagaan tanpa kebenaran tetapi pihak penguatkuasaan masih lagi tidak kuat dan untuk menangani. Saya kira penalti dalam undang-undang sudah cukup berat jika penguatkuasaan dijalankan tapi malangnya banyak penguatkuasaan tidak dijalankan. Orang yang membuang sampah di jalan raya, di tebing, kutu sampah ini pun kita tidak lihat penguatkuasaan yang mencukupi. Iklan haram seperti rakan saya Sri Andalas pun membangkitkan semalam. Perkara ini masih berleluasa. Kita tidak perlu menambah hukuman pada pandangan saya, hukuman RM1,000 yang ada pada hari ini jarang dikenakan kepada sesiapa. Kalau kita tambah hukuman kepada RM10,000.00 pun tak guna kalau kita tidak tangkap orang-orang yang melakukan kesalahan ini. Undang-undang seperti kebersihan restoran, kebersihan kawasan awam tidak mempunyai tong sampah, perkara ini masih berleluasa di kawasan DUN Bukit Gasing di Petaling Jaya, dan saya lihat di seluruh negeri Selangor. Jadi saya harap agenda Kerajaan Negeri untuk 2016 adalah satu agenda untuk menguatkuasakan Undang-Undang ini bermulalah dengan undang-undang yang mempunyai impak ke atas penduduk-penduduk di kawasan Petaling Jaya di seluruh negeri Selangor. Mulakanlah dengan restoran, pastikan restoran bersih. Mulakan dengan kebersihan, orang yang membuang sampah, kutu sampah ni. Tangkaplah mereka. Kita perlu enforcement yang konsisten bukan sahaja enforcement yang berat.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Boleh saya celah sikit.

**TUAN SPEAKER:** Sri Andalas minta. Sila Sri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih. Saya baru dengan perkataan undang-undang yang digunakan oleh Bukit Gasing. Adakah ini undang-undang di PBT-PBT masing-masing satu enakmen kerajaan negeri atas isu-isu yang telah dibangkitkan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Saya sangat mengalu-alukan satu enakmen baru yang lebih komprehensif dan ketat tetapi sebelum enakmen sampai pun dengan undang-undang sedia ada kita boleh mulakan penguatkuasaan. Saya kagum dengan Kota Kinabalu yang dengan mengenakan had kompaun RM10.00 kepada kutu sampah, mereka telah membersihkan Bandaraya Kota Kinabalu dan satu perkara ini boleh dicontohi di sini. *It's about consistency.* Kalau setiap kali kamu *buang your cigarette buds*, if every time kamu buang kotak minuman, botol minuman kamu kena tangkap, kamu tidak buat lagi. Walaupun hukumannya tidak begitu berat tetapi kalau hukuman sangat berat RM1,000.00 RM2,000.00 tapi tak ada siapa pun yang kena tangkap, *no point.* So yang isu yang...

**Y.B TUAN LAU WENG SAN:** Minta penjelasan.

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku sila.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Boleh, tapi saya mohon sedikit masa tambahan. Ini *interactive*.

**TUAN SPEAKER:** Ya, ya, ya.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Sebenarnya kompaun maksimum yang dikenakan MBPJ terhadap pesalah-pesalah ini, kalau saya tidak silap RM2,000 setiap kali mereka membuang sampah. Dan saya mempunyai rakaman video di kawasan saya, yang merakamkan bukan sahaja individu tapi syarikat-syarikat besar yang beroperasi di kawasan itu. Dan saya bagi contoh di sini. *99Speed Mart*, buang sampah setiap hari, setiap malam setiap pagi tidak berhenti-henti satu bulan. Ada rakaman video. Saya mohon tanya adakah kita ataupun Yang Berhormat Bukit Gasing sokong tak kita kompaun dia RM2,000 sekali, dua kali sehari RM4,000 selama satu bulan RM120,000 kompaun. Setuju tak, *SpeedMart 99?*

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Saya boleh sokong cadangan Kampung Tunku. Saya sokong. Tapi apa yang saya minta ialah *consistency*. Jangan sekali setahun sahaja kompaun seperti apa yang kamu dua kata kalau setiap hari tangkap dia, dia akan berhenti tapi kalau hanya sekali setahun tak apa la. Dia cuba nasib. Jadi dalam bidang penguatkuasaan, pertama kita kena *priorities*, kita kena pilih bidang mana yang lebih penting. Saya lihat penguatkuasa lebih suka pergi kepada penjaja tepi jalan daripada orang yang membuang sampah. Kita boleh memutihkan, bagi lesen kepada peniaga-peniaga yang memang memerlukan *source-source income* dengan izin. Yang Kedua, saya mencadangkan satu pegawai khas bagi setiap kawasan. Contoh kita ambil Bandar Lama Petaling Jaya, adakanlah satu pegawai yang *in charge* untuk meronda dan memastikan undang-undang diikuti di kawasan Seksyen 17 PJ. Adakanlah seorang lagi pegawai yang bertanggungjawab, so, if you have an area officer dengan izin saya yakin area officer ini mesti menjawab jika ada undang-undang yang selalu tidak dipatuhi dan tiada tindakan diambil. Jadi

saya mohon kita mulakan dan memberi tekanan kepada perkara ini untuk agenda 2016.

Yang ketiga ialah masalah trafik. Cukup ramai rakyat Selangor, saya rasa termasuk ramai di kalangan kami yang sering terperangkap dalam *traffic jam* terutamanya pada waktu puncak pagi dan petang. Dan saya menyambut baik sangat usaha kerajaan negeri untuk mewujudkan *Public Transport Master Plan* dengan izin supaya kita boleh meningkatkan penggunaan pengangkutan awam di negeri Selangor. Tetapi di samping perkara itu membangun, masih lagi ramai yang akan menggunakan kereta dan kita perlukan satu *central command* dengan izin untuk menganalisis keadaan trafik di Lembah Klang dan mewujudkan penyelesaian kepada masalah trafik terutamanya jalan arteri menghubungkan beberapa PBT, contoh Lebuhraya Persekutuan Subang *Old Airport Road* dan sebagainya. Jalan-jalan ini merentasi beberapa PBT. Jalan ini mempunyai banyak *check point* dengan izin dengan *traffic jam*, siapakah yang mengambil tanggungjawab untuk memantau *traffic* di sini dan mencari penyelesaiannya. Saya ingin tanya EXCO mana yang bertanggungjawab dalam bidang ini dan terutamanya untuk Lebuhraya Persekutuan yang melalui tengah-tengah DUN Bukit Gasing dan melalui banyak kawasan. Rakan-rakan saya di sini, kita perlu mewujudkan inisiatif untuk mengatasi *all this check point* dengan izin.

Yang ketiga ialah *contractor management* pengurusan kontraktor bukan sahaja di PBT tapi di semua agensi-agensi Kerajaan Negeri Selangor. Ada banyak aduan, yang saya sendiri lihat, saya dapat daripada penduduk di mana kontraktor tidak membuat kerja mengikut kehendak ataupun spesifikasi keseluruhannya. Contohnya kontraktor pembersihan di semua PBT, mereka kena bersihkan longkang setiap longkang bukan sebahagian daripada longkang dua kali sebulan. Adakah semua kontraktor ini membuat kerja seperti yang disyaratkan dalam kontrak seperti kontraktor yang memasang lampu. Adakah mereka membaiki memperbaiki semula jalan raya yang dikorek dalam memasang lampu. Adakah pegawai-pegawai yang meluluskan pembayaran kepada kontraktor ini apakah proses kami untuk memastikan bahawa semua kontraktor menjalankan tugas mengikut spesifikasi kontrak dan memastikan bahawa semua perkara siap barulah *payment* dibuat pembayaran dibuat kepada kontraktor tersebut. Jadi apakah mekanisme yang akan kita lakukan untuk menambah baik proses ini. Saya lihat kerja-kerja infra PBT, kerja-kerja landskap, kerja-kerja sisa pepejal, pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam adalah satu contoh yang boleh dilihat dengan senang dengan jelas oleh rakyat bila ada kalanya longkang ada tumbuhan ada pokok yang tumbuh daripada longkang saya pernah jumpa di kawasan saya. Macam mana kalau kontraktor membersihkan dua kali sebulan boleh jadi pokok tumbuh daripada longkang di DUN Bukit Gasing memang pernah jumpa. Jadi perkara ini perlu dijawab, apakah sistem apakah Badan yang untuk memastikan pegawai ini memantau dengan betul bukan memantau mengikut laporan kontraktor tetapi memantau *on the ground* adakah kita mempunyai cukup pegawai untuk memantau dan apakah tindakan ataupun ada tak

pegawai yang pernah ditangkap kerana meluluskan bayaran bagi mereka yang tidak siap kerja yang sepatutnya dibuat.

Isu kelima, pendek sahaja ialah hospital awam untuk Petaling Jaya. Perkara ini saya bangkitkan pada dalam soalan dewan pada 19 November 2013 dijawab oleh Yang Berhormat Sementa bahawa tapak memang ada diluluskan oleh MBPJ sebanyak lima belas ekar tetapi Kementerian Kesihatan masih lagi tidak membinanya. Perkara ini ditimbulkan di Parlimen kata dalam kajian. Saya berharaplah pihak kerajaan negeri sambil mendesak Kerajaan Persekutuan dalam banyak perkara seperti Hospital Tanjung Karang seperti projek air dan sebagainya, tolonglah desak kerajaan persekutuan supaya Hospital Awam Petaling Jaya yang tapak lima belas ekar sudah disediakan menjadi satu kenyataan dan saya harap Kementerian Kesihatan ini prihatin sebab tidak ada hospital kerajaan di Petaling Jaya, yang paling dekat PPUM. Itu pun separa kerajaan harga dia tidak seperti hospital awam lain lebih mahal dan ramai penduduk Petaling Jaya tiak mampu. Lagipun kapasiti dia sudah mencecah. Dia punya *design* kapasiti untuk 600,000 *patient* setahun tetapi mengikut jawapan di Parlimen pada 2014 ada 975,000 pesakit di hospital. So *wil be your next capacity, we need a public hospital*. Cukup hospital swasta itu *no problem*, tetapi hospital awam.

Untuk perkhidmatan kaunter, saya mendapati masih lagi ada perkhidmatan kaunter di PBT, di Pihak Kerajaan Negeri yang belum lagi disediakan perkhidmatan *online*. Kita telah mendengar titah ucapan Tuanku, banyak kali juga kita dengar ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berkenaan *Smart Selangor*. Jadi asas, antara asas kepada *Smart Selangor*, biarlah semua permohonan yang boleh dibuat di kaunter juga boleh dibuat melalui perkhidmatan *online*. Saya mohon EXCO beri dalam ulasan berapa lagi perkhidmatan mengikut jabatan yang masih lagi belum boleh dibuat secara *online* dan apakah rancangannya. Tahun ini ataupun tahun hadapan ataupun dua tahun dari sekarang yang kita akan sediakan laman web supaya pemohon boleh ada *option* untuk membuat permohonan itu secara *online*.

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat minta ayat terakhir Yang Berhormat.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ok. Ok. Saya akan habiskan. Saya juga ingin membangkitkan isu tanah pajakan untuk premis keagamaan. Saya berterima kasih kerajaan negeri memberi RM1,000.00 pajakan *renewal* untuk kediaman saya harap satu skim sebegini akan diwujudkan untuk premis keagamaan di kawasan saya ada beberapa kuil dan gereja yang sudah nak habis tempoh pajakan untuk *Punjabi Education Centre*. Untuk Yang Berhormat EXCO Pendidikan sebelum ini diberi peruntukan RM50,000 daripada Kerajaan Negeri Selangor, adakah pemberian ini akan berterusan saya berterima kasih Sekolah Tamil, Sekolah Cina, Sekolah Agama mendapat bantuan daripada Kerajaan Negeri Selangor tetapi *Punjabi Education Centre* mereka pernah dapat, adakah mereka akan terus dapat tahun ini

dan tahun-tahun akan datang dan sekolah *Nation School, Catholic School, La Salle School*, Bukit Bintang Boy School dan sebagainya. Di kawasan DUN Bukit Gasing ada tujuh sekolah *nation school* juga menghadapi masalah yang sama seperti sekolah bantuan lain Sekolah Tamil, Sekolah Cina.

Isu *billboards*, kita ada banyak isu *billboard* di kawasan PJ, di kawasan Subang Jaya yang masih lagi belum mendapat TOL. Proses untuk mendapat TOL yang lambat ini merugikan kerajaan negeri, hasil tidak ada. *Billboard* naik, pengusaha *billboard* dapat sewa daripada syarikat pengiklan dia beri iklangan tetapi hasil kepada kerajaan negeri tidak ada. Kenapa proses birokrasi ini banyak sangat. Saya juga ingin membangkitkan isu *service apartment*, pangsapuri perkhidmatan di mana buat masa ini ada dua masalah. Yang pertama, ada mereka yang menjual...

**TUAN SPEAKER:** Yang Berhormat... Pendekkan.. Please pendekkan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ok. Nak habiskan, nak habiskan. Ok. Ada mereka yang menjual tanpa *housing development agreement* sebab mereka mereka menjual sebagai *property commercial* dan dengan itu ada terma-terma yang tidak, yang berat sebelah kepada pemaju. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri Selangor supaya mengkaji semula syarat-syarat semasa memberi kelulusan untuk pangsapuri perkhidmatan dan juga isu bil air, bil elektrik dan sebagainya pada kadar komersial adalah sangat berat kepada pemilik bangunan seperti ini. Jadi dengan ini isu-isu yang memang penting bagi penduduk DUN Bukit Gasing, saya harap mendapat perhatian dan maklum balas daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat.

**Y.B. IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker diberi kesempatan untuk turut bersama untuk membahaskan usul junjung kasih titah Duli Yang Amat Mulia Tuanku Sultan Selangor. Tanjung Sepat akan menyentuh tentang beberapa perkara tentang perkenan tuanku berkaitan dengan program *Smart Selangor* yang telah dinyatakan dalam ucapan sewaktu pembukaan Dewan tempohari. Bila kata tentang *Smart Selangor*, seharusnya kerajaan mempunyai rangka dasar yang juga garis panduan serta mekanisme pengukuhan pencapaian. Definisi *Smart Selangor* perlulah menjelaskan, apakah bentuk elemen yang perlu ada. Adakah ia berkaitan dengan segmen-segmen yang berkaitan pengurusan dan operasi kerajaan seperti capaian Internet itu sendiri. Ataupun berupa bentuk kecekapan pengangkutan, ataupun juga kelas tarian alam sekitar. Atau adakah ia merupakan sebuah pembangunan kawasan baharu yang komprehensif, yang menepati ciri-ciri *Smart Selangor* itu sendiri. Kerajaan Selangor telah memperuntukkan RM10 juta dalam bajet 2016 ini. Yang telah dibentang dalam

Sidang Dewan pada penghujung tahun 2015 yang lalu. Bertujuan berkaitan dengan pengangkutan awam. Pengangkutan awam yang kompetitif dan efisien. Perlulah menyeluruh, termasuk ia merangkumi kawasan-kawasan bandar, walaupun pada asalnya untuk membantu golongan miskin di bandar, ia juga wajar di lebar luaskan di kawasan luar bandar itu sendiri. Kejayaan penggunaan pengangkutan awam ini tidak hanya bergantung pada jumlah perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan tetapi ia haruslah diiringi dengan usaha mendidik supaya rakyat membudayakan penggunaan perkhidmatan pengangkutan awam itu sendiri. Kita amat khuatir, perkhidmatan yang disediakan gagal dimanfaatkan secara optimum, akibat tiada kesedaran dari rakyat ataupun golongan sasar itu sendiri.

Berkaitan dengan prestasi capaian *wifi*, Tanjung Sepat sukalah memohon agar kerajaan negeri mengambil langkah pemberian. Ia bukan sahaja sekadar mewujudkan lokasi-lokasi *wifi* yang percuma tetapi harus, seharusnya capaian di naik tarafkan dengan kelajuan yang sewajarnya. Di samping itu lokasi-lokasi perlulah tertumpu juga di kawasan luar bandar. Ini penting supaya kawasan luar bandar itu memperoleh maklumat yang pantas. Kita yakin dan percaya dengan langkah ini, pembangunan luar bandar akan bergerak seiring dengan pembangunan pengetahuan dan juga maklumat terkini. Berkenaan isu alam sekitar, Tanjung Sepat juga ingin memberi peringatan agar kerajaan juga berusaha menjaga dan mengurus alam sekitar kerana ia adalah merupakan elemen terpenting bagi mewujudkan keseimbangan ekosistem itu sendiri. Pemeliharaan alam sekitar ataupun hutan simpan khususnya memerlukan kawalan dan juga pencegahan serta penguatkuasaan. Hutan simpan yang sedia ada juga amat penting bagi menjamin kawasan tадahan air, supaya ia dapat dikekalkan. Selain daripada itu pencemaran alam sekitar, yang melibatkan penggondolan hutan, yang melibatkan penggondolan hutan simpan ataupun aktiviti-aktiviti yang tidak berdisiplin oleh manusia akan mengakibatkan banjir kilat. Sudah tentu juga akan mewujudkan runtuhan cerun. Juga pencemaran udara dan kualiti alam sekitar dan seumpamanya. Kegagalan pengawalan dan penguatkuasaan menatijahkan pencemaran kualiti air, dan juga pantai yang tidak boleh dinikmati keindahan oleh orang ramai. Malah ia juga mengundang kepada penyakit dan juga wabak kepada manusia itu sendiri. Manusia yang diamanahkan oleh Allah SWT sebagai khalifah di muka bumi ini, sewajarnya menterjemahkan tanggungjawab pemimpin bagi menunaikan fardu kifayah. Bagi mengurus dan menyelesaikan isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar. Dalam hal ini, tuanku juga mengharapkan agar Kerajaan Negeri Selangor ini mampu untuk menghijaukan Negeri Selangor, dengan aktiviti penanaman pokok-pokok bagi melestarikan alam sekitar. Dalam kesempatan ini, dalam ucapan ringkas ini, Tanjung Sepat juga ingin kesempatan, mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Selangor yang telah membantu merubah pembangunan fizikal di kawasan tanjung sepat khususnya berkaitan pembinaan semula jeti Tanjung Sepat. Menaik taraf sedikit sebanyak tentang kemudahan di Pantai Batu Laut sehingga Pantai Batu Laut dan juga Pantai Klanang yang berada dalam DUN Tanjung Sepat berjaya meraih anugerah pantai terbaik Selangor untuk tahun 2014 dan 2015 yang lalu.

(TEPUK). Untuk makluman kerajaan, kawasan DUN Tanjung Sepat juga adalah sebuah kawasan yang penduduknya yang bergantung pada sumber hasil daripada pertanian dan perikanan. Di samping melalukan aktiviti-aktiviti eko pelancongan. Oleh itu, bagi meningkatkan lagi aktiviti yang berkaitan ekonomi dan pembangunan setempat, saya memohon agar kerajaan mengambil langkah wajar untuk menjadikan DUN Tanjung Sepat, sebagai sebahagian daripada program *Smart Selangor*, seperti mana yang dicita-citakan.

Akhirnya Tanjung Sepat ingin mengutarakan, khusus kepada EXCO yang berkaitan dengan kebajikan bekas pekerja ladang. Di Tanjung Sepat terdapat dua taman, yang dinamakan Taman Gadong dan juga Taman Bukit Batu Untung, yang merupakan perumahan yang didirikan oleh pemaju telah pun lama. Tetapi sehingga sekarang, taman tersebut masih lagi belum mempunyai hak milik. Walaupun penduduk-penduduk ataupun bekas pekerja ladang telah membeli rumah. Tetapi mereka hanya membeli rumah, tapi tanah tidak dapat dibeli. Ini kerana tanah tersebut masih lagi belum ditukar syarat. Dan akibat daripada ini, Pihak Berkuasa Tempatan tidak mampu mengurus ataupun tidak boleh memberi perkhidmatan sewajarnya di kawasan tersebut. Oleh sebab itu, saya memohon kepada STANDCO yang berkaitan untuk membantu, mengambil inisiatif yang sewajarnya untuk membantu penduduk ini untuk memiliki hak milik bagi rumah-rumah ataupun kediaman mereka itu, supaya pihak PBT mampu untuk memberi bantuan dan pertolongan dalam membaik pulih infrastruktur di kawasan itu sendiri. Dengan ini Tanjung Sepat mohon menyokong. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada Rawang untuk turut serta dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Maha Sultan Selangor. Saya tidak akan ambil masa yang panjang, Cuma ada empat perkara yang ingin saya berkongsi dalam sidang Dewan ini. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Menurut laporan yang diterbitkan oleh *Akamai*, sebuah syarikat yang menyediakan *cloud services* dalam laporan suku keempat tahun 2015, dengan tajuk laporan bertajuk “*State Of The Internet Report*” yang diterbitkan pada 23 Mac 2015, 2016, tentang *internet connectivity*, dengan izin di seluruh dunia. Dalam laporan tersebut, Malaysia, telah ditunjukkan menduduki tangga ke 55 berbanding dengan semua negara dengan mencatatkan kelajuan Internet pada 42 mbps sahaja pada waktu puncak berbanding dengan negara Asia yang lain seperti Singapura yang mencatatkan 135.7 mbps, Hong Kong 105.2 mbps, South Korea 95.3 mbps, dengan izin, Macau, 83.1 mbps dan Jepun, 82.9 mbps. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa Malaysia masih jauh ketinggalan dalam aspek *internet connectivity*. Kita tidak boleh mencapai status *Smart Selangor* sekiranya kelajuan jaringan Internet jalur lebar masih berada di

tahap yang tidak memuaskan. Rawang menyambut baik langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan menyediakan 2500 lokasi hot spot dengan kos RM16 juta setahun bagi perkhidmatan percuma *wifi* demi merapatkan jurang digital dan informasi antara bandar dan desa. Namun selain di kawasan hot spot, rata-rata kawasan di Selangor termasuk di Rawang dan termasuk juga, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing tadi. Bahawa kawasan kita masih mengalami masalah kelajuan Internet jalur lebar yang amat lambat dan infrastruktur yang tidak naik tarafkan oleh syarikat TELCO berkenaan untuk kegunaan penduduk tempatan. Keadaan ini telah menyulitkan urusan harian rakyat, khasnya sektor industri seperti contoh, ada satu kawasan *Industrial Park, Rawang Intregrated Industrial*, yang ada banyak syarikat antarabangsa, tetapi telah membuat aduan kepada saya, disebabkan oleh kelajuan Internet dan *wifi* yang amat lambat ini. Dan ini juga menyulitkan individu yang banyak bergantung pada penggunaan Internet untuk urus niaga mereka. Dengan ini, Rawang ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri Selangor supaya menyediakan satu pelan induk teknologi telekomunikasi untuk negeri Selangor. Kita perlu mengambil langkah yang proaktif sebagai sebuah negeri, sebagai *catalyst* untuk melabur dalam bidang telekomunikasi ini. Mungkin saya cadangkan bahawa *Site C* yang diwujudkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor sekarang boleh mengambil sebahagian ini sebagai bidangnya untuk membuat kajian dan seterusnya membuat satu perancang yang lebih holistik untuk bidang di negeri Selangor ini. Dengan ini, pihak Kerajaan Negeri Selangor boleh merancang pembangunan dengan lebih holistik dengan mengintegrasikan keperluan Internet dan *wifi* sejajar dengan misi *Smart Selangor*. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri Selangor juga boleh mensyaratkan untuk pembangunan baru yang akan datang di Selangor ini supaya disediakan koridor utiliti sebagai *trunk* untuk kita letakkan kabel *fiber optik* ataupun, utiliti yang lain seperti paip air, gas dan sebagainya. Ini secara tidak langsung boleh mengelakkan kes yang mana jalan dikorek dan kerosakan berlaku pada utiliti yang ditanam di bawah tanah seterusnya kos pengalihan utiliti yang tinggi. Jadi ini sebenarnya satu pendekatan perancangan yang telah banyak digunakan di negara-negara maju. Jadi saya rasa sudah tiba masanya bahawa Kerajaan Negeri Selangor perlu ada pelan induk teknologi telekomunikasi sendiri dan kita wujudkan satu koridor khas, yang koridor khas untuk utiliti-utiliti ini. Ahli-ahli dewan yang dihormati sekalian, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk membangkitkan beberapa isu dalam kawasan Rawang. Keperluan kompleks sukan dan dewan untuk kegunaan awam adalah begitu tinggi sekali di Rawang, memandangkan pembangunan begitu pesat dalam beberapa tahun ini. Kita ada tanah tetapi saya difahamkan tiada peruntukan yang mencukupi ataupun tiada peruntukan langsung daripada pihak PBT iaitu MPS untuk membina sebuah dewan yang baru. Rawang ingin bertanya tentang polisi Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan isu dewan-dewan yang didirikan atas tanah kerajaan tetapi masih dipegang oleh parti-parti politik tertentu yang tidak mahu mengembalikan kuasa pengurusan dewan kepada pihak PBT ataupun pejabat tanah dan daerah. Walaupun pihak PBT telah mengadakan perbincangan untuk menyelesaikan isu ini secara baik dengan parti politik berkenaan dan telah isu kan

beberapa notis untuk kosongkan dewan, namun parti politik berkenaan masih berkeras tidak mahu menyerahkan dewan untuk kegunaan awam. Malahan apabila pihak penguatkuasaan telah gunting rantai dan tukar kunci dewan tersebut, hari keesokan, kunci dan rantai ditukar balik oleh parti berkenaan. Kumpulan ini seolah-olah mencabar dan tidak menghormati Undang-Undang Kerajaan Negeri Selangor. Oleh itu saya ingin mencadangkan sama ada Kerajaan Negeri Selangor merobohkan bangunan tersebut kerana ia bangunan haram atas tanah kerajaan dan bina semula dewan yang baru dengan segera. (TEPUK). Ataupun ada akan ambil tindakan yang lain yang lebih drastik bagi menyelesaikan isu ini yang telah berlarutan sejak tahun 2008. Ini bukan cadangan saya, tetapi saya bawa daripada pihak komuniti tempatan, sebab mereka tidak boleh tahan lagi dengan dewan yang ada di situ, tetapi tidak boleh digunakan kerana dihalangkan oleh parti-parti politik yang lain. Jadi saya harap pihak Kerajaan Negeri Selangor perlu ambil serius terhadap isu dewan-dewan awam ini yang dipegang oleh parti-parti politik yang masih tidak diselesaikan. Jadi seperti apa yang kita sedia maklum hasil cukai tanah dan premium merupakan sumber pendapatan yang utama untuk Kerajaan Negeri Selangor. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah untuk meningkatkan hasil kutipan cukai tanah. Namun satu fenomena yang saya nampak yang perlu penambahbaikan ialah dari segi penguatkuasaan untuk tanah-tanah kerajaan yang diceroboh oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Saya mengambil contoh di kawasan daerah Gombak di DUN Rawang, banyak aduan telah diadukan kepada pihak penguat kuasa Pejabat Tanah dan Daerah Gombak dan juga pihak MPS. Saya faham dengan kekangan kakitangan penguatkuasa yang tidak cukup yang mungkin dibebankan dengan tugas-tugas penguatkuasaan yang lain jadi walaupun aduan dan laporan telah dikemukakan ke Pejabat Tanah untuk tindakan terhadap kes-kes pencerobohan tanah kerajaan ini namun sudah berbulan-bulan tiada tindakan yang diambil. Malah kita nampak, bila ada aduan yang dikemukakan rumah itu terus dinaikkan atas sebidang tanah kerajaan itu. Jadi saya difahamkan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor telah mengupah ataupun mengambil kakitangan penguat kuasa yang lebih ramai. Jadi saya harap dan cadangkan bahawa supaya satu operasi bersepadu untuk mengambil tindakan terhadap pencerobohan tanah haram tanah kerajaan ini diambil. Saya mengambil satu contoh di Sungai Bakau tanah kosong dan kita katakan kepada pemohon-pemohon dan penduduk kampung jangan ceroboh sebab ini adalah tanah kerajaan dan dalam proses pembangunan, malangnya bila kita katakan begitu tiada siapa yang ikut. Dan apabila aduan dikemukakan kepada penguatkuasa tiada tindakan diambil. Ini secara tidak langsung, menggalakkan lebih ramai orang lagi untuk menceroboh tanah kerajaan. Maklumnya tanah di Selangor ini mahal, bernilai itulah sebabnya mereka mengambil kesempatan. Dan sekarang saya memang mengharapkan supaya pihak penguat kuasa boleh turun dan ambil tindakan terhadap mereka yang benakan bangunan haram di atas tanah kerajaan ini. Dan akhir sekali lagi saya menyentuh tentang tanah-tanah, tetapi kita tahu kerajaan negeri memang prihatin untuk projek-projek rumah mampu milik. Tapi saya ingin kemukakan satu cadangan ini isu berkenaan rumah mampu milik setelah kita meninggal dunia. Jadi saya baru-baru ini telah berdialog dengan NGO-NGO dan

Pertubuhan-pertubuhan Pengurusan Tanah Kubur Cina di kawasan Gombak. Dan ada satu permintaan supaya pihak Kerajaan Negeri untuk membuat Pelan Induk Tanah Perkuburan untuk Negeri Selangor, untuk mengambil kira keperluan tempatan dengan pembangunan yang pesat di daerah masing-masing. Saya harap, sebelum ini memang ada perbincangan Pelan Induk Tanah Perkuburan untuk Negeri Selangor ini, saya harap mungkin kerajaan negeri boleh ambil perhatian dan seterusnya perancang satu pelan induk untuk tanah-tanah kubur ini. Mengambil kira keperluan pelbagai bangsa dan agama supaya kita bukan sahaja menyelesaikan isu rumah untuk mereka yang hidup tetapi untuk mereka yang telah meninggal dunia, juga ada satu tanah atau rumah mampu milik untuk mereka. Itu sahaja yang saya ingin sampaikan. Sekian saya menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Terima kasih Tuan Speaker atas pemberian ucapan pada hari ini dan untuk menghilangkan *stress*, saya elok baca dua rangkap pantun walaupun masa agak *limited*, tapi untuk menghilangkan *stress* tuan-puan.

Mari melawat ke Batu Arang  
Singgah sebentar membeli Tenggiri  
Jangan suka fitnah orang  
Nanti terpalit diri sendiri

Tambah *stress*. saya tidak *stress*. Ok, ada lagi. Ada lagi. Jangan gaduh. Jangan gaduh. Jangan *stress*.

Cantik sungguh si anak dara  
Menari inang lengkok kanan dan kiri  
Perbuatan fitnah menghancur negara  
Allah murka perbuatan ini

Cukuplah! nanti ada pantun balas daripada Sekinchan, Yang Berhormat sekalian apa yang saya nyatakan dalam titah ucapan Tuanku yang lepas mengenai perkara-perkara yang tersentuh khususnya dalam umat Islam ya, kita sedia maklum bahawa negeri Selangor diperintah dengan amanah-amanah yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan ketika mula memegang takuk pemerintahan sehingga hari ini. Dalam titah ucapan juga ada menyebut tentang fitnah tersebut. Hampir setiap tahun ya, Tuanku titah larangan berpolitik di masjid. Titah ucapan Tuanku telah diletakkan di setiap masjid ya! *Frame* kuning kalau tuan-tuan selalu ke masjid lah, ya *frame* kuning ada terletak besar untuk tatapan kita, untuk kita menjadi pedoman semasa kita di masjid.

Namun hari ini Kerajaan Negeri seterang-terang telah menyalahgunakan dana kerajaan negeri telah menerbitkan akhbar Selangor Kini. Saya bawa tiga sebagai bukti nanti kata palsu dan sebagainya. dan kalau hendak baca nanti bertambah juga waktu. Ini merupakan satu pembaziran wang rakyat Selangor, malah peranan masjid dan surau sebagai institusi pendidikan dan pembangunan ummah, selain daripada tempat ibadah kepada orang Islam nyata telah disalahgunakan. Ia menjadi tempat penyebar maklumat-maklumat yang berunsur fitnah dan menyemaikan kebencian sesama manusia. Penyebaran Selangor Kini di masjid-masjid juga telah melanggar titah Sultan Selangor supaya tidak menggunakan institusi masjid sebagai tempat berpolitik dan kepartian dan medan menyebar fitnah. Ini 8 Mac 2016 ya, Majlis Penyampaian Watikah Imam di seluruh Selangor titah tuanku. Antara fitnah-fitnah yang telah disebarluaskan dalam akhbar Selangor Kini, "Tabung Haji bakal bankrap". Bila fitnah ini dinyatakan ramai pendeposit telah keluar. Ya, telah keluar daripada Tabung Haji, ha... tanggunglah sendiri siapa yang buat fitnah. Dan lain-lain lagilah

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Timbalan Speaker, mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar, Kota Anggerik mohon mencelah. Kota Anggerik minta, bagi ke tidak bagi? Kota Anggerik minta mencelah.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** *Limited. Limited.*

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi tak bagi.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Tak bagilah!

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tidak bagi. Bagi tidak bagi?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Apa tiada. Apa di masjid itu tiada *frame* kuning?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Bagilah mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik, minta sekali lagi.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sungai Air Tawar selepas ini ada 2 jam. Jangan gaduh. Ada *point*.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Ini *limited* untuk kami pembangkang ini. Isunya bukan menyebar akhbar berbaur fitnah tetapi juga berbaur politik. Sultan adalah Ketua Agama dalam negeri ini. Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa / Dato' Menteri Besar adalah selaku pembantu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar, Kampung Tunku minta.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Tidak payahlah! sebab tadi Kampung Tunku berucap pun saya tidak kacau. Tidak kacau.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar, bagi ke tak bagi?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Tidak bagi. Tidak bagi.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Sungai

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Tadi 20 minit. Boleh bercakap banyak perkara.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bercadang hendak saman Selangor Kini?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Kalau hendak saman. Samanlah!

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Bukan. Sungai Air Tawar saman Selangor Kini kerana fitnah? Boleh?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku cukup. Cukup.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Ikut Enakmen Agama Islam. Mana saman menyaman.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Berani kalau benar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Memanglah benar, pernah membaca

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar bagi ke tak bagi ini?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Janganlah ganggu. Ini hendak berucap. Ini tidak habis berucap ni.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Berani?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Ini tidak habis lagi, pantun telah bagi hendak apa lagi?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku cukup.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Berani ke tidak? Berani ke tidak?

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Tidak bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minta Kampung Tunku duduk.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Saya pun tidak kacau dia berucap tadi, banyak perkara. Sudah banyak dah 20 minit.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya tanya berani ke tidak? Berani kerana benar. Jika berani saman Selangor Kini ini di Mahkamah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku duduk. Dia tidak bagi. Duduk Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Berani.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Jangan ganggu. Duduk-duduk.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar, teruskan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Telah beberapa minit hilang. Tambah nanti Tuan Speaker. Sungai Air Tawar merayu agar Kerajaan Negeri mendengar dan merealisasikan titah Tuanku melarang politik dalam masjid ya. Hentikan sebarkan akhbar Selangor Kini di masjid-masjid, halang mereka yang politik mengikuti kuliah. Ini sedia maklumlah ya, masjid adalah tempat untuk beribadah, tempat yang mulia, tempat untuk menyatukan ummah, bukan tempat untuk memecahbelahkan ummah. Dengan penyebaran berita yang mengandungi fitnah dan birokrasi yang sahih. Allah berfirman: ini Allah. *“ Wahai orang-orang yang beriman, orang-orang iman ini kita datang kepada kamu, orang fasik membawa sesuatu berita, periksalah dengan teliti agar kamu tidak menimpakan sesuatu musibah kepada sesuatu kaum yang mengetahui. Keadaan yang menyebabkan kamu menyesal atas perbuatan ”*. Ayat Al-Hujurat.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Saya betulkan sedikit.

**TUAN SPEAKER:** Sabak mohon mencelah.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Itu bukan firman, itu maksud daripada firman.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Terima kasih Ustaz Salehen, jiran sebelah. Tuan-tuan sekalian, selain itu terima kasih EXCO yang telah

menyatakan guru KAFA telah pun ditambah elaun sebanyak mengikut tahap tahun mengajarnya, tetapi saya haraplah ia dipertimbangkan balik. Bayangkan untuk mendapatkan elaun RM200.00 itu mereka terpaksa berkhidmat selama 16 tahun untuk mencapai tambahan sebanyak RM200.00. Sekarang ini RM1300.00 ya, untuk berkhidmat mencapai 16 tahun baru mendapat elaun RM200.00 mungkin dapat dipertimbangkan. Sedia maklum bahawa RM1500.00 masih di bawah tahap kemiskinan. Kalau sini 16 atau 20 tahun baru dapat elaun RM200.00 terlalu lama untuk mereka mendapat elaun. Dan, seterusnya kita maklum RM1500.00 takat maknalah! Kita kadang-kadang dapat elaun RM11,000.00 pun tidak cukup. Yang cukup itu angkat tangan, mungkin saya sendiri boleh maklum pada Dato' Menteri Besar / Bukit Antarabangsa boleh menambah elaun tuan-tuan. Apa yang saya maklum, akan dipotong ada ya. Dan saya haraplah ya, kepada pihak kerajaan agar elaun ini dapat diganti kepada gajilah. Jika elaun untuk membuat pinjaman ia tidak boleh, bila di slip gaji insya-Allahlah, mereka boleh buat pinjaman kediaman dan sebagainya akan diluluskan oleh pihak bank. Yang Berhormat sekalian, selain daripada itu saya ingin juga menyatakan tentang penceramah bebas ya, saya dapat petikan daripada JAIS ni ya, tapi tidak perlulah saya nyatakan penceramah bebas ini dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku agar ya, memastikan mereka ini mendapat tauliah dan sedia maklum hanya beberapa buah masjid sahaja yang boleh penceramah luar kerana di bawah panduan tersebut. Dan kerana itu tuan-puan Yang Berhormat kita haraplah agar pihak Jabatan Agama Islam memantau penceramah ini walaupun ada juga pihak menyatakan hantarlah laporan ke JAIS ya, apabila kita melaporkan kepada JAIS dan sebagainya sudah tentulah nanti melibatkan individu tersebut. Kadang-kadang kita maklum, bahawa kadang-kadang yang diceramahkan ini melibatkan tentang kekeluargaan contohnya satu dalam satu taman bahawa apabila bersentuhan di antara lelaki dan perempuan ya, maka terbatal wuduknya, contohnya. Maka pastikan orang kampung atau kariah kalang kabut. Oleh itu tuan-tuan, selain daripada itu saya juga ingin nyatakan bahawa Enakmen Agama Islam ini mendapat tawaran perlulah. Baru-baru ini di perumahan Bandar Country Home, Rawang seorang bilal telah mendapat risalah agama Kristian di dalam peti surat rumahnya. Apa yang berlaku, sekadar perkongsian tuan-tuan ya, perkara 3 dalam Perlembagaan Malaysia menyatakan bahawa agama Islam sebagai persekutuan tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian, di mana-mana bahagian persekutuan. Walaupun perkara 11 menyatakan agama namun sebenarnya ia terhad dan selaras dengan urusan dan terlarang dengan penyebaran agama lain kepada agama menurut agama Islam. Saya meminta pendirian, oh dah merah dah. Itulah asyik kena kacau.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih, tengok lampu dah merah tu.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HJ ABDUL MALIK:** Ok. Dan ini adakah dikuatkuasakan oleh pihak berwajib? Adakah Enakmen ini tidak diketahui oleh agama Islam sehingga wujudnya penyebaran agama bukan Islam berlaku. Tuan-tuan sekalian, saya juga mengucapkan terima kasih di atas ke terjahan MB ke

kawasan DUN Air Tawar. Alhamdulillah ADUN Templer datang, DUN Sabak pun datang daripada ini sudah lama saya rintihkan tentang tanah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar saya minta ayat terakhir.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Ini untuk kawasan ya untuk tempat asnaf orang miskin, ini saksinya Y.B Sabaklah, ya benda ini sudah lulus dalam wasap saya pun, wasap Jebat ini telah dinyatakan saya telah pun bawa penduduk-penduduk yang asnaf orang miskin ini ke tempat tanah PKPS ya. Selama ini tanah PKPS diteroka bukan mengamalkan tiga T, ya tanam, tebang dan juga tuai tetapi tebang, tanam, tinggal akhirnya menjadilah semak samun. Alhamdulillah atas perkara ini semoga perkara ini diendose dengan sebaik mungkin supaya dijadikan Sungai Air Tawar itu tempat untuk orang-orang Islam dan juga yang lain. Dan satu lagi seperti mana yang dinyatakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar minta pendekkan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Ini yang pendek sekali bahawa sekarang ini di musim panas kawasan saya di DUN Sungai Tawar adalah kawasan pertanian semua parit kering yang naik adalah rumput rampai dan bagi pihak JPSLah, bukan bagi pihak kepada JPS, pihak kepada EXCO yang berkenaan kalau boleh sekarang ini masukkanlah air ke dalam parit di kampung-kampung. Tujuannya ya seperti mana yang saya nyatakan tadi memang gelak, gelak, gelak tetapi kalau dah semua pokok mati seperti mana lelaki memerlukan perempuan ustaz, masukkan air secara tidak langsung ya ini untuk JPS. Saya dah nyatakan di sini ya rumput yang hidup di parit-parit ini akan mati dan juga pokok-pokok akan subur kerana air tadi masuk dan diterima oleh pokok-pokok ini. Oleh itu walaupun ini macam joker tetapi perkara ini harus ditimbangkan dengan sebaik mungkin supaya penduduk-penduduk, petani-petani dan pekebun-pekebun khususnya di sawah mendapat nikmat daripada Kerajaan Negeri itu sahaja daripada saya terima kasih atas ucapan ini.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Jika.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, *Bismillahir Rohmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Batu Tiga ingin mengambil bahagian malah titah menjunjung kasih kepada titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang mana kita lihat inti parti Tuanku begitu *impulsive* dan menyeluruh banyak aspek. Batu Tiga ingin menyentuh lima perkara *insya-Allah* jika sempat Batu Tiga iaitu Batu Tiga ingin menyatakan tentang

bagaimana perisik keadilan dan pengagihan sumber negeri berlaku dengan baik dengan mengukuhkan kewangan negeri sebanyak 3.2 bilion dengan sedia ada sekarang ini. Tuan Timbalan Speaker *distibution judge* dengan izin yang telah disebut oleh Tuanku sewajarnya yang menjadi asas dalam pengagihan pendapatan dan kekayaan Negeri Selangor. Ianya menjadi ukuran sebuah pentadbiran yang menepati keperluan rakyat baik lelaki ataupun wanita dan adalah hasil daripada sesuatu sistem pentadbiran diterajui oleh kepimpinan yang bervisi yang membina pendapatan keseluruhan yang meraikan semua pihak yang berkepentingan dan mengamalkan ketulusan dan menitik beratkan sistem pengurusan mesra rakyat. Oleh itu saya yakin prinsip *distibution judge* ini akan memastikan bahawa tiada pihak yang akan diskriminasikan baik secara lisan, tulisan ataupun tindakan. Untuk ini saya ingin membawa satu pendekatan yang mungkin pihak kerajaan boleh menilai iaitu pendekatan negeri yang *smart* mestilah mengambil salah satu ciri yang penting iaitu ciri yang selalu diambil oleh negara-negara yang telah mengamalkan *smart city* ini iaitu konteks memahami dan mengambil kebaikan ICT daripada kemajuan dalam sistem pengurusan informasi yang menyaksikan keberadaan *internet of things* dan juga *big data*. Jadi apa yang saya bawa ini adalah satu pendekatan yang terkini yang dibawa oleh pihak global yang mana selain daripada *internet of things* ini ia juga satu persediaan untuk memastikan *big data* ini adalah berjalan dengan baik. Big data ini untuk makluman ahli dewan adalah satu kapasiti volum dan juga prioriti bukan sahaja berkaitan dengan data semata-mata ianya mengambil kira pengambilan isu-isu berkaitan dengan “*uploge*” gambar, video dan lain-lain yang perlu ianya satu keseimbangan kesinambungan dan ianya satu kelancaran bila mana program ini dilaksanakan. Oleh itu saya yakin saya ingin bertanya kepada kerajaan negeri apakah ada usaha di dalam pelan induk khas yang akan dibuat dalam *Smart Selangor* ini. Kerajaan Negeri mengambil inisiatif dalam membina pasukan pentadbiran dan rakyat Negeri Selangor yang mampu menggembung pengetahuan tentang *big data* dan segala yang mengiringnya. Jika tiada apakah usaha-usaha tersebut kerana kita lihat seperti mana yang Rawang dan juga Damansara sebut semalam kita tengok bahawa kedudukan Internet atau *accessibility* pada Internet ini begitu merisaukan di peringkat Malaysia apatah lagi di peringkat Selangor. Bila mana sepatutnya kalau kita tengok 2015 “*global Internet Traffic*” dengan izin telah pun memberi akses kepada 4.8 bilion secara telah pun memberi kapasiti 4.8 bilion *erabyte* bukan lagi pakai mbps. Kalau kita tengok Malaysia baru sahaja mencapai 42 mbps sedangkan di peringkat global pakai *trabigate*. Jadi kita tidak terkejar benda itu 2015 kita sekarang dah 2016 jadi pelan tindakan yang saya minta supaya Kerajaan Selangor masukkan ini supaya nanti jangan Selangor menjadi negeri yang tertinggal dalam konteks *acsesbility* dan juga bagaimana *big data* ini boleh dimuatkan selain daripada *i-club* untuk memastikan pentadbiran kerajaan negeri berjalan secara lancar. Jadi saya harap apa kaitan antara *big data* dengan *distibution judge* ini bila ada gandingan ini boleh meningkatkan tahap keberkesanan institusi seperti SUK sendiri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat-pejabat Daerah dan Pusat-pusat Rakyat DUN dan sebagainya untuk memberi maklumat dan juga mengambil maklumat akhirnya tidak ada informasi-informasi yang kita lindungkan

ataupun tidak ada informasi-informasi yang tidak tercapai kepada rakyat di Selangor ini. Jadi pendekatan *big data* dalam mengurus data dan informasi akan melonjakkan lagi perkhidmatan dan kualiti perkhidmatan mana-mana kerajaan yang menggunakan untuk kesejahteraan rakyat dengan syarat menjaga hak privasi rakyat, beretika dan menepati CAT dan tentunya budaya kerja yang diperlukan. Jadi itulah saranan saya berkaitan dengan pentingnya salah satu ciri yang perlu diambil kira semasa perancangan atau pun pelan induk Smart Selangor yang ingin dilaksanakan. Tuan Timbalan Speaker, perkara kedua yang ingin saya nyatakan adalah satu kerisauan bagi diri saya khususnya selaku wakil rakyat Batu Tiga. Itu saranan daripada Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk terus membawa rakyat Negeri Selangor keluar daripada kemiskinan. Jadi apakah sebenarnya kayu ukur sering kali saya bertanya soalan ini dalam dewan apakah sebenarnya kayu ukur dan sasaran yang kita atau kerajaan selalu atau sedang gunakan untuk memastikan kita ini telah ke arah perjalanan yang betul supaya keluarnya kemiskinan di dalam Selangor ini. Dari sebenarnya apakah ukuran pendapatan bulanan yang kita ingin lihat saya sebagaimana wakil-wakil rakyat yang lain kita kerana banyak program-program yang telah dilaksanakan di bawah Kerajaan Selangor tetapi pada saya kayu ukur sebenarnya mengeluarkan kemiskinan rakyat Malaysia ataupun khususnya Selangor ada bila mana rakyat di Selangor ini boleh berpendapatan. Boleh berpendapatan maksudnya kalau dia ada masalah berlaku dia boleh bekerja ataupun boleh berusaha ataupun bermiaga sama ada dia makan gaji dia mesti ada satu ruang untuk dia boleh berpendapatan dan akhirnya kebergantungan itu bukan sekadar pemberian semata-mata sebab itu saya menolak sebagaimana pemberian BRIM itu sendiri sebab dia tidak menambah nilai sebenarnya. Ia hanyalah satu perkara yang sebenarnya atas angin sahaja yang tidak ada impak peribadi tersebut. Jadi sekali lagi saya menyarankan kepada pihak kerajaan apakah sebenarnya ukuran pendapatan bulanan yang kita ingin lihat kepada rakyat Selangor dan apakah unjuran yang perlu kita buat daripada tahun ke tahun sehingga mungkin sasarannya 2030 *insya-Allah* kita akan keluar dari garis kemiskinan ini. Statistik yang diberi oleh pihak Kementerian sebenarnya adalah statistik yang jauh ketinggalan kerana ia mengambil kayu ukur sebanyak 420 pendapatan itu sebagai kemiskinan. Jadi saya harap ianya tidak diambil sebagai ukuran jadi untuk itu saya ingin mencadangkan di antara perkara pihak kerajaan perlu membuat satu kajian khas ataupun mungkin IDE Institut Darul Ehsan boleh membuat kajian ini untuk pertamanya untuk mengenal pasti siapakah mereka dalam kategori ini. Sebab ada ibu tunggal contohnya kategori-kategori khas mesti diwujudkan kategori ibu tunggal terutama kematian suami yang merupakan satu-satunya pencari rezeki tiba-tiba suami meninggal macam mana kita nak bantu dia atau mereka yang menghadapi isu ketidakupayaan disebabkan kesihatan, tiba-tiba kita dapati kanser dan kanser tidak boleh kerja jadi keluarganya terpaksa mencari teraba-raba untuk mendapat bantuan dan sebagainya. Jadi fenomena ini perlu dibuat satu kajian dan akhirnya ada satu unjuran khas untuk bagaimana menyelesaikan masalah kemiskinan di Selangor ini. Jadi yang ketiga saya rasa masalah yang saya nak angkat ini sebab akhir-akhir ini banyak sangat isu di Batu Tiga, saya rasa tempat lain pun ada Yang Berhormat lain

pun hadapi iaitu isu ibu tunggal. Ia merupakan satu kategori masyarakat yang perlu diberi perhatian, saya lihat banyak program-program yang telah kita buat tetapi jangan sampai masanya ada satu skim khas yang kita buat untuk ibu-ibu tunggal ini sebab saya yakin apa yang telah dijawab oleh EXCO satu usaha yang bagus untuk memberikan ibu tunggal kita satu mikro kredit untuk mereka boleh bermiaga. Tetapi sebenarnya program-program selain daripada itu kita perlu ada satu program khas seperti penempatan kerja terutama ditempatkan pekerjaan ibu-ibu tunggal ini di kawasan ataupun agensi Kerajaan Negeri sama ada PBT atau agensi kerajaan di peringkat anak syarikat dan sebagainya tetapi bukan sekadar itu pertolongan penempatan kerja ini mestilah bersekali dengan sistem sokongan penjagaan anak-anak mereka sebab ibu tunggal ini ada masalah tersendiri yang perlu diselesaikan yang perlu kita bantu kalau tidak mereka tidak boleh berpendapatan. Dan keduanya saya mencadangkan supaya kepada pihak Kerajaan Negeri supaya wujudkan transit *homes* sebab baru-baru ini ada kejadian di Batu Tiga bila ada seorang suami meninggal mereka tidak dapat dan diberi notis oleh tuan rumah untuk keluar dalam masa tiga bulan. Mana mereka nak bawa anak-anak ini jika tidak ada transit *homes* jadi mohon jika ada transit *homes* ini supaya ibu tunggal ini boleh melepaskan nafas lega sementara, beliau mencari tempat-tempat yang lebih sesuai untuk mereka duduki bersama anak-anak yang lain. Dan yang ketiganya yang paling besar sekarang ini kita lihat tentang bantuan guaman kepada wanita-wanita atau ibu tunggal terutamanya yang sebenarnya kos-kos guaman ini begitu tinggi. Saya sebut pada penggal yang lepas minimum RM2,000.00 untuk hanya failkan kes kita belum bagaimana ia nanti perlu menghadapi masalah yang bila perbicaraan dan sebagainya dilaksanakan. Yang keempatnya perlu ada satu bantuan khas kewangan yang bersekali dengan skim supaya akhirnya ibu-ibu tunggal ini dapat keluar dari kemiskinan. Kenapa saya timbulkan isu ini sebab semalam kita dapati apa yang dinyatakan oleh EXCO alhamdulillahlah 1,500 wanita telah pun dibantu. Bila saya tanya adakah ada data khas kita dapati pihak EXCO kata pun ada satu portal ibu tetapi malangnya portal itu tidak boleh beroperasi sekarang ini tidak ada data jadi seingat saya 2013. Ibu tunggal yang telah mendaftar sebanyak 21,000.00 lebih kurang jadi kalau tengok sekarang ini 2016 dan kita pusat-pusat khidmat sering menghantar borang ibu tunggal tetapi tidak ada satu program tersusun untuk menangani isu-isu ibu tunggal ini dan akhirnya saya rasa sudah sampai masanya satu pendekatan khusus.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya nak tanya penjelasan sedikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik nak tanya apa ibu tunggal.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ibu tunggal, memang Kota Anggerik suakah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila, Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya dapati jumlah ibu tunggal kian meningkat apakah cadangan Batu Tiga untuk mengurangkan jumlah ibu tunggal ini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Dia ada minat sebalik batu sebab itu bertanya Batu Tiga, saya kata sendiri soal sendiri boleh jawablah itu *insya-Allah*. Tetapi yang penting bila kita ada data, bila kita ada *real* data maknanya sebenarnya memang ibu tunggal itu memang wujud dengan kategori masalah yang tersendiri itu saya yakin dah sampai masanya pihak kerajaan mencari apakah cara penyelesaian yang terbaik dan juga bagaimana nak menambah pendapatan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Minta celahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara minta mencelahan.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Minta celahan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** sikit sahaja.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Saya cuma nak minta sedikit penjelasan mungkin EXCO boleh jawabkan. Adakah statistik di Selangor ini jumlah ibu tunggal ini yang sebenarnya adakah ibu tunggal yang ditinggalkan oleh suami kerana dot dot dot ataupun suami meninggal. Kalau yang tinggal tu sebab dot dot dot itu ada gantian tu kita kena buat sesuatu kepada bapanya tu.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Ini saya serah pada EXCO la sebab saya tak tahu data tu wujud atau tidak. Tapi itu salah satu perkara yang saya timbulkan bila kita ada data baru kita boleh buat kajian tentang pecahan bagaimana kita nak bantu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Soalan itu pun memang susah nak jawab sebab dot dot dot.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Betul. Saya pun tak faham apa itu dot dot dot itu sebenarnya. Jadi mungkin pihak EXCO faham apa maksud dot dot dot itu. Jadi yang keempat saya nak menimbulkan satu isu mungkin yang terakhir iaitu tentang skim Tabung Warisan Anak-anak Selangor. Saya baru dapat satu maklumat tentang skim ini telah pun menambah satu lagi program iaitu skim Khairat Kematian YAWAS. Tetapi malangnya surat yang diedarkan kepada ADUN-ADUN ini adalah skim ini adalah *optional* iaitu suatu pilihan maknanya selain dari skim yang kita beri itu makna setiap anak yang lahir di Selangor dapat RM100 dan dicarum sehingga umur 18 tahun dan akhirnya dia dapat caruman tersebut tetapi ada satu skim baru iaitu satu skim kematian. Jika ia telah didaftarkan tetapi tak sempat 18 tahun meninggal budak itu tetapi malangnya itu opsyenal. Jadi saya nak cadangkan apalah kiranya kerajaan Selangor boleh menjadikan satu program yang bersekali. Maknanya serentak bila kita carumkan anak itu dengan skim supaya akhirnya

mereka boleh mendapat 500 bila berumur 18 tahun itu bersekali jika berlaku kematian automatik boleh dapat skim kematian tersebut. Jadi itu saranan yang saya nak cadangkan dan akhirnya saya mohon supaya bahagian penerangan Negeri Selangor mempergiat dan memperluaskan lagi pengedaran maklumat kepada rakyat Selangor. Ramai yang tak tahu sebenarnya program-program yang dilaksanakan. Jadi saya harap *utilize* atau manfaatkan *billboard* dan memperbanyakkan taklimat di semua peringkat. Yang saya nampak sekarang ini apa yang kita boleh mainkan juga adalah kita harap PBT juga selepas mesyuarat *full board council* itu mereka menceritakan juga menyampaikan juga isu yang berkaitan dengan PBT. Penerangan kepada rakyat ini begitu penting sebab bila mereka tak tahu ada reaksi negatif ada reaksi positif. Contoh bila PBT membuat sesuatu saranan saman kepada mereka yang *parking* tidak mengikut peraturan bagus penguatkuasaan tersebut tetapi bila dibuat tanpa notis jadi masalah kepada ADUN. Jadi saya harap ambil saranan saya insya-Allah itu saja lima perkara yang saya timbulkan dengan ini saya mewakili rakyat Batu Tiga menjunjung kasih dan menyokong titah Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker kerana mengizinkan Kinrara mengambil bahagian dalam menjunjung kasih atas ucapan titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian, dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Tuanku telah memuji langkah Kerajaan Negeri Selangor untuk membekalkan perkhidmatan bas Smart Selangor. Ini adalah satu langkah yang sangat baik dan juga dapat sambutan positif dari rakyat Selangor. Memandangkan ramai ADUN yang mohon untuk lanjutkan perkhidmatan bas Smart Selangor ke DUN masing-masing, saya berharap Kerajaan Negeri dapat memberi peruntukan yang lebih banyak untuk menambah perkhidmatan bas Smart Selangor. Saya berpendapat rakyat khususnya di kawasan bandar amat memerlukan jaringan pengangkutan awam yang lebih sempurna. Percuma atau bukan percuma itu kurang penting. Sekiranya kita nak menambah lebih laluan bas Smart Selangor Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk membekalkan dua jenis bas Smart Selangor di setiap PBT. Jenis pertama, bas Smart Selangor percuma dan jenis kedua, bas Smart Selangor dengan *charge tambang* yang munasabah. Selaras dengan pembukaan stesen LRT di Puchong Kinrara ingin mencadangkan satu laluan bas Smart Selangor yang baru iaitu dari IOI Mall atau Tesco Puchong melalui Hospital Sunway ke SS15 Subang Jaya. Saya telah mengemukakan cadangan ini melalui Majlis Perbandaran Subang Jaya dan berharap Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan cadangan ini. Laluan ini adalah penting untuk mewujudkan satu jaringan pengangkutan awam yang lebih lengkap di kawasan Puchong dan Subang Jaya. Di mana kita dapat mengekalkan *connectivity* antara LRT Ampang Puchong dengan BRT Sunway dan dengan menggunakan BRT. Penumpang boleh menggunakan KTM Station di stesen Setia Jaya untuk menuju ke Klang ataupun ke Kuala Lumpur. Di samping itu

Ialuan ini dapat sambutan baik daripada ramai remaja yang belajar di Universiti seperti Monash, Sunway University, Tailor's Lakeside Campus di PJS, Metropolitan University, INTI dan lain-lain lagi di SS15. Tuan Timbalan Speaker, sebagai sebuah negeri yang paling maju Selangor seharusnya menjadi contoh kepada negeri-negeri lain. Saya menyambut baik jawapan soalan mulut saya daripada EXCO pagi ini bahawa Kerajaan Negeri mengalu-alukan pemaju melaksanakan konsep bina kemudian jual atau konsep 10/90 tetapi saya percaya tiada pemaju akan melaksanakan konsep ini sekiranya tiada syarat yang memaksa pemaju untuk melaksanakan konsep sedemikian. Menteri dari Kementerian Perumahan atau KPKT menangguhkan konsep bina kemudian beli kerana hanya mementingkan kepentingan pemaju. Kerajaan Selangor sebagai sebuah kerajaan prihatin, Selangor tidak perlu ikut langkah kerajaan pusat yang kurang yakin kepada rakyat. Kerajaan Selangor boleh masukkan syarat konsep bina kemudian beli 10/90 di dalam kebenaran merancang ataupun KM. Oleh sebab harga rumah sekarang semakin mahal perlindungan kepada pembeli rumah adalah penting. Khususnya kepada pembeli rumah mampu milik dan rumah kos sederhana kerana golongan ini ialah merupakan first timer yang tanpa pengalaman dalam segala urusan pembelian rumah. Golongan inilah yang selalu menjadi mangsa apabila projek itu tidak dapat diteruskan atas sebab-sebab yang berlainan. Oleh yang demikian saya ingin mencadangkan Selangor boleh bermula konsep bina kemudian jual dari projek rumah mampu milik dan kos sederhana kerana golongan inilah yang perlu perlindungan daripada polisi kerajaan. Dalam jawapan soalan mulut saya yang dijawab oleh YB EXCO pagi ini, jumlah projek terbengkalai di Selangor adalah 115 projek yang melibatkan 25,374 unit. Salah satu cara untuk mengelakkan projek terbengkalai seperti ini adalah melalui konsep bina kemudian jual 10/90 jadi saya berharap Kerajaan Negeri Selangor akan mempertimbangkan untuk masukkan syarat konsep bina kemudian beli di dalam syarat kebenaran merancang di setiap PBT. Tuan Timbalan Speaker, saya amat setuju dengan titah Tuanku yang menyeru Selangor perlu menjadi pendidikan sebagai sumber yang mengerakkan masyarakat yang berdaya saing. Untuk mencapai matlamat ini kita perlu ada para pengajar yang berpengalaman dan berkelayakan di Institusi Pengajian Tinggi di Selangor. MPN telah membuat satu kenyataan bahawa seramai 156 professor berusia 61 tahun ke atas di universiti awam tidak akan dilanjutkan perkhidmatan susulan kekangan kerajaan pusat UMNO. Perkara seperti ini tidak akan berlaku di negara lain tetapi telah berlaku di Malaysia. Bagi seorang profesor umur 60 tahun tidak tua. Dan usia inilah merupakan peringkat usia yang paling ideal bagi seseorang profesor menjadi produktif dalam menyumbang kapakaran kepada sektor ekonomi negara. Memandangkan profesor yang berpengalaman ini tidak dihargai oleh kerajaan pusat saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan Negeri untuk mengambil sebahagian profesor tersebut ke UNISEL. Saya yakin mereka akan dapat menyumbang untuk membantu negeri Selangor menjadi Smart Selangor dengan melahirkan tenaga kerja yang mahir berkualiti dan mempunyai daya saing yang tinggi. Dengan ini saya menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Timbalan Speaker. Seri Serdang ingin mengambil bahagian perbahasan titah junjung sempena pembukaan kali ini. Pelaburan yang besar untuk UNISEL adalah satu langkah yang bijak dalam melaksanakan bidang pendidikan tinggi di negeri ini. Dan menggalakkan rakyat Selangor untuk menghayati budaya pembelajaran sepanjang hayat. Pihak universiti boleh membuat gerak kerja yang lebih berkesan dan menepati kehendak terkini dengan menyediakan persekitaran universiti yang lebih kondusif dan lengkap malahan ini juga merupakan salah satu usaha untuk menyediakan lebih ramai modal insan Selangor yang mempunyai tahap pemikiran aras tinggi, kreatif dan analitikal di dalam menangani sesuatu cabaran yang dihadapi dan mendapat menyelesaikan segala permasalahan yang timbul. Walau bagaimanapun untuk mengetahui sama ada pendidikan di universiti adalah berbaloi kita perlu mengenal pasti dan mempertahankan misi pendidikan universiti. Persoalan misi apakah yang perlu universiti sediakan untuk mencapai kecemerlangan individu dan masyarakat. Apakah misi etika yang berkaitan dengan mendidik mahasiswa. Smart Selangor, *Smart Education*. Timbalan Speaker dan Ahli Dewan yang dikasih sekalian. Seri Serdang ingin mencadangkan tiga matlamat asas pendidikan pada abad ke 21. Tujuan pertama pendidikan dan mudah untuk akses yang lebih luas kepada pendidikan tinggi berdasarkan bakat dan kerja keras dan bukannya pendapatan dan kekayaan, peluang yang diperolehi untuk jangka pendek. Tujuan yang kedua ialah matlamat intelektual pendidikan universiti memikir yang lebih kreatif integrasi yang lebih besar daripada ilmu bukan sahaja dalam seni liberal dan sains tetapi juga antara seni liberal dan pendidikan profesional menjadi kreatif dalam jangka masa pendek. Tujuan ketiga ialah *sequence* penting untuk menjayakan integrasi pengetahuan membolehkan dan menggalakkan graduan universiti untuk menyumbang kepada masyarakat atas dasar persefahaman kreatif mereka sumbangannya itu untuk jangka pendek. Oleh itu dengan peruntukan yang besar untuk UNISEL sepatutnya dapat meningkatkan tahap keupayaan kepimpinan dan kecekapan pelajar sebagai bekalan menjadi modal insan Selangor sebagai pemimpin masyarakat, organisasi dan Kerajaan Negeri Selangor khasnya. Manfaat kepada peribadi selain itu selepas melanjutkan pelajaran ke peringkat institusi tinggi. Siswazah mempunyai peluang kerjaya yang baik dan menerima gaji yang tinggi. Mengalami kesedaran budaya yang lebih besar dan mempunyai lebih banyak pilihan dalam kehidupan, melanjutkan pendidikan yang lebih tinggi bermula dengan ijazah atau ijazah sarjana muda peringkat sarjana atau doktor falsafah, membawa kepada prospek pekerjaan yang lebih baik dan mendapat bayaran gaji yang lebih tinggi. Pendidikan yang tinggi juga boleh membawa kepada kehidupan yang lebih sihat dan lebih seimbang, dapat membuat keputusan lebih baik untuk masa hadapan mereka. Organisasi dan masyarakat bersama-sama dengan faedah-faedah ini mereka mempunyai lebih banyak pilihan kerjaya dan mungkin akan dapat untuk menukar kerjaya dengan mudah daripada mereka yang belum atau tidak dapat pendidikan yang lebih tinggi. Walaupun pelajar telah mempunyai ijazah sarjana muda mereka

patut melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana untuk manfaatkan ekonomi. Manfaat kepada ekonomi, organisasi dan masyarakat mereka yang berjaya baik akan lebih mampu untuk membelanjakan wang untuk merangsang ekonomi malah mereka juga akan lebih cenderung untuk menjadi sukarelawan dan membantu masyarakat di mana mereka tinggal. Seri Serdang ingin juga mencadangkan agar Selangor memandang serius berkenaan Tahfiz Vokasional berkemahiran diperluaskan di seluruh Selangor dan pendidikan untuk pendatang tanpa izin juga contohnya anak-anak Rohingya. Seri Serdang ingin memohon Kerajaan Negeri Selangor untuk memikirkan sekolah agama menengah Maahad Tahfiz Integrasi Sains dibangunkan di Seri Serdang di mana manifesto di daerah satu tetapi untuk makluman Dewan, Seri Serdang terlalu besar dan saya memohon agar dibincang semula supaya Seri Serdang diadakan Maahad Tahfiz Integrasi. Di mana Seri Serdang ada tanah di bawah JAIS sebanyak 8 ekar, di Bandar Kinrara 5 dan mohon persetujuan mudah-mudahan dapat permohonan ini, *insya-Allah*.

Pendidikan mula dapat membaca dan menulis tetapi pendidikan tinggi dapat mengilap potensi individu yang dapat menyediakan mereka untuk melangsungkan kehidupan dengan lebih baik. Seri Serdang ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dato' Menteri Besar yang cukup prihatin kepada masalah rakyat berkenaan banjir dan geran kekal terutama di Kg. Seri Aman dan juga Pegawai Daerah Petaling. Begitu juga dengan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya bekerjasama untuk menyelaraskan jalan-jalan daripada di bawah Pejabat Daerah dan diserahkan kepada PBT. Dengan secara langsung rakyat di bawah Kg. Seri Aman amat selesa, 90% penduduk adalah hak UMNO tetapi mereka mula kebiruan dan kehijauan. Oleh itu, Seri Serdang mengharapkan usaha ini akan dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat Selangor dan merangsang ekonomi Selangor ke arah menjadikan Selangor Negeri Idaman, Maju Sejahtera dan Berkebajikan. Dengan berpegang kepada politik matang. Seri Serdang menyokong titah Tuanku, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** *Bismillahhir Rahmannir Rahim, Assalamualaikum wbt.* Salam sejahtera, Salam 1Malaysia. Terlebih dahulu Semenyih ingin mengucapkan terima kasih diberikan keizinan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pembukaan Dewan yang mulia ini. Tuan Speaker, sebagai sebuah kerajaan yang membawa agenda pembangun Smart Selangor yang peduli, seharusnya Kerajaan Negeri memastikan setiap agenda yang dirancang dan bakal dilaksanakan memberi keutamaan kepada hal-hal yang berkaitan dengan kepentingan rakyat. Mengatasi segala kepentingan yang lain. Sebelum saya masuk lebih dalam ke topik saya ini, ingin saya kongsi sedikit statistik perolehan pendapatan Kerajaan Negeri hasil daripada kutipan premium tanah dalam tahun 2010 hingga 2015 iaitu menjangkau tahun 2010 20.26% RM465 juta, tahun 2011 39.62% RM533

juta, 2012 44.5% 869juta 2013 52% 1.12 bilion, 2014 51.23% RM1.14 bilion. Pada September 2015, 49.9% 1.1 bilion jumlah keseluruhan RM5.14 bilion.

Ahli Dewan yang saya muliakan jumlah keseluruhan kutipan premium tanah dari tahun 2010 sehingga 2015 sebanyak 5 bilion ini pada tahun 2013, 2014 kutipan premium tanah melebihi 50% daripada jumlah keseluruhan hasil negeri. Dan saya yakin tahun 2015 juga pasti melebihi 50% memandangkan sehingga September saja sudah mencapai 49.9%. Jumlah kutipan premium tanah yang semakin meningkat dari tahun ke tahun inilah yang menyebabkan rakyat di bawah rasa menderita terkesan, terbeban kerana terpaksa membayar premium tanah yang tinggi. Jika dibandingkan dengan tahun 2007, iaitu semasa tahun pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional hanya sebanyak RM330.2 juta sahaja atau hanya 25.68% dari jumlah keseluruhan hasil negeri dan isu premium tanah sangat jarang kita dengar pada ketika itu. Saya ingin mengambil satu contoh berkenaan cadangan pembinaan balai bomba di Setia Alam. Pemaju sudah menyediakan tapak bagi membina balai bomba untuk kemudahan sekiranya berlaku kebakaran atau pun kecemasan di kalangan rakyat di kawasan Setia Alam dan sekitar. Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk meluluskan peruntukan pembinaan bangunan bernilai RM3 juta sahaja. Namun amat menyedihkan apabila Kerajaan Negeri meminta pula pada Kerajaan Persekutuan untuk membayar premium tanah sebanyak RM4 juta iaitu 1 juta melebihi kos membina bangunan. Daripada itu kita boleh lihat yang Kerajaan Negeri secara rakus tidak berperikemanusiaan bagi saya mengumpulkan wang tanpa menghiraukan kepentingan dan kebajikan rakyat khususnya di kawasan Setia Alam dan sekitarnya yang memerlukan sangat-sangat balai bomba ini.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang *billboard-billboard* bebas Anwar. Mahkamah Persekutuan pada Februari 2015 telah mengekalkan sabitan salah dan hukum penjara terhadap bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh Dato' Seri Anwar Ibrahim atas kesalahan meliwat pembantu peribadi beliau. Seperti yang diketahui umum kes tersebut mengambil tempoh yang cukup lama termasuklah hampir 70 kali penangguhan yang dibenarkan oleh pihak mahkamah atas dasar serta prinsip keadilan terhadap beliau serta Mohd Saiful yang merupakan bekas pembantu peribadinya. Namun hari ini boleh pula dalam keadaan rakyat Selangor sedang berduka cita dengan peningkatan denggi, pusat perjudian, rumah urut, Kerajaan Negeri bertindak menaikkan papan tanda Bebas Anwar, tahanan politik berkawasan di negeri ini. Yang mana ia mencetuskan berbagai-bagai implikasi negatif akibat percanggahan pemahaman kepada rakyat. Apalah salahnya jika *billboard-billboard* ini ditulis mungkin memberi kesedaran kepada rakyat tentang denggi, berapa kes kematian, berapa ada kes berlaku, tulis besar-besaran, di Ampang berapa, di Pandan berapa dan sebagainya. Jadi itu saya kira tidak mengelirukan rakyat ini perlu rakyat tahu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih, Sekinchan minta ....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak tanya kenapa takut sangat dengan perkataan Anwar itu, *allergic* sangat, kenapa takut, takut sangat .....

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Sebenarnya saya takut mungkin ada agenda tertentu untuk ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih, Kota Anggerik minta mencelah. Semenyih, Kota Anggerik minta mencelah.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Tak apalah masa tak cukup.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Bagi tak bagi?

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Saya tak bagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik, Semenyih tak bagi. Duduk Kota Anggerik.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Saya nak teruskan kerana ada banyak isu-isu yang saya hendak bangkitkan. Yang seterusnya Pusat Perjudian. Tuan Speaker saya masih ingat lagi pada tahun 2008 semasa PRU Ke-12, salah satu janji Pakatan Rakyat sekiranya berjaya mentadbir Selangor akan memerangi besar-besaran rumah urut dan pusat perjudian yang ada di negeri ini. Tapi hakikatnya tidak sesekali pernah berlaku walaupun selepas dengan izinnya hari ini sudah 8 tahun Pakatan memerintah Selangor. Isu rumah urut dan pusat perjudian di negeri ini dilihat tidak ada tanda kesudahan. Jika dilihat dari perbandingan statistik jumlah rumah urut pada tahun 2008 dan 2015 terbukti segala yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri adalah dusta belaka. Kerajaan Negeri melalui PBT terus meluluskan permohonan-permohonan lesen rumah urut di Selangor. Akibatnya kita lihat hari ini papan tanda tapak kaki bersusun di merata tempat yang paling dibimbangkan ialah aktiviti haram yang dijalankan di sebalik nama pusat urut yang boleh menyumbang kepada kes peningkatan kes maksiat dan sumbang mahram di Selangor. Saya mengambil perbandingan di Majlis Perbandaran Petaling Jaya ...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih, Kota Anggerik minta laluan.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Bagi saya habiskan dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Semenyih, Balakong minta laluan.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ :**Saya hendak habiskan dulu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Balakong tak boleh. Duduk dulu, duduk Kota Anggerik.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** 114 rumah urut berlesen namun pada tahun 2015, ia bertambah sebanyak 152 buah. Menjadikan jumlah keseluruhan 266 buah rumah urut. Saya ambil pula contoh PBT di luar bandar seperti Majlis Daerah Kuala Selangor pada tahun 2008 tiada satu pun rumah urut yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri. Namun pada tahun 2015 jumlah rumah urut yang dibenarkan di MDKS sebanyak 8 buah. Kerajaan Negeri jangan kata saya mesej angka-angka ini sebab semua nombor ini saya ambil dari jawapan soalan bertulis pada sidang-sidang sebelum ini. Bagi pusat perjudian pula berdasarkan laporan yang dibuat oleh Ketua Polis Selangor pada 17 Jun 2015, pihak PDRM Selangor telah menutup 2,295 premis perjudian dengan nilai rampasan sebanyak 5.5 juta hanya dalam tempoh 8 bulan iaitu sejak Oktober sehingga Mei 2015. Daripada jumlah itu seramai 1300 satu pengendali pusat judi telah ditahan termasuk 886 orang pelanggan dalam tempoh tersebut. Hari ini dilaporkan bukan saja di kawasan bandar bahkan pusat judi haram ini turut dikesan muncul di kawasan luar bandar seperti di Kuala Selangor, Sekinchan pun ada, Tanjung Karang dan ....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan nak minta laluan, Semenyih.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya nak tanya polis dah rampas, polis dah datang berapa yang ada disahkan diluluskan oleh PBT, adakah yang dirampas itu diluluskan oleh PBT? Ha, itu kena bagi fakta, ha itu kena beritahulah, kena jawablah.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Itu EXCO kena jawablah.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Kena beritahulah kalau tidak jangan tuduh PBT meluluskan. Hah...ini sengaja memutar belitkan.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ:** Ini fakta yang .... saya tidak putar belit. Fakta ini dapat daripada soalan bertulis. Boleh *check*, tiada pemantauan secara serius daripada Kerajaan Negeri. Hal ini perlu diselesaikan dengan segera kerana ianya meresahkan rakyat terutamanya ibu bapa di kawasan berhampiran yang khuatir akan mencetuskan beberapa masalah sosial terutamanya di kalangan remaja bawah umur. Tuan Speaker, saya ingin membawa lokal isu di Semenyih yang mana tadi saya lihat sahabat saya Rawang juga Sekinchan cakaplah baik-baik nanti Kerajaan Negeri akan menilai mana yang perlu. Rawang pun tadi saya tengok dia macam keras, tegas juga dia nak *request* di kawasan dia. Saya sidang yang lepas saya bercakap baik-baik, saya dah mohon baik-baik ya, saya ingin mengungkap tentang isu insiden paip pecah iaitu isu ketiadaan air di DUN Semenyih yang begitu kritikal. Satu bulan sampai 25 tempat, ya saya dah bangkitkan pada bulan lepas tapi apa yang saya lihat diberi kelulusan pula nak buat 2 kolam tentang isu air ini. Ingatlah seluruh Negeri Selangor kemungkinan paip-paip yang ada di kawasan masing-masing, paipnya mungkin ok. Di Semenyih mungkin melebihi 25 atau 30 tahun. Setiap hari ya, setiap hari saya ada *list* nya ya, bagi di kawasan-kawasan kampung pun dah terlibat dah paip pecah. Tempat yang sama 3 4 kali pecah. Saya

ingin mengungkap titah Tuanku, justeru Beta berkenan menitahkan supaya Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengurus sumber air Selangor secara holistik ke arah kesejahteraan sejagat. Jadi Beta juga mahu sumber air, sungai dan perairan pantai dalam persekitaran berada dalam keadaan terpelihara mampan bagi menyokong pembangunan secara holistik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Semenyih Kg. Tunku minta mencelah.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Saya ingin menyentuh tentang isu ini ....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Semenyih Kg. Tunku minta mencelah.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Saya dah cakap saya nak habiskan isu-isu lokal. Dah cukup ....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Paip pecah ini tiada kaitan dengan ....

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Semenyih ini tak tahu beza ke air mentah dengan air paip. Tak tahu ....

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Apa maksud Semenyih, dia keliru, Semenyih silap.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Smart Selangor .....

(Tuan Timbalan Speaker mematikan semua mikrofon)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya minta Yang Berhormat duduk dulu, duduk sebab Semenyih tidak memberi laluan. Saya minta Semenyih pendekkan dan habiskan ayat. Sila.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Saya akan pendekkan. Saya hendak sentuh isu ini sebab bajet yang saya dengar luluskan buat kolam RM800 juta, apalah salahnya luluskanlah sedikit mungkin jumlahnya tak banyak mana pun. Mungkin pemberbaikpulihan paip ini ....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : Tuan Timbalan Speaker, Peraturan Tetap.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Peraturan Tetap, duduk dulu Semenyih, duduk.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM** : 36(7) Nama Duli Yang Maha Mulia tidak boleh diguna walaupun dia baca daripada titah ucapan Tuanku tapi kena baca dan faham dengan betul ya dengan betul. Yang titah Tuanku itu air itu air yang mentah tapi yang disebut itu oleh Yang Berhormat Semenyih adalah air terawat jadi dia memutar belitkan titah ucapan Tuanku. Itu salah guna nama Tuanku, kena tarik balik itu.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ** : Saya tak nak tarik balik, saya tak nak tarik balik. Titah ini telah jelas menunjukkan bahawa betapa prihatinnya Tuanku Sultan. Secara holistik ke arah kesejahteraan sejagat. Saya hendak beritahu di Semenyih dah tak sejahtera. Cuba bayangkan Yang Berhormat balik ini, balik air tak ada, balik rumah air tak ada. Saya serius tentang hal ini, saya dah bercakap tapi tidak ada bajet untuk meluluskan menukar paip ini.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN** : Ia benar tapi tidak ada kena mengena dengan LUAS

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ**: ya sekarang saya sedang bercakap tentang air

(celah daripada YB TENG CHANG KHIM , SEKINCHAN, KAMPUNG TUNKU)

**TUAN SPEAKER:** Saya minta YB duduk, semua duduk isunya adalah mengenai fakta yang di bawa oleh Semenyih tentang air mentah atau air terawat yang berkaitan dengan titah Tuanku. Oleh sebab itu ada bantahan fakta saya minta perkara ini tidak diulangi balik dan teruskan untuk ucapan terima kasih.

**Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD. AZIZ**: Jadi saya ingin merayu dengan selembut-lembutnya bagi pihak rakyat khususnya DUN Semenyih adakan lah bajet untuk mengganti paip-paip yang telah lama ini jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Speaker kerana memberi saya peluang dalam menyokong usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor terima kasih. *Assalamualaikum salam Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI**: Terima kasih Tuan Speaker, akhirnya dapat juga saya diberi peluang untuk berucap pada petang ini. Kota Anggerik menjunjung kasih ke atas keprihatinan Tuanku yang telah merasmikan Mesyuarat Sidang Dewan kali ini banyak perkara yang disentuh Tuanku antaranya ialah peningkatan kos sara hidup sebelum itu Tuan Speaker saya nak kongsi pengalaman saya ketika di Sarawak orang Sarawak kata " Kamik Orang Sarawak menyertai Malaya untuk membentuk Malaysia selama ini hasil Negeri kamik di bawa ke Kolumpur hanya dipulangkan 5 peratus ketika zaman Dato' Seri Najib kamik orang miskin di Sarawak kena bayar cukai GST, dan apa yang dikatakan bahawa selama ini Kerajaan Pusat hanya ambil sebanyak 5 peratus memulangkan balik 5 peratus hasil bumi dia terima tetapi pada hari ini Perdana Menteri mintak orang miskin di Sarawak untuk bayar cukai atas apa sahaja yang dibelanjakan yang saya rasakan bahawa ini sistem pencukaian sangat tidak adil di mana orang miskin terpaksa membayar cukai untuk perbelanjaan di Putrajaya. Satu lagi saya nak kongsi kan ialah pengalaman jumpa seorang nenek tua menangis teresak-esak kerana *pampers*

yang dia pakai itu kena GST YB tolong *pampers* saya kena GST adakah ini satu Kerajaan yang adil dalam mengagihkan kekayaan Negara orang miskin dikenakan cukai untuk

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Minta sikit laluan

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan minta laluan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** YB Kota Anggerik saya nampak YB cukup bersemangat bicara soal orang miskin, soal keadilan adil atau tidak saya nak tanya Mantan Menteri Besar YB Sungai Panjang dulu dia didapati bersalah satu tahun tetapi selepas beberapa bulan sekarang boleh dilepaskan untuk bersyarat di rumah adakah itu adil satu yang kedua dan saya dapat rumah istananya sudah dilucut hak kan kepada Kerajaan tetapi sekarang saya rasa rumahnya masih digunakan adakah itu keadilan?

**TUAN SPEAKER:** Ada isu yang berkaitan dengan urusan mahkamah kita *hold* teruskan yang lain

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, ini bukan mahkamah tak ada

**TUAN SPEAKER:** Sambung

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Dalam keadilan sosial contoh yang diberikan ialah dalam Islam ialah dalam konteks zakat, di mana orang-orang yang berada membayar untuk Asnaf fakir dan miskin bukan mengambil cukai kepada orang miskin untuk diberi kepada orang kaya ini prinsip asas dalam kutipan cukai tapi apa yang saya persoalkan tadi bagaimana orang-orang miskin terpaksa membayar cukai untuk menyara kehidupan orang-orang kaya yang ini menjelaskan

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Mencelah sikit,..

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Mencelah...

**TUAN SPEAKER:** Nak bagi sapa Permatang ke Kota Damansara.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Kota Damansara .

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Berbalik tadi kepada yang tak bayar cukai ini yang ramai peniaga tak bayar cukai ini apa cerita yang kaya-kaya ini tak bayar cukai, cuba jawab sikit.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya rasa prinsip dalam kewangan ialah mengambil sektor lebihan untuk diagih kepada yang bayar cukai yang lari cukai ini biasanya kroni-kroni UMNO

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Cakap baik sikit

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuduhan itu

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Sikit-sikit UMNO, sikit-sikit UMNO cakap baik sikit jangan cakap lepas-lepas

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN :** Cakap sapa yang paling banyak sekali, dia lari.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik nak bagi siapa? Nak bagi Batang Kali ke nak bagi Sekinchan boleh jawab

**Y.B. TUAN NG SUE LIM:** Saya nak yang YB

**TUAN SPEAKER:** Siapa yang nak jawab Sekinchan ke? Siapa yang banyak lari dari bayar cukai

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ini *floor* saya, ini *floor* saya

**Y.B. TUAN NG SUE LIM:** Kota Anggerik minta sikit saya tanya 2.6billion itu bayar cukai ke tidak?

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Mengikut peraturan Bank Negara tiap bawa masuk wang negara kena cukai tetapi 2.6billion ini telah masuk ke akuan peribadi yang lebih menjadi lawak antarabangsa ialah Peguam Negara sepatutnya mendakwa dia buat pendirian bahawa 2.3billion telah dipulangkan ini lawak antarabangsa semalam saya tunjuk satu video

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Yang menjadi *joke* antarabangsa orang gelak

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik, Batang Kali ingin mencelah

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** ini *floor* saya, saya nak habiskan dulu

**TUAN SPEAKER:** Duduk Batang Kali dia tidak bagi.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Prinsip asas dalam sosial ialah mengambil cukai daripada sektor yang berada kepada sektor yang kurang bukan mengambil cukai dari orang miskin,

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Mencelah..

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ini *floor* saya nak habiskan dulu...

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Tak bagi dah...

**TUAN SPEAKER:** Tak bagi...

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN :** Ada berani

**TUAN SPEAKER :** Kota Damansara duduk ...

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Berani tak berani, tak ada berani

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Ini *floor* saya, prinsip asas ini harus difahami

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah Tuan Speaker

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya juga mohon Kerajaan Negeri

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan Speaker mohon mencelah

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Bila Kerajaan Negeri mempunyai masalah

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali minta, Kota Anggerik bagi tak. Tak bagi

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya memuji Kerajaan Negeri yang membantu peniaga-peniaga kecil dalam usaha meningkatkan pendapatan ini yang diragukan oleh Saidatina Umar Ar-Razi meningkatkan pendapatan terdahulu baru diambil zakatnya bukan diambil cukai daripada orang miskin untuk membiayai ekonomi negara, Perdana Menteri berbangga di Parlimen kita dah kutip 3.7billion daripada GST hasil daripada orang miskin

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Minta mencelah

**TUAN SPEKER:** Kota Anggerik, Permatang minta mencelah. Boleh bagi, bagi tak boleh bagi, ok dia bagi silakan

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Terima kasih la sebab Ketua Menteri Pulau Pinang juga sebut Sayidina Umar Abdul Aziz sebagai contoh, kepada beliau dulu pernah waktu dia menjadi Ketua Menteri tapi pada waktu yang sama bila ambil tanah orang miskin bagi kepada satu syarikat nak buat hotel jadi apa komen YB tentang perkara itulah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Merujuk kepada ucapan titah Duli Taunku ini Dewan Negeri Selangor saya tidak berbahas tentang Negeri Pulau Pinang

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Tadi yang sebut Sarawak apa cerita

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Itulah memang kadang-kadang lidah tak bertulang.

**TUAN SPEAKER:** Ok Kota Anggerik sambung

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN:** Berpusing-pusing cakap lidah bercabang

**TUAN SPEAKER:** Nak bagi sapa ini Kota Anggerik, Batang Kali ke, sambung-sambung. Masa Kota Anggerik sangat dekat dah kuning Kota Anggerik sila sambung

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Dah lampu kuning Batang Kali minta maaf.

Tuan Speaker saya nak habiskan apa yang sepatutnya saya ialah

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Saya mencelah

**TUAN SPEAKER:** Silakan sambung Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Baru-baru ini Menteri Dalam Menteri mengumumkan bahawa nak bawa masuk 1.5 juta pekerja Bangladesh ini semua nasihat daripada Hussin Lempoyang, Hussin Lempoyang kata **wow** jual orang lagi untuk dari jual unta. Jadi saya

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tuan Speaker, mohon mencelah Tuan Speaker..

**TUAN SPEAKER:** Dah lampu kuning.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Isu Selangor ke, isu *federal* ke, isu Sarawak ker, isu mana ni? Berpusing-pusing isu Selangor tak masuk.

**TUAN SPEAKER:** Dah faham dah.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya lihatkan PBT sangat bergantung pada pekerja asing kalau kita lihat kerja-kerja pembersihan di kawasan PBT dikendalikan hampir sepenuhnya oleh pekerja asing. Saya pernah mencadangkan dalam Dewan ini supaya mempertingkatkan penggunaan teknologi dalam menguruskan bandar seperti pengaruk *sweeper*, ini boleh mengurangkan bergantung pekerja asing atau pun boleh tingkatkan pendapatan pekerja tempatan agar pengurusan bandar ini digunakan teknologi yang baik dan ditingkatkan pendapatan saya cadangkan untuk mereka yang kendali kebersihan ini kalau pekerja tempatan gaji 2000 ringgit jadi pekerja tempatan akan masuk dengan syarat penggunaan teknologi digunakan

Keduanya saya lihat pada musim panas ini ramai pekerja digunakan untuk menjirus taman-taman, kalau kita pasang *grip system* ataupuan *springkler system* memang kos asalnya tinggi kita tidak bergantung pada pekerja asing jadi tidak payahlah kita bergantung pada pekerja asing usaha-usaha dibuat agar peluang-peluang ini diberi kepada pekerja tempatan untuk mendapat pekerjaan di sini. Di SUK seumpamanya

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mcelah sedikit  
Tuan Speaker, boleh

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali sila

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mengenai dengan pekerja asing dengan kerja-kerja yang dicakapkan tadi itu, adalah kerja-kerja yang kita kata kotor tidak bersih dan sebagainya, adakah ini itu satu status yang dimaintainkan oleh kita semua atau kita nak *upgrade* benda itu, rakyat kita tak payah lagi kerja-kerja macam itu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya cadangkan supaya penggunaan teknololgi digunakan contohnya untuk menyapu jalan gunakan *road sweepper* kemudian pekerja-pekerja ini dalam pakaian uniform kemas tahap gaji tinggi barulah pekerja tempatan akan masuk dan kita tidak bergantung pada pekerja asing cadangan saya

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mcelah.

**TUAN SPEAKER:** Saya tidak benarkan celahan saya minta Kota Anggerik habiskan lampu sudah kuning

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Jadi supaya PBT tidak bergantung pekerja asing ialah di kawasan Shah Alam ini, Dato' MB sudah sebut supaya adakan Shah

Alam ini satu Kota Seni, antara seni yang kita lihat untuk di bandar ialah seni taman landskap saya dapati landskap di kawasan MBSA dia tak berapa menarik saya cadangkan supaya ada peningkatan kepada kualiti landskap di kawasan MBSA dalam keadaan Menteri Besarnya baru muda, EXCOnya pun muda baru, Datuk Bandarnya baru tetapi pengarah-pengarah lama saya cadangkan supaya pengarah-pengarah ini diberi peluang bercuti belajar pergi luar negara *refresh* supaya lebih bertenaga supaya sesuai dengan kehendak Menteri Besar.

Jadi mungkin lama sangat bekerja mungkin 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun bagi peluang kepada mereka pendedahan di peringkat antarabangsa supaya dia dapat berjalan seiring dengan Menteri Besar. Jadi sebab YDP baru Datuk Bandar baru tetapi enjinnya enjin lama jadi tak dapat bergerak seiring dengan kehendak Kerajaan

**TUAN SPEAKER:** YB /ast

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** *Last line*, Kota Anggerik ini kalau tengok keindahan yang paling indah Kota Anggerik la. Di sinilah ada SUK, kat sini lah ada Istana, kat sinilah rumah Menteri Besar Rumah Rasmi, Rumah rasmi Timbalan Speaker, jadi kalau boleh kemudahan di kawasan Shah Alam ini kena tingkatkan dan kawasan Shah Alam berkembang begitu pesat sekali sampai ke Setia Alam, sampai ke Alam Budiman, dahlah bajet peruntukan sama sahaja saya cadangkan supaya sebuah pasar moden baru dibina di Setia Alam sebab ini kawasan baru yang mana keperluannya sangat tinggi saya minta pada MBSA untuk tahun hadapan satu bajet khas disediakan untuk sebuah pasar moden baru.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mencelah, mencelah

**TUAN SPEAKER:** Saya tidak izinkan mencalah dah terlalu panjang

**Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Sikit jer *distribution justice* ke atas keadilan sosial. Boleh? Terima kasih

**TUAN SPEAKER:** Pendek saja.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya nak cadangkan disebabkan Anggerik itu semua dah ada tak payah lagi diminta peruntukan untuk keadilan sosial bagi la kepada kami yang tak ada lagi ini, itu saja.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Sesuai Ibu Negara, Ibu Negeri Selangor, Ibu Negeri Selangor Ibu Kota jadi Shah Alam kenalah yang terbaik terima kasih Dato' Menteri Besar kerana luluskan kubah. Kubah Masjid Negeri yang sangat bersesuaian dan sangat keperluan tinggi dan telah pun saya *highlight* dalam Dewan ini supaya dibangun dibina semula dibaiki terima kasih banyak kepada Menteri Besar

kerana meluluskan permohonan Kubah Masjid Negeri yang saya rasa sudah sampai masanya untuk diperbaiki.

**TUAN SPEAKER:** Minta untuk kali terakhir

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya amat menyambut baik Titah Ucapan Duli Yang Maha Sultan Selangor yang mahu negeri Selangor menjadi salah sebuah *State, Smart State* yang terkemuka di dunia. Saya ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini mengenai perkembangan Perbadanan Perpustakaan awam Selangor PPAS yang mempunyai

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu minta duduk sekejap untuk memberi laluan kepada pihak Kerajaan. Kerajaan memberikan usul. Silakan Dato' Menteri Besar.

**YAB DATO' MENTERI BESAR:** Ahli-ahli yang berhormat sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih lagi panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung, ok. Tuan speaker dan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut bahawa sehnya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 5 petang.

**YB DATO' TUAN THENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ahli yang berhormat sekalian usul telah disokong saya buka untuk minta persetujuan. Ahli yang berhormat yang sila kata ya

**AHLI-AHLI DEWAN:** Ya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang tiak sila kata tidak. Usul dipersetujui. Saya persilakan yang berhormat Kuala Kubu Baru.

**YB PUAN LEE KEE HIONG:** Terima kasih, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai perkembangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor PPAS yang mempunyai 96 buah perpustakaan di seluruh Negeri Selangor. Perpustakaan Negeri iaitu Perpustakaan Raja Tun Uda dan ibu pejabat PPAS yang bertempat di Seksyen 13 Shah Alam adalah hadiah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor kepada rakyat Selangor sempena pengisytiharan Selangor Negeri Maju 2005. Tuan Timbalan Speaker, PPAS telah melalui proses penjenamaan semula sejak tahun 2009 bermula dengan Perpustakaan Tun Raja Uda sehingga

tahun 2015 sebanyak 21 perpustakaan berkonsep penjenamaan semula telah dibangunkan dan di naik taraf. Proses penjenamaan semula PPAS yang dilancarkan telah membawa hasilnya dari segi peningkatan jumlah pengunjung keahlian, pinjaman buku dan peserta program dan aktiviti perpustakaan yang dijalankan jumlah pengunjung Perpustakaan Raja Tun Uda pada tahun 2014 dan 2015 ialah 1.51 juta orang Perpustakaan Raja Tun Uda sedang membina *Kompleks Parking* bertingkat yang akan menyediakan 600 lot *parking* bagi menampung jumlah pengunjung yang begitu ramai. Pembinaan tersebut akan mengambil masa selama 2 tahun untuk siap dan proses pembinaan ini menjelaskan ruang *parking* yang sedia ada dan turut memberi kesan terhadap jumlah pengunjung dan penggunaan perpustakaan. Tuan Timbalan Speaker perpustakaan ini terletak di lokasi yang sukar di akses melalui sistem pengangkutan awam oleh itu saya memohon supaya bas percuma *Smart Selangor* mengkaji semula laluannya di Bandar Raya Shah Alam supaya laluannya termasuk bersinggah di perpustakaan tersebut dengan adanya perkhidmatan bas percuma ini maka orang ramai tidak akan menghadapi kesulitan pengangkutan untuk mendapat manfaat daripada perpustakaan. Langkah ini sekali gus dapat memastikan juga jumlah pengunjung perpustakaan sentiasa meningkat dari masa ke semasa kita tidak menafikan peranan perpustakaan dan kebergantungan masyarakat terhadap koleksi di perpustakaan telah berubah. Kita telah berubah daripada era di mana maklumat di dapatkan amat kurang tapi bernilai hingga pada masa kini di mana maklumat amat luas dan mudah diperoleh dan diberi secara percuma ramai di antara kita yang menggunakan *google* untuk mencari maklumat pada hari ini walau bagaimanapun sejarah telah menunjukkan perpustakaan masih memainkan peranan yang penting dalam masyarakat. Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor pernah mengajak rakyat memperkasakan fungsi perpustakaan dan beberapa kali sudi mencemar duli menyerahkan buku dan komputer yang disumbangkan oleh badan berkanun dan korporat. Tuan Timbalan Speaker, negara yang mempunyai perpustakaan yang cemerlang adalah negara yang maju. Perpustakaan Raja Tun Uda adalah perpustakaan awam yang terbaik di Malaysia, kalau bukan yang terbaik dia juga adalah kedua terbaik. Ini bukan sahaja tempat dia bukan sahaja tempat menyimpan koleksi buku rujukan digital, risalah, laporan, akta kerajaan dan sebagainya tetapi mempunyai komputer, Teater XD, Teater Mini 3D dan pelbagai kemudahan yang menarik disediakan di bahagian kanak-kanak dengan ini saya menyeru yang berhormat–yang berhormat di Dewan yang mulia ini yang mempunyai kemampuan boleh menderma buku dan wang kepada perpustakaan tersebut bagi menjadikan ia mercu tanda dan gedung ilmu dan terkenal kerana mempunyai buku untuk semua lapisan masyarakat selain daripada itu, Perpustakaan Tun Raja Uda sebagai perpustakaan negeri PPAS mempunyai 95 buah perpustakaan yang mendekati tempat tinggal rakyat Selangor perpustakaan komuniti juga makin di gemari ramai dengan ini saya memohon Kerajaan Negeri mengkaji semua dasar supaya membenarkan syarikat swasta memajukan tapak tanah perpustakaan yang di serahkan oleh pemaju dan kemudiannya menyerahkan sebahagian bangunannya yang telah siap itu kepada PPAS sebagai perpustakaan komuniti. Dasar sedemikian diperlukan memandangkan PPAS menghadapi

kekangan kewangan untuk membina perpustakaan di tanah kosong. Contoh yang paling jelas ialah sekeping tanah perpustakaan di Bandar Mahkota Cheras, Kajang telah dibiar begitu sahaja selama 10 tahun. Dengan ada sokongan penuh daripada Kerajaan Negeri maka saya yakin PPAS akan bergerak seiring dengan gagasan Kerajaan Negeri Selangor menuju ke *Smart State*. Sekian ucapan saya menjunjung kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong

**YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih Timbalan Speaker memberikan keizinan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan titah ucapan Duli Yang Mulia Sultan Selangor. *Bismilahir rahmanir rahim, Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam satu Malaysia. Duli Yang Mulia, Duli Yang Maha Mulia Selangor dalam titah ucapan semasa Istiadat Pembukaan Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor yang ke 13 telah menegaskan di antara lain ialah supaya sumber air sungai perairan pantai alam persekitaran berada dalam keadaan yang terpelihara dan mampan bagi menyokong pembangunan sosial negeri yang sentiasa berdaya maju selain itu juga Duli Yang Maha Mulia Sultan mahu konsep "bahasa arab" di muka bumi ini kita terjemahkan dalam dasar pemuliharaan alam dengan penjagaan eco-sistem baik dari segi flora fauna anugerah tuhan kepada manusia. Penegasan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mempunyai asas yang menunjukkan Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengambil berat begitu mengambil berat dan memberi penekanan terhadap isu-isu berkaitan dengan alam sekitar. Soalannya, sejauh mana Kerajaan Negeri Selangor mengambil perhatian tentang memastikan bahawa masalah-masalah dalam mengatasi penjagaan alam sekitar kawalan alam semesta ini diberikan perhatian yang begitu berat kerana ada beberapa isu yang kita lihat dalam sepanjang tahun 2016 ini juga melihatkan bahawa masalah pencemaran ini menunjukkan satu perkara yang begitu serius di Negeri Selangor. Sungai Burong ingin mengambil contoh misalnya pada 27 Februari 2016 seramai 40 nelayan darat yang berpangkalan di Kampung Sungai Darah di Bestari Jaya di sini menggesa Kerajaan Negeri supaya masalah pencemaran ammonia di Selangor yang telah menyebabkan mereka rugi hampir 100 ribu akibat ikan yang menjadi sumber pendapatan mereka mati. Malah nelayan terbabit terpaksa melepaskan sebanyak 70 ribu sendiri beli Benih Baung, Patin, Keli dan dalam Sungai Selangor bagi mengelakkan hasil pembiakan ikan-ikan berkenaan terjejas selain daripada perlaksanaan hasil pendapatan mereka. Pada 18 Februari 2006 Syarikat Bekalan Air Selangor Sendirian Berhad ( SYABAS) mengeluarkan kenyataan media mengenai penutupan sementara loji rawatan air Tampoi yang membekalkan air terawat kawasan Kuala Langat dan Sepang terpaksa tutup sementara pencemaran di Sungai Langat. Akibat penutupan ini telah mengakibatkan rakyat di 168 kawasan di Kuala Langat terjejas antarnya adalah Kampung Olak Lempit, Selangor Dredging, Taman Changgang, Jaya, Taman Arkid, Taman Sri Dagang, RTB Bukit Changgang, Bandar Mahkota, Taman Murnimas, Kompleks Perabot Olak Lempit, Kampung Bukit Changgang dan Kampung Labuan Dagang

yang melibatkan Kampung Asli Bangkung. Pada 12 Mac 2016 Yang Amat Berhormat Besar Menteri Besar telah melancarkan operasi pemutihan bagi membanteras kawasan wujudnya 24 jeti haram di Sungai Besar, Sepang sebelum hujung tahun ini sebagai punca utama pencemaran sepanjang 25 kilometer ini. Dilihat daripada contoh-contoh kes ini yang berhormat Tuan Timbalan Speaker isu pencemaran sungai bukan satu perkara yang baru dan ia masih berlarutan sehingga sekian lama. Namun masalah ini terus berlaku dan kita mahu melihat supaya Kerajaan Negeri mengambil tindakan tegas bagi mengatasi perkara-perkara tersebut terpaksa termasuklah mencari punca sebenar pencemaran itu bermula. Yang kedua Tuan Timbalan Speaker saya ingin mengambil perhatian masalah dengan polemik isu federalisma yang telah dibangkitkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Yang telah membangkitkan isu ini dengan menuntut hak untuk mendapatkan sumbangan yang lebih kepada Kerajaan Negeri yang membangkitkan konsep federalisma tersebut ini pada 14 Mac yang lalu dan isu ini juga telah dipolemikkan termasuklah dalam penglibatan Selangor Kini yang di adakan pada seluruh rakyat Negeri Selangor yang memberi gambaran seolah-olah kerajaan persekutuan kurang memberi perhatian kepada Kerajaan Negeri Selangor. Yang Berhormat Menteri Besar juga telah di sifatnya sebagai *Distributive Justice* atau panggilan pendaftar negara adil dan semasa saksama termasuklah pengagihan hasil cukai korporat dan individu yang bukan sebahagian daripada hasil pendapatan asas yang digunakan adalah kerana Negeri Selangor mengembangkan lebih daripada 30% KDNK pada Negeri Persekutuan. Saya Sungai Burong mendapat bahawa federalisma ini fahaman federalisma ini perlu difahami dengan jelas dan tidak seharusnya menjadi satu polemik begitu besar sekali ini kerana sudah sekian lama Kerajaan Barisan Nasional telah memberi perhatian yang begitu berat kepada Negeri Selangor malah dari segi peruntukan walaupun dari segi peruntukan tidak seharusnya dilihat dalam bentuk hasil cukai yang dikembalikan dalam bentuk kutipan cukai tetapi diterjemahkan dalam berbagai-bagai projek pembangunan yang telah dinikmati oleh Negeri Selangor ini. Saya ingin mengambil contoh dalam banyak projek-projek pembangunan yang hari ini telah memberi kemakmuran Negeri Selangor yang akhirnya dapat dinikmati oleh Kerajaan Pakatan Rakyat sendiri dalam memudahkan ia menguruskan membawa Negeri Selangor kepada fasa yang seterusnya yang telah negeri ini kepada negeri yang lebih maju. Inilah harapan kita saya ingin juga ingin mengingatkan kepada dewan ini bahawa sumbangan besar Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Selangor itu tidak dapat dinafikan. Saya ingin memberi beberapa contoh pertama kita ingat saya ingin menyebutkan tentang pembangunan infrastruktur seperti rangkaian *highway* yang telah dibina di Selangor di Selangor juga mempunyai dua lapangan terbang bertaraf *international* Lapangan Antarabangsa Subang dan Lapangan Terbang KLIA dan di Selangor juga tidak terdapat tiga pelabuhan tiga pelabuhan yang bertaraf antarabangsa iaitu Pelabuhan Klang, Pelabuhan Klang Utara dan Pelabuhan Klang Barat. Selangor juga terdapat pelaburan, pelaburan yang membolehkan tarikan pelaburan pelabur-pelabur daripada negara yang sekian lama yang terkenal Negeri Selangor yang telah memberikan peluang bukan sahaja sumbangan ekonomi kepada negeri tetapi juga

pekerjaan dengan adanya *Industrial Park* yang telah wujud seperti dulu di PJ di Shah Alam di Pandamaran di Klang Utara di Petaling Jaya ini telah berjaya menarik pelaburan pada sekian lama dan hari ini perlulah diteruskan dalam bentuk- bentuk yang lain. Saya nak inilah dia jenis pelaburan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor taman-taman telah diwujudkan kemudian dari segi pendidikan di Negeri Selangor institusi pendidikan pengajian tinggi awam 4 buah universiti UITM, UKM, Universiti Islam antarabangsa, Universiti Putera terletak di Negeri Selangor. Begitu juga hospital 5 buah hospital telah wujud di Negeri Selangor di Klang di Shah Alam di Sungai Buluh di Selayang dan juga di Serdang yang terbaru ni *insya-Allah* saya nak bagi tahu Sekinchan bahawa Hospital Tanjung Karang akan berada juga di Negeri Selangor yang ini semua menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan memberikan perhatian yang lebih kepada Negeri Selangor. Demi kemajuan rakyat di negeri ini. Selain daripada itu juga dari segi jumlah peruntukan saya tengok Yang Amat Berhormat Menteri Besar menggeleng-geleng kepala saya pun tidak faham apa tujuannya tapi saya lihat yang saya nak beli faktanya dari segi perbelanjaan Kerajaan Persekutuan telah memberi juga memberikan peruntukan asas khusus kepada Kerajaan Negeri Selangor dalam tahun 2015, peruntukan yang besar kepada Negeri Selangor iaitu RM95.78 juta pada tahun 2015 dan ditambah kepada RM799 juta pada tahun 2016. Ini menunjukkan penambahan sebanyak RM37.27 juta. Saya juga ingin menyebutkan bahawa walaupun Negeri Selangor ini menjadi negeri pembangkang tetapi Kerajaan Persekutuan atas dasar kefahaman konsep *federalisme* ini tidak membelakangkan negeri Selangor, malah meningkatkan pembangunan. Negeri Selangor diberikan enam (6) projek *highway*, projek prasarana untuk pembangunan penyuraian trafik dan juga untuk memberikan kemudahan kepada golongan orang berpendapatan rendah dan miskin menikmati kemudahan awam melalui pembinaan LRT dan MRT di Negeri Selangor, pembinaan Loji Langat membolehkan rakyat di negeri Selangor ini dan pembekalan air mentah ke negeri Selangor melalui Sungai Pahang. Ini bertujuan tidak lain dan tidak bukan ialah membolehkan rakyat di negeri Selangor menikmati pembangunan tersebut dan banyak lagi contoh-contoh yang saya boleh berikan. Tetapi soalnya yang penting kepada saya ialah mewujudkan keadaan kerjasama dan kita jangan pula menuntut atas dasar yang dianggap sebagai sama rata. Kita kena melihat dari segi konsep keadilan. Selain daripada negeri Selangor yang telah maju yang sepatutnya boleh berdiri dengan sendirinya, Kerajaan Persekutuan juga kena memberikan perhatian kepada negeri-negeri lain. Negeri-negeri yang berbanding negeri Selangor ini masih tertinggal seperti Sarawak dan Sabah, negeri-negeri Pantai Timur yang pada hari ini diberikan peruntukan yang juga begitu banyak oleh Kerajaan Persekutuan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, masa dah habis tu.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Masa dah habis? Saya ada lagi dua, tiga perkara.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Boleh bahas dalam Jawatankuasa Penyata nanti. Bagi ayat terakhir Yang Berhormat.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ya, sebenarnya saya ingin membangkitkan bahawa saya berharaplah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dalam isu ini kita kena bekerjasama saling membantu. Janganlah kita menimbulkan isu-isu macam *federalisme* ini, sudah tuntutlah hak. Sebenarnya sedarlah bahawa Negeri Selangor ini telah juga diberikan begitu banyak peruntukan dan juga sumbangan untuk memastikan bahawa dari segi keadilan ia telah diberikan dengan sewajarnya dan sebaliknya kadang-kadang kita lihat bahawa gejala-gejala untuk mengekang daripada timbulnya suasana kerjasama yang erat antaranya Kerajaan Persekutuan dan Negeri Selangor ini yang perlu kita atasi seperti melambatkan projek Langat 2. Ini sama ada mengaku, tak mengaku bahawa sahabat kita Permatang pun telah menimbulkan perkara ini sampai menghalang pelaksanaan projek Langat 2. Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga masa jadi ADUN dulu telah terang-terang menentang supaya projek Langat 2 ini ditangguhkan. Malah saya ingat lagi *handsard* nya bahawa .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Yang Berhormat, jangan panjangkan lagi tajuk ini. Boleh berhenti tak?

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya akhirkan dengan beberapa perkara. Yang pertama, di kawasan saya. Kesimpulannya, kesimpulannya polemik *federalisme* ini hendaklah diberhentikan. Fokus kepada isu membina kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor. Itu ya.....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok cukup, Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Deklarasi rakyat. Dan jangan membuang masa dengan deklarasi rakyat. Jangan membazir, itu bukan kepada pembangunan negeri Selangor.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Sungai Burong, dah. Cukup, Sungai Burong, cukup.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya ucapan terima kasih. Sungai Burong menyokong titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih, Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih kepada Tuan Timbalan Speaker. *Bismillahir rahmanir rahim.*

Taman Medan juga ingin membahaskan titah tuanku Sultan yang telah menyentuh banyak perkara yang dekat di hati rakyat. Pertama sekali, Taman Medan juga ingin mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil langkah berani untuk mengurangkan belanja pengurusan berbanding belanja pembangunan. Apa yang telah berlaku pada tahun 2015, belanja pengurusan diletakkan kepada 53% tetapi pada tahun 2016 telah dikurangkan lagi sehingga kepada 50%. Jadi ini satu pendekatan yang baru dan yang berani telah melahirkan atau telah meninggalkan kesan yang positif dan telah menghasilkan lebihan hasil pada tahun 2015. *Insya-Allah* bagi tahun 2016 ini juga kita berharap perkara yang sama akan berlaku.

Keduanya, Taman Medan juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri yang begitu prihatin terhadap tekanan ekonomi terhadap rakyat di Negeri Selangor ini akibat daripada kesan global juga kesan di dalam negara khususnya pelaksanaan cukai perkhidmatan dan juga barang. Pertama sekali, pengecualian cukai taksiran bagi rumah-rumah kos rendah yang benar-benar telah membantu meringankan beban khususnya kepada peneroka bandar yang rata-rata merasa keperitan dan juga tekanan terhadap ekonomi keluarga. Yang keduanya, adalah pengecualian fi lesen. Ini secara terus, Taman Medan telah mendapat maklum balas daripada peniaga-peniaga kecil dalam DUN Taman Medan sendiri yang menyambut baik kerana Kerajaan Negeri tidak menunggu untuk membuat atau pun mengambil langkah pro aktif membantu rakyat meringankan beban. Taman Medan berharap selepas ini pelaksanaan bantuan makanan asas atau pun dikenali sebagai *Smart Food Stamp* akan dilaksanakan secepat mungkin kerana ini juga dapat membantu rakyat di bawah garis kemiskinan dan juga yang berpendapatan rendah.

Seterusnya tindakan atau pun penambahan peruntukan bagi projek bantuan atau pun skim bantuan pinjaman mikro atau pun dipanggil ‘Hijrah’ juga satu perkara yang disambut baik memandangkan ini memberi peluang kepada golongan peniaga kecil yang mendapati sukar membuat pinjaman daripada Bank dapat mengembangkan perniagaan mereka dengan mendapat bantuan pinjaman mikro daripada Kerajaan Negeri melalui ‘Hijrah’. Hanya ini cadangan daripada Taman Medan bagi memberi penambahbaikan kepada skim bantuan pinjaman ini agar dapat dijalankan satu kajian terhadap penerima-penerima bantuan pinjaman mikro ini akan kesan peningkatan atau pun peratusan peningkatan pendapatan peserta-peserta ‘Hijrah’ dalam tempoh pencapaian peningkatan tersebut yang telah mengambil pinjaman tersebut. Jadi statistik atau pun data ini boleh digunakan untuk mengenal pasti :-

1. Berapakah jumlah pinjaman yang wajar untuk diberi bagi melihat penambahan atau pun peningkatan pendapatan peniaga-peniaga ini.
2. Apakah perniagaan yang mungkin lebih kondusif atau pun lebih terkesan daripada pinjaman yang dibuat daripada ‘Hijrah’.

Seterusnya, skim Pembiayaan Rumah Rakyat. Ini juga satu skim bagi membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah mampu milik. Hanya Taman Medan merasakan skim ini boleh diperpanjang kepada mereka-mereka yang sudah memiliki rumah tetapi berdepan dengan tindakan lelongan rumah yang telah dibeli tetapi tidak mampu menjelaskan pembayaran kepada Bank. Jadi tindakan lelong telah diambil terhadap pemilik rumah ini walaupun mereka sudah membayar sebahagian besar daripada pinjaman kepada Bank. Jadi Taman Medan ingin mencadangkan supaya dapat dikaji skim Pembiayaan Rumah Rakyat ini. Kalau kiranya dapat dilebarkan bantuan ini kepada golongan yang menghadapi masalah membayar rumah yang juga hadapi tindakan lelongan rumah.

Seterusnya, berkaitan dengan pemuliharaan pokok di negeri Selangor. Ini merupakan salah satu perkara yang telah disentuh Tuanku Sultan untuk melihat Negeri Selangor ini hijau dengan menanam lebih banyak pokok pelbagai jenis dan usaha ini sangatlah dialu-alukan memandangkan pada hari ini begitu banyak pembangunan berlaku yang telah meratakan tapak pembangunan yang baru daripada apa jenis pokok dan tumbuhan. Oleh itu, Taman Medan ingin mencadangkan bagi kawasan yang sudah tewu dari segi pembangunannya mengambil tapak-tapak bekas kolam-kolam kumbahan IWK yang kini sedang melalui satu sistem pembetungan yang dinaiktarafkan. Jadi kolam-kolam kumbahan ini akan ditutup selepas selesai penaiktarafan sistem pembetungan di kebanyakan kawasan di Negeri Selangor khususnya di bandar-bandar. Jadi tapak-tapak ini boleh ditukarkan atau pun dijadikan tapak baru untuk aktiviti penanaman pokok yang dianjurkan oleh Tuanku Sultan. Oleh itu, Taman Medan berharap tapak-tapak ini tidak dibiarkan begitu sahaja tetapi diambil sebagai tapak baru untuk aktiviti penanaman pokok dan ini boleh menjadi satu ruang bagi Tuanku Sultan untuk bersama-sama dengan rakyat jelata, Baginda bersama-sama menghijaukan negeri Selangor.

Seterusnya Taman Medan ingin membangkitkan hal berkaitan dengan pemuliharaan Sungai Klang. Walaupun kesekian kali telah dibangkitkan isu pencemaran Sungai Klang ini tetapi sehingga ke saat ini, pencemaran Sungai Klang di dalam DUN Taman Medan ini masih berlaku. Taman Medan menggesa pihak Pejabat Daerah dan Tanah Petaling mengambil tindakan segera dan tegas terhadap pengoperator barang lusuh yang telah membuang bahan-bahan lusuh yang tidak diperlukan, yang telah ditolak ke dalam Sungai Klang dan ini telah menimbulkan masalah pencemaran yang lebih serius memandangkan usaha-usaha untuk membersihkan Sungai Klang ini menelan belanja yang begitu besar. Kalau mengikut perancangan *Smart Selangor* ini, pemuliharaan Sungai Klang telah diberi satu peruntukan untuk membuat kajian sahaja. Belum lagi membersihkan Sungai Klang yang telah menelan belanja RM15 juta. Jadi pendekatan untuk mengurangkan lagi pencemaran Sungai Klang ini perlu diambil dengan segera dan dengan serius sebab perkara ini telah dibangkitkan dan seingat saya sebelum Setiausaha Kerajaan Negeri yang sebelum ini bersara pada tahun 2014. Kini tahun 2016, belum ada satu pun

pengoperator barang lusuh itu tutup kedai, masih beroperasi malahan ada lagi tambahan yang membuka ruang untuk barang lusuh di situ. Jadi mohon perhatian yang lebih serius dan tindakan segera terhadap mereka yang telah melanggar undang-undang ini. Dan yang paling akhir adalah berkaitan dengan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan, dah habis masa.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Yang terakhir. Hanya ringkas, terdapat pembinaan RIBI yang tidak mendapat kelulusan di tapak-tapak awam dan juga tapak persendirian. Perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak yang berkaitan, perbincangan telah diadakan, lawatan ke tapak-tapak tersebut sudah juga dijalankan tetapi masih belum ada tindakan yang konstruktif. Jadi tapak-tapak, atau pun RIBI ini telah pun berkembang daripada sebuah pokok hingga kepada sebuah bangunan siap dengan bekalan elektrik. Jadi ini telah menimbulkan keresahan kepada penduduk di kawasan sekitar yang melihat tidak ada tindakan yang serius terhadap binaan yang haram ya dan saya mencadangkan kalau sekiranya tidak ada undang-undang untuk diambil tindakan terhadap struktur ini maka diwujudkan satu enakmen RIBI yang meletakkan syarat-syarat atau garis panduan bagi pembinaan rumah ibadat bukan Islam. Jadi dengan itu Taman Medan menyokong usul titah Tuanku Sultan. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Assalamualaikum WBT. Salam sejahtera, salam perpaduan, salam satu Selangor, salam 1 Malaysia. Selalu kalau dekat kawasan saya sebut 1, semua orang jerit Malaysia, tapi dalam dewan ini tak ada pula ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tempat lain itu.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Ok saya teruskan, Tuan Speaker izinkan saya sehingga saat-saat masa kecederaan ini tak ada lagi. Saya nak berucap, bagilah saya menutup, ada lagi, ada lagi, betul.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Cepat-cepat, sambung-sambung.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan juga saya ingin, Dengkil ingin menyokong penuh titah ucapan Tuanku yang mencakupi banyak perkara yang melibatkan kesejahteraan rakyat dan pembangunan negeri Selangor yang juga perlu diberikan perhatian yang serius oleh Kerajaan Negeri. Isu kesejahteraan rakyat ini saya nak sentuh juga berkenaan dengan isu ataupun Tuanku sendiri sudah menyebutkan mengenai skim pembiayaan rumah rakyat. Tuanku juga menyebutkan

bagaimana perlu kita menambah baik Program Projek rakyat (PPR) , PPRT saya nak kaitkan dengan Taman Permata. Terima kasih Sekinchan bangkitkan semalam isu Taman Permata rakyat Dengkil berkirim salam. Salam terima kasih Sekinchan, tapi hari ini saya nak bangkitkan secara *official* sebab wakil rakyat saya bukan Sekinchan kan. Tapi kalo Sekinchan nak bertanding dekat Dengkil dapat undi, boleh dapat undi kan, menang tak tahu lagi la kan, kena *kao teem* juga dengan calon PKR. Isu Taman Permata ini seperti mana yang YAB Dato' Menteri Besar tahu, maklum ia nya juga dibangkitkan di dalam Parlimen oleh YB Dato' Seri Noh Omar, YB Parlimen Tanjong Karang dan juga telah dijawab oleh YB Menteri KPCT ia nya berkisar berkenaan dengan Borang 5A yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan sepatutnya pada awalnya persefahamannya ialah ianya kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan buat rumah, Kerajaan Negeri bagi tanah. Tetapi Borang 5A yang dikeluarkan ia nya menyebut di situ bahawa Kerajaan Persekutuan kena bayar premium yang sama dengan harga tanah sebanyak RM12 juta. Jadi ini yang ditimbulkan oleh YB Tanjong Karang dan hari ini saya ingin menunggu jawapan gembira, berita gembira daripada YAB Dato' Menteri Besar mungkin esok semasa penggulungan, boleh YAB Dato' Menteri Besar jelaskan bahawanya Kerajaan Negeri juga akan bersama-sama dengan Kerajaan Persekutuan untuk saya ini merayu, Sekinchan kata kalau merayu, kalau tak didesak Menteri Besar boleh setuju. Kalau boleh rakyat Dengkil mahu dengar berita gembira bahawasanya premium yang dikenakan hanyalah premium yang dibayar secara nominal sahaja dan ini kalau itu berlaku saya mengucapkan terima kasih *in advance* kepada Menteri Besar ya. Deklarasi rakyat, pula dah. Ok. Selain daripada itu, saya juga ingin merayu, merayu lagi Sekinchan, *you cakap tak boleh desak kita merayu lagi Kerajaan Persekutuan buat rumah, buat rumah harganya RM48 juta, kemudian tapak yang lama itu, 10 ekar Sekinchan, 10 ekar itu diberikan kepada Kerajaan Negeri.* Kawasan perumahan Taman Permata, nilainya saya tahu Sekinchan, nilainya harga pasaran saya tahu walaupun saya bukan Ketua Menteri Pulau Pinang, walaupun saya bukan nak membeli tanah di situ, harga pasaran di situ lebih kurang RM45 ke RM50 sekaki persegi. Tak sampai 500 kaki persegi lah. Ia nya mahal, hampir RM1.5 juta ke RM2 juta seekar. Tapi saya merayu supaya ia nya diperuntukkan untuk projek perumahan rakyat ataupun projek perumahan rakyat termiskin. Kalau yang dapat sekarang ini, 400 orang, bekas-bekas pengusaha, pekerja ladang, tetapi kita boleh bina, 400 lagi rumah untuk program PPR ataupun PPRT ini. Ini untuk pengetahuan YAB Dato' Menteri Besar, kalau kawasan itu yang ada sekarang ini tidak sesuai, kalau perlu di naik taraf atau perlu dirobohkan semua sekali kita bina balik dan saya juga telah mendapat tawaran daripada KPCT untuk bersama-sama juga dengan Kerajaan Negeri untuk membangunkan rumah PPR ataupun PPRT. Jadi saya minta nanti dalam masa penggulungan YAB Menteri Besar akan respons tentang rayuan daripada saya ini, yang kedua juga isu kesejahteraan rakyat. Hari ini sebelum ini saya bawa isu berkenaan dengan *The Love* yang terletak isu kondominium yang terletak di berhadapan dengan Sekolah SMK Maahad Hamidiah dengan izin Tuan Speaker dalam kawasan Serdang tetapi saya telah bawa isu ini. Isu ini telah menjadi isu besar dan hari ini saya difahamkan

sebelum ini Menteri Besar sendiri turun ke sekolah sebenarnya *taskforce* bantahan projek ini dia tidak mahu mempolitikkan isu ini. Dia jemput Menteri Besar, dia jemput wakil kerajaan Persekutuan semuanya untuk menyelesaikan masalah ini. Saya difahamkan sudah dibawa ke peringkat MTES perkara ini, jadi saya minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri, apakah *solution* nya untuk kita menyelesaikan masalah isu kondominium 36 tingkat yang bakal dibina ia berhadapan di Sekolah SMK Maahad Hamidiah ini. Ramai yang tidak bersetuju, ramai yang membantah 40,000 orang menandatangani petisyen daripada baik daripada ibu bapa nya, daripada PIBG nya masyarakat setempat juga yang tidak menyokong pembinaan kondominium ini. Jadi apakah langkah seterusnya yang diambil oleh Kerajaan Negeri, adakah projek ini boleh dibatalkan? Apakah implikasinya dan saya ingin memohon di dalam dewan yang mulia ini sebab isu ini juga yang melibatkan rakyat terbanyak supaya kalau tidak boleh diselesaikan bawa perkara ini ke pendengaran SELCAT, panggil semua orang, panggil Majlis Perbandaran Kajang, panggil LLM, panggil PIBG dan panggil pihak-pihak yang berkepentingan untuk kita terangkan dengan lebih lanjut dengan isu ini. Selain daripada itu, Tuan Speaker, saya juga ingin membangkitkan berkenaan dengan isu air. Isu air ini saya bangkitkan dulu sebelum sidang dewan yang lepas. Bagaimana kita telah dapat menyelesaikan masalah ai, penstruktur air telah dapat diselesaikan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil minta pendekkan, minta pendekkan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Baru 3 minit Puan Speaker, Puan Speaker pula, Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minta pendekkan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Pendek, ok saya. Bagi saya 5 minit lagi, sikit lagi. Isu air ini sebenarnya isu masalah yang disebutkan janji. Janji Kerajaan Negeri, ini bukan janji Menteri Besar lama, mantan Menteri Besar. Tapi dia bercakap di situ atas kapasiti janji Kerajaan Negeri, isu saham air rakyat, yang ini saya rasa kita minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri supaya kita tahu ada atau tidak, jadi atau tidak saham air untuk rakyat sebab antara isu yang dibangkitkan supaya air ini dapat di struktur semula. Di war-war kan rakyat akan mendapat saham dan mendapat faedah daripadanya. Jadi, hari ini Kerajaan Negeri perlu memberitahu dewan yang mulia ini bahawa saham air rakyat ini akan diteruskan atau tidak. Itu yang kita nak dengar dan kalau perlu Sekinchan babitkan pakar, kalau ADUN Pelabuhan Klang merupakan pakar air, beliau mula-mula memberikan janji berkenaan saham air rakyat ini, Pihak Kerajaan Negeri *after all* Menteri Besar dan juga mantan Menteri Besar dulu daripada pasukan yang sama, boleh berbincang, boleh bersemuka, apa cara-cara untuk memberikan saham untuk rakyat ini. Ini saya ingin tekankan, janji Kerajaan Negeri bukan janji mantan Menteri Besar, parti yang sama mentadbir Kerajaan Negeri, malah tambah lagi satu parti amanah negara, dah ada 4 parti Pakatan Harapan. Jadi saya rasa ia nya perlu dititikberatkan oleh

Kerajaan Negeri. Akhir sekali saya rasa, saya sebenarnya banyak nak point ini tapi saya nak buat kesimpulan la, saya nak buat kesimpulan. Saya nak ucapkan terima kasih kepada deklarasi rakyat. Deklarasi menyokong kepimpinan YAB Dato' Seri Najib itu ada. Kacau lah Sekinchan, saya baru nak ucap terima kasih, tahniah dekat YAB Menteri Besar, Duli Yang Maha Mulia Tuanku, berpuas hati dengan pentadbiran YAB Menteri Besar selama 18 bulan. Alhamdulillah tahniah. Tapi saya nak ingatkan kerusi Menteri Besar itu kerusi panas walaupun empuk dia apa nama sejarah-sejarah lama Menteri Besar Selangor ini banyak cabaran dan dugaannya. Mungkin cabarannya bukan di luar YAB Menteri Besar, mungkin cabaran ataupun juga di dalam saya ingatkan supaya terus memberikan, meletakkan kepentingan rakyat dan Negeri Selangor ini sentiasa bertanggungjawab, istiqamah dan tawaduk jangan kita bila dah ada lama di dalam tampuk kuasa itu ada nanti pengaruh-pengaruh lupa diri tamak kan kuasa, haloba dan sebagainya, itu ingatan daripada saya, ikhlas daripada saya dan Dengkil menyokong penuh ucapan titah-titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Selangor ia nya juga sejajar dengan konsep Rakyat Selangor Didahulukan, Pencapaian Negeri Selangor Diutamakan. Assalamualaikum W.B.T.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Teratai.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Teratai. 1 minit.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Lama dia bercakap nak habiskan semua masa. Teratai menjunjung kasih titah Tuanku yang begitu prihatin dan *inclusive* dan Teratai mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Selangor selaras konsep negeri pembangunan dengan melakukan reformasi, meningkatkan peratusan belanja pembangunan kepada 50% yang mana merupakan satu-satunya Kerajaan Negeri yang berbuat demikian, dengan adanya GST harga banyak barang naik, lebih-lebih lagi Kerajaan Persekutuan minta pindaan bajet dengan menambahkan lebih banyak bajet dengan hutang bertimbun-timbun sedang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan. Teratai ingin menarik perhatian dewan yang mulia ini mengenai titah Duli Yang Maha Mulia Sultan Tuanku yang baginda telah menggunakan 178 patah perkataan berkenaan dengan kepentingan kita mengekalkan kehijauan negeri Selangor. Merujuk muka surat ke13 bagi menjamin alam semula jadi negeri Selangor dipelihara. Beta berharap Kerajaan Negeri segera mendukung usaha Jabatan Perhutanan untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengawal dengan baik sumbangannya...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Baiklah. Teratai. Saya minta duduk. Ahli Berhormat sekalian, jam menunjukkan jam 5.00 petang, saya menangguhkan dewan sehingga hari esok 31 Mac 2016 bermula jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

( Dewan ditangguhkan pada jam 5.00 petang )